Bil. 68

Isnin
7 Disember 1998

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA
Cuti Kepada Ahli - Kebenaran. (Ruangan 1)

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1999 (Ruangan 16)
Jawatankuasa:
Jadual-
Maksud B.49 (Ruangan 16)
Maksud B.50 (Ruangan 39)
Maksud B.51 (Ruangan 52)

USUL-USUL:
MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1) :
Surat Akuan Yang Diikrarkan Oleh Manjeet Singh Dhillon (Peguam Bela/Peguam Cara)
- Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Ruangan 14)

MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62 (Ruangan 15)

Anggaran Pembangunan 1999 (Ruangan 16)
Jawatankuasa:
Maksud P.49 (Ruangan 16)
Maksud P.50 (Ruangan 39)
Maksud P.51 (Ruangan 52)

Diterbit Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

" Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

" Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

" Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

" Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

" Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

" Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

" Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

" Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

" Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

" Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

" Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

" Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

" Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

" Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

" Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

" Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

" Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

" Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

" Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

" Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

" Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

" Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

" Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

" Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

" Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

" Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

" Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

" Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

" Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

" Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

" Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

" Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

" Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

" Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

" Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

" Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

" Tuan Asmat Nungka (Beluran)

Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

" Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

" Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

" Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

" Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

" Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)

" Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

" Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

" Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

" Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

" Puan Chua Soon Bui (Tawau)

" Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

" Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

" Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

" Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

" Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)

" Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

" Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

" Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

" Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

" Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

" Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

" Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

" Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

" Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

" Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

" Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

" Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

" Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

" Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

" Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

" Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

" Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

" Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

" Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

" Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

" Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

" Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

" Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

" Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

" Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

" Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

" Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

" Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

" Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

" Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

" Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

" Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

" Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

" Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

" Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

" Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

" Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

" Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

" Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

" Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

" Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

" Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

" Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

" Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

" Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

" Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

" Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

" Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)

" Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

" Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

" Tuan Radin Malleh (Tenom)

" Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

" Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

" Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

" Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

" Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

" Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

" Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

" Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

" Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

" Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

" Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

" Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

" Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

" Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

" Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

" Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

" Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

" Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

" Tuan Tiong Thai King (Lanang)

" Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

" Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

" Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

" Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

" Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

" Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

" Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

" Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

" Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

" Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

" Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

" Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

" Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

" Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Nora'ini binti Hetam
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 7 Disember 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli bagi kawasan Kota Melaka dari 20 Oktober hingga 10 Disember 1998.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

BANK RAKYAT – DIVIDEN UNTUK TAHUN 1997

1. **Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor [Pasir Mas]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berapakah dividen yang akan dibayar kepada pemegang saham Bank Rakyat pada tahun 1997. Bilakah bayaran tersebut akan dibuat.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa Bank Rakyat akan membayar dividen pada kadar 20% sesaham iaitu 10% sesaham dividen tunai dan 10% sesaham dividen saham dipermodalkan berjumlah RM28.68 juta. Urusan pembayaran sedang dibuat dan anggota-anggotanya dijangka akan menerima dividen masing-masing pada pertengahan bulan Januari 1999.

Kadar dividen telah ditetapkan berasaskan kepada jumlah keuntungan sebelum cukai dan zakat dalam tahun berkenaan sebanyak RM82.958 juta dan jumlah keuntungan terkumpul yang berjumlah RM164.623 juta.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada prestasi yang baik diperolehi oleh Bank Rakyat pada tahun-tahun yang lepas, adakah pihak Bank Rakyat akan meneruskan cadangan awalnya untuk mengkorporatkan ataupun untuk menjadikan Bank Rakyat ini sebagai salah sebuah institusi bank perdagangan sebagaimana bank-bank komersial yang berunsurkan Islam?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan. Bank Rakyat adalah sebuah bank koperasi yang menjalankan aktiviti mengikut Akta Koperasi dan Akta Bank Rakyat, jadi kalau hendak dijadikan sebagai sebuah bank perdagangan, statusnya perlu diubah dan setakat ini belum ada cadangan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Bank Rakyat akan dimasukkan ke dalam penggabungan bank-bank lain sebagaimana yang dilakukan kepada beberapa buah bank komersial dan jika ya, bilakah Bank Rakyat akan berbuat demikian?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah sila ulangi, tidak berapa jelas tadi?

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Bank Rakyat akan dimasukkan atau akan digabungkan dengan bank-bank lain yang berbentuk Islam (merger) sebagaimana yang dilakukan kepada bank-bank komersial yang lain yang dibuat sebelum ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, belum ada cadangan setakat ini.

***[Soalan No. 2** – Y.B. Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan] tidak hadir]*

LUMBA HARAM DAN SAMSENG JALAN – HUKUMAN BERAT

2. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian mempunyai rancangan untuk meminda undang-undang jalan raya bagi mengenakan hukuman berat seperti mewajibkan hukuman sebat selain daripada hkuman-hukuman lain ke atas pesalah-pesalah yang terlibat dalam lumba haram memandangkan gejala ini masih lagi berleluasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, perlumbaan haram adalah suatu kegiatan tidak sihat di mana mereka yang terlibat didapati memandu atau menunggang sesuatu kenderaan di jalan awam yang mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan juga kepada pengguna jalan raya yang lain. Oleh kerana kegiatan lumba haram ini berbentuk ganas dan merupakan suatu kesalahan yang lebih mendorong kepada berlakunya kemalangan, maka usaha membendung kegiatan ini adalah diterajui oleh Polis Diraja Malaysia.

Dalam pada itu, kerjasama bersepadu di antara agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Alam Sekitar sering diadakan. Namun kerjasama yang dilaksanakan adalah bertumpu kepada penguatkuasaan peruntukan di bawah Kanun Keseksaan iaitu di bawah peruntukan 279 berkaitan dengan memandu atau menunggang dengan gopoh atau cuai hingga membahayakan nyawa manusia atau hingga mungkin menyebabkan cedera atau bencana kepada seseorang yang lain.

Bagi membendung kegiatan lumba haram ini dari terus menular, kerajaan sedang menyemak semula peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Keseksaan bagi tujuan mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk sebatan, penjara mandatori sebagai pencegahan (deterrent), dengan izin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu jawatankuasa telah menjalankan kerja-kerja mengkaji semula peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan termasuk juga peruntukan-peruntukan yang sedia ada di bawah Kanun Keseksaan akan ditambah lagi dengan satu peruntukan yang baru walaupun tidak diluluskan lagi di Dewan yang mulia ini, mungkin akan dibentang pada sesi tahun hadapan di mana di bawah 279A memberi tafsiran baru kepada istilah 'berlumba' iaitu berlumba termasuk memandu atau menunggang apa-apa kenderaan di atas jalan awam dengan cara merbahaya untuk tujuan mendapatkan imbuhan atau tidak, sama ada dirancang atau tidak, di dalam keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada nyawa manusia atau yang boleh menyebabkan kecederaan kepada diri sendiri atau kepada pengguna jalan raya yang lain.

Dan di bawah pindaan ini jika diluluskan, maka penalti ini akan ditingkatkan lagi seperti dari segi denda memang akan ditingkatkan, ditambah lagi sekurang-kurangnya RM5,000 tidak melebihi RM10,000 dan dipenjarakan tidak kurang daripada tiga tahun dan jika mereka cuba melarikan diri dari tangkapan, maka sebatan akan juga dikenakan kepada mereka dan mahkamah diberikan hak untuk melucuthak kenderaan yang terlibat dalam kegiatan seumpama ini.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya difahamkan bahawa pelumba-pelumba haram ini mendapat hadiah yang lumayan jika mereka menang dalam perlumbaan haram itu, persoalannya adakah pihak berkuasa telah mengenal pasti sama ada, ada pihak yang menganjurkan perlumbaan haram ini?

Jika ada, apakah tindakan yang telah diambil berkaitan dengan perlumbaan haram ini dan dalam meminda peraturan ataupun akta sama ada peruntukan ini ada diambil kira berkaitan dengan penganjur. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar ada setengah daripada pelumba-pelumba haram ini memang mendapat imbuhan yang amat lumayan dan setengah dalam kegiatan ini memang ada penganjur-penganjur, tetapi dalam rondaan atau tindakan oleh pihak penguatkuasaan seperti PDRM bekerjasama dengan JPJ, kita sentiasa dapat menangkap pihak-pihak yang terlibat dalam lumba haram, tetapi malangnya penganjur susah dapat dikesan, tetapi dengan pindaan yang akan dibuat tidak lama lagi, memang kita juga mempunyai satu peruntukan khas bagi pihak-pihak sebagai penganjur perlumbaan haram ini.

Penalti-penalti yang dikenakan terhadap penganjur-penganjur ini adalah sama berat dengan orang ataupun peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam kegiatan yang tidak sihat ini. Sekian.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pindaan yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' tadi, adakah ia juga akan meningkatkan hukuman kepada samseng-samseng jalan yang kian meningkat masa kini.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dalam kajian semula mengenai peruntukan-peruntukan sama ada di bawah Kanun Keseksaan yang melibatkan wakil-wakil dari Polis Diraja Malaysia dan juga pegawai-pegawai dari Kementerian Dalam Negeri, pada masa yang sama juga JPJ sedang dalam suatu kajian untuk membuat pindaan kepada akta yang sedia ada di mana samseng jalan juga akan dikenakan penalti yang lebih berat dan dalam pada ini, pindaan akan dibuat juga kepada Kanun Keseksaan mengenai hal-hal samseng jalan dan kita memberi jaminan iaitu samseng jalan memang suatu perkara di mana kerajaan pandang cukup serius.

'MAINTENANCE CHARGES' PANGSAPURI – KEGAGALAN MEMBAYAR

4. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan terdapat banyak kes di mana pemilik unit pangsapuri atau kondominium tidak membayar 'maintenance charges' mereka kepada perbadanan pengurusan, apakah cadangan-cadangan ataupun langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara adalah hampir sama dengan pertanyaan beliau pada 9 Disember 1998, maka kedua-duanya akan dijawab sekali gus sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tertakluk kepada Akta Hakmilik Strata 1985 yang ditadbirkan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Hakmilik Strata tahun 1985, perbadanan pengurusan mempunyai dua kaedah untuk mendapatkan kembali bayaran perkhidmatan yang gagal dibayar oleh pemilik-pemilik pangsapuri ataupun kondominium.

(i) perbadanan pengurusan boleh mengambil tindakan mahkamah menurut seksyen 53 Akta Hakmilik Strata; dan

(ii) perbadanan pengurusan boleh memohon kepada pentadbir tanah untuk suatu waran tahanan di bawah seksen 53A Akta Hakmilik Strata untuk menyita harta ahli mana-mana pemilik yang berhutang itu.

Dalam hubungan ini, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sedang mengkaji kemungkinan Akta Hakmilik Strata dipinda untuk menjadikan kegagalan membayar bayaran perkhidmatan suatu kesalahan di bawah akta itu. Penguatkuasaan serta pengawalseliaan mengenai hal itu dicadangkan akan dipertanggungjawabkan kepada Pesuruhjaya Hakmilik Strata yang dilantik di bawah akta tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan kajian yang menyeluruh supaya kita mendapat tahu bilangan yang tidak membayar dan sebab musabab mereka tidak membayar dan saya bangkitkan hal ini kerana di kawasan saya juga timbul masalah seumpama ini. Misalnya di Taman Jinjang Baru ada walk-up flat juga dan juga Intan Baiduri di mana ada setengah orang yang enggan membayar dan wujudnya masalah, sehingga sekarang tidak dapat diselesaikan.

Begitu juga dengan kawasan-kawasan di Cheras, di Bagan, di Ipoh dan sebagainya dan di seluruh negara, saya bangkitkan kerana ini penting, bukan setakat menguatkuasakan Akta Hakmilik Strata 1985 yang menggunakan kaedah tindakan mahkamah waran dan juga waran dari pentadbir tanah. Ini memang walaupun dari segi undang-undang memang kita ada, tetapi kalau keseluruhannya peratusan yang besar tidak membayar, susah hendak kita gunakan kerana beratus-ratus ribu macam mana kita boleh gunakan ....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalannya Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalannya .....

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu sahaja dia ini! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sudah buat soalan pada awalnya.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia berucap, dia bukan soal!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana ucap pula? Adakah Yang Berhormat sudi mengadakan satu kajian menyeluruh?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak sudi.

Seorang Ahli: Mr. Bean. *[Ketawa]*

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, akta itu akan dipinda, satu kajian sekarang ini sedang dijalankan untuk meminda akta tersebut supaya perkara ini boleh diurus dengan lebih baik dan dipertanggungjawabkan oleh Pesuruhjaya Hakmilik Strata, ini bermakna kita akan cuba atau dengan adanya pindaan itu, kita haraplah perkara ini dapat diurus dengan lebih baik dan satu cara yang lebih berkesan supaya tidak timbul lagi perkara seperti ini di mana pihak pemilik kondominium atau pangsapuri itu enggan membayar maintenance charges yang disebutkan tadi.

Ini juga akan memaksa mereka yang diberi pertanggungjawaban itu mengambil tindakan terhadap sesuatu yang gagal atau enggan membayar. Dengan adanya penguatkuasaan itu, saya rasa perkara ini boleh diselesaikan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya macam ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, biasanya ini tidak ada soalan tambahan kepada soalan tambahan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, ini penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, kerana .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, duduk.

Seorang Ahli: Terima kasih, sudah jelas.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan dan pendapat kementerian kalau sekiranya ada berlaku kelemahan dari pihak pemilik pangsapuri atau kondominium itu, itu sudah dijawab tadi. Ada juga berlakunya pihak pengurusan kondominium ini, sungguhpun pembayaran oleh pihak pemilik unit pangsapuri itu telah pun dijalankan dan dijelaskan tetapi pihak pengurusan tidak menjaga, mengawal selia kawasan-kawasan kolam renang dan kawasan persekitaran dengan memuaskan, apakah tindakan dan pandangan pihak kementerian?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju buat masa sekarang, sebab syarikat pengurusan itu dilantik oleh sipemilik pangsapuri itu, maka dengan situasi sekarang adalah sukar sedikit kalau pengurusan itu tidak mengambil tindakan yang sewajarnya.

Saya rasa perkara ini boleh diselesaikan apabila Pesuruhjaya Hakmilik Strata itu dilantik dalam akta tersebut dan Pesuruhjaya itu diberi kuasa untuk mengendalikan semua pihak termasuk pihak syarikat pengurusan dan juga si pemilik pangsapuri atau kondominium itu supaya kedua-duanya adalah di bawah kuasa Pesuruhjaya ini.

[Soalan No. 5 – Y.B. Dr. G. Leelavathi [Kapar] tidak hadir]

[Soalan No. 6 – Y.B. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] tidak hadir]

[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Paul Nointien [Penampang] tidak hadir]

PELABUHAN DI MALAYSIA – TARIKAN KEPADA PENIAGA TEMPATAN

8. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat mana pelabuhan-pelabuhan kita dapat menarik peniaga-peniaga tempatan, khususnya mereka dari Sabah dan Sarawak, untuk menggunakan kemudahannya. Apakah kelebihan pelabuhan kita berbanding dengan Singapura.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan pelabuhan tempatan sedikit sebanyak menunjukkan peningkatan berdasarkan kepada kenaikan kadar pengendalian kargo. Setakat ini 60% daripada kargo tempatan dieksport secara terus melalui pelabuhan tempatan. Walau bagaimanapun, kerajaan belum berpuas hati dengan keadaan yang ada dan usaha-usaha terus dijalankan bagi memperbaiki keadaan yang sedia ada.

Peniaga-peniaga dari Sabah dan Sarawak sememangnya menggunakan pelabuhan-pelabuhan tempatan seperti Pelabuhan Sabah, Pelabuhan Kuching dan Bintulu. Walau bagaimanapun, sebahagian dari kargo-kargo tersebut masih di'feeder' ataupun diangkut ke Singapura disebabkan masalah kekurangan frequency of call, dengan izin, Pelabuhan Klang berbanding dengan Pelabuhan Singapura.

Masalah ini sedang cuba diatasi oleh kerajaan bagi memastikan semua peniaga tempatan dapat mengeksport ataupun mengimport barangan mereka ke destinasi akhir melalui pelabuhan tempatan tanpa perlu di'feeder' ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pelabuhan kita adalah setanding dengan Singapura, malah dari segi caj pelabuhan, Pelabuhan Klang merupakan yang termurah di rantau ini berbanding dengan Singapura. Sekian.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pelabuhan Bintulu adalah pelabuhan laut dalam unggul di Sarawak walaupun satu dermaga besar dengan kemudahan yang baik telah pun ditambah baru-baru ini, tetapi kemudahan menyokong seperti jalan-jalan raya yang menuju ke pelabuhan ini sangat tidak memuaskan, jadi apakah tindakan kerajaan supaya kemudahan ini dinaik taraf ke tahap setanding dengan kemajuan pelabuhan ini? Sekian.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan menyedari bahawa setengah-setengah jalan yang menghubung pelabuhan dan bandar-bandar besar memang bukan dalam keadaan yang memuaskan, tetapi saya difahamkan dalam Budget bagi tahun hadapan, Kerajaan Pusat telah pun memperuntukkan sebanyak melebihi RM300 juta untuk memperbaiki keadaan ini khususnya dari segi rel di Semenanjung Malaysia, kemudahan rel akan ditambah supaya jalan sambungan kepada pelabuhan dapat dipertingkatkan lagi.

Bagi pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak di dalam peruntukan ini juga ada sedikit sebanyak telah pun diperuntukkan untuk memperbaiki keadaan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada benar bahawa ada alasan di antara sebab-sebab di mana pengeksport tempatan enggan menggunakan pelabuhan tempatan adalah kerana kos pengangkutan atau freight charges yang tinggi dan kos pengangkutan lori dan kelewatan barangan tempatan mengeluarkan atau meninggalkan pelabuhan dan akhirnya nampaknya lebih murah menggunakan Pelabuhan Singapura, saya ingin bertanya sama ada benar kenyataan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan yang diberikan oleh setengah-setengah pihak seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat mungkin benar dalam sepuluh tahun yang lepas, tetapi hari ini telah banyak berubah di mana pelabuhan kita juga telah mempertingkatkan lagi dari segi kemudahan-kemudahan di pelabuhan dan dari segi freight charges, dengan izin, saya tidak pasti sama ada dakwaan itu betul atau tidak sebab mengikut pengetahuan kita, freight charges dalam negara ini, misalnya dari Pulau Pinang hantar barangan melalui kontena melalui Pelabuhan Klang masih dalam kadar yang agak munasabah dan rendah.

Bagi caj pelabuhan pula, jika dibandingkan dengan pelabuhan yang lain di rantau ini, caj pelabuhan di Pelabuhan Klang adalah yang termurah sekali, sebab kita tidak pernah naikkan kadarnya sejak 20 tahun yang lalu hingga sekarang tetapi di pelabuhan lain sudah dinaikkan beberapa kali.

Walau bagaimanapun, dalam usaha kerajaan untuk memperbaiki keadaan pada keseluruhannya freight charges ini akan diteliti semula dan saya memberi jaminan iaitu dalam usaha kita, kita akan memberi tumpuan juga kepada freight charges dan lain-lain aduan yang diterima oleh pihak kami.

"BEIJING PLATFORM FOR ACTION"– MENYEDIAKAN LAPORAN PELAKSANAAN

9. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tindakan-tindakan yang sedang diambil sebagai persiapan kepada laporan yang akan dibuat di Persidangan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu United Nations) pada Jun 2000 yang akan menilai pelaksanaan negara mengenai "Beijing Platform for Action".

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, kerajaan amat komited dalam melaksanakan semua tindakan selaras dengan "Beijing Platform for Action" dan seterusnya untuk menyediakan laporan pelaksanaannya. Di antara tindakan yang perlu dilaksanakan ialah pengukuhan institusi, organisasi berkaitan dengan wanita. Komitmen kerajaan ke arah usaha tersebut dapat dilihat dengan jelas apabila kerajaan meluluskan kenaikan taraf Bahagian Hal Ehwal Wanita kepada jabatan pada tahun 1997.

Seterusnya Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 1997 bagi menggariskan semua tindakan yang perlu diambil oleh setiap kementerian, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha untuk mencapai matlamat agar wanita dapat diintegrasikan sepenuhnya ke dalam arus pembangunan.

Setiap kementerian, agensi kerajaan dan NGO mempunyai tanggungjawab masing-masing bagi menjayakan aktiviti yang dirancang. Di dalam aktiviti memantau pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Jabatan Hal-Ehwal Wanita mendapat input mengenai program-program tersebut dari masa ke semasa dari semua pihak yang berkenaan seperti kementerian, jabatan, badan-badan bukan kerajaan dan para akademik. Di antara mesyuarat yang diadakan secara berkala ialah mesyuarat penyelarasan hal ehwal wanita, sementara kementerian, agensi yang turut dianggotai oleh wakil Unit Perancang Ekonomi (UPEN) setiap negeri.

Selain daripada itu siri-siri perbincangan, percambahan fikiran mengikut sektor juga turut diadakan mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita itu. Setakat ini empat siri perbincangan telah diadakan iaitu

(i) wanita dan pembuat keputusan (representasi);

(ii) wanita dan ekonomi;

(iii) wanita dan media; dan

(iv) wanita dan pendidikan.

HAWA juga telah dengan kerjasama Universiti Malaya menyiapkan kajian mengenai keberkesanan mengenai undang-undang kini dalam memberi perlindungan kepada wanita.

Jabatan Hal Ehwal Wanita juga dengan kerjasama pelbagai pihak telah dan akan terus menganjurkan beberapa seminar seperti wanita dan media, wanita dan pekerjaan, gangguan seksual selaras dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan "Beijing Platform for Action". Laporan menyeluruh kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan meliputi semua input yang diperolehi daripada sesi-sesi yang telah dinyatakan.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, telebih dahulu saya ingin menyatakan syabas kepada pihak kementerian di atas usaha-usahanya tetapi saya ingin bertanya apakah kementerian di dalam menyediakan laporan yang akan dibentang di dalam bulan Jun 2000 iaitu lebih kurang 18 bulan lagi, pihak kementerian telah meminta daripada semua 24 buah kementerian yang ada supaya menyediakan laporan masing-masing bagi memastikan setiap kementerian benar-benar melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana telah dikenal pasti di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita peringkat negara dan apakah pihak kementerian juga telah menyediakan ataupun menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memastikan semua input ini dapat menyaingi atau se'standard' dengan laporan negara-negara lain, umpamanya Finland telah pun mengeluarkan satu laporan tahunan berkaitan dengan implementasi "Beijing Platform for Action" itu.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, rupanya banyak yang Yang Berhormat minta penjelasan tetapi pada dasarnya saya sudah

memberitahu tadi. Sungguhpun begitu, pada masa ini Jabatan Hal-Ehwal Wanita melalui juruperunding yang dilantik iaitu Profesor Dr. Rokiah Talib sedang menyiapkan laporan pertama mengenai Convention for the Elimination of Discrimination Against Women (CEDAW) dan dijangka akan dapat dihantar kepada jawatankuasa pemantauan CEDAW, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1999 setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Laporan CEDAW merupakan satu analisis yang kritikal ke atas setiap data yang dibentangkan. Ia juga merangkumi pelbagai sektor yang berkaitan dengan wanita seperti mana yang telah ditetapkan dalam Pelan Tindakan Beijing. Penerimaan Malaysia terhadap CEDAW membuktikan komitmen kerajaan di atas usaha untuk meningkatkan lagi kemajuan wanita di negara ini. CEDAW merupakan satu mekanisme untuk membangunkan potensi wanita agar mereka benar-benar dapat menyumbangkan kepada pembangunan negara dan diiktiraf sebagai rakan kongsi yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di dalam menjana negara ke tahap pembangunan yang gemilang.

Jadi, itulah satu usaha kementerian supaya yang dicadangkan, diniatkan oleh "Beijing Platform for Action" dapat diadakan mengikut jadual. Sungguhpun begitu, tadi saya sudah memberitahu bahawa satu jawatankuasa dan satu lagi penyelaras iaitu bagi pihak kementerian, jadi saya rasa apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu memang terkandung di dalam jawapan ini dan memang sedang dibuat oleh kementerian. Jadi, kita harap segala jawatankuasa dan bagi pihak penyelaras perkara ini akan dijalankan dengan masa yang ditetapkan di masa akan datang. Kita berharap dalam tahun 2000 nanti tentu segala-galanya, sungguhpun dalam beberapa bulan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita harap perkara ini dapat dibuat mengikut jadual.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar di dalam CEDAW dan 'Beijing Platform for Action" termasuklah usaha untuk meminda semua akta yang mendiskriminasikan kaum wanita dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah yang telah dibuat kepada pindaan ke atas Akta Penjagaan Kanak-kanak (Guardianship of Infant Act) yang sebelum ini pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa pindaan itu akan dibawa ke Dewan yang mulia ini pada sesi ini tetapi saya tidak nampak, satu pun tidak nampak! Apakah masalah yang dihadapi oleh HAWA ataupun kementerian?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat tadi tetapi perkara ini pada masa ini belum dapat diselesaikan kerana perkara ini ada kaitan dengan beberapa pihak yang lain. Jadi, oleh kerana itu saya pun telah diberitahu iaitu perkara ini memang sedang dibuat dengan secepat mungkinnya. Jadi, kita harap sungguhpun akta yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri akan dibawa ke dalam sidang pada masa ini tetapi perkara ini belum dapat dibuat. Jadi, kita harap akan dibuat dengan secepat mungkin.

SEKOLAH SENTRAL DI KAWASAN BARAM – CADANGAN PEMBINAAN

10. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian mempunyai cadangan untuk membina sekolah sentral di kawasan Baram. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak proses pemusatan sekolah-sekolah kecil atau sekolah-sekolah kekurangan murid sedang dalam peringkat awal pelaksanaan. Secara umumnya daripada 742 buah sekolah rendah kekurangan murid, sebanyak 297 buah akan terlibat dan akan dipusatkan menjadi 106 buah sekolah. Daripada jumlah ini, sebanyak 31 buah sekolah rendah dari kawasan Baram akan terlibat di dalam proses pemusatan ini. Jika

dilaksanakan sepenuhnya pemusatan ini akan melibatkan seramai 27,996 orang murid dalam 1,331 buah kelas.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih, di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi. Pembinaan sekolah sentral di Baram ini memang kita sokong padu kerana ketika ini kita sedar bahawa prestasi peperiksaan murid-murid di sekolah-sekolah rendah di kawasan pedalaman di seluruh negara setiap tahun adalah sangat berkurangan jika dibandingkan prestasi murid-murid daripada sekolah-sekolah rendah di kawasan bandar. Saya ingin tahu apakah sebab-sebab perbezaan ini berlaku dan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini ataupun bagi mengurangkan perbezaan ini setakat ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkat tahap pencapaian di sekolah-sekolah kecil termasuklah proses pemusatan untuk sekolah-sekolah di Sarawak atas persetujuan atau permintaan PIBG dan lembaga pengelola dan juga Kementerian Pendidikan akan terus cuba menghantar guru-guru yang terlatih dan mempunyai pengalaman termasuklah guru-guru cemerlang kepada sekolah-sekolah yang kecil di luar bandar tetapi saya ingin jelaskan bahawa bukan semua sekolah kecil di luar bandar yang mempunyai prestasi yang rendah. Ada sekolah-sekolah kecil di luar bandar yang sudah menjadi sekolah-sekolah contoh kerana dengan usaha guru besar itu mereka telah menjadikan sekolah itu bukan sebagai sekolah biasa tetapi sebagai sekolah di mana ada seorang guru yang menjaga satu, dua atau tiga orang murid di dalam kelas dan dengan itu mereka boleh memberi, bukan sahaja proses pengajaran tetapi bimbingan, tuisyen dan sebagainya. Akhirnya ada sekolah-sekolah kecil yang mempunyai prestasi dengan kebanyakan mereka mendapat 5A atau 7A.

*[**Soalan No. 11** – Y.B. Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir].*

ANALISIS MENGATAKAN UMNO/BN KEHABISAN MODAL/KEKUATAN – KEBENARANNYA

12. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar analisis yang mengatakan UMNO/Barisan Nasional kehabisan modal/kekuatan, maka pertikaian dengan Singapura sengaja dicipta untuk mengalihkan pandangan rakyat terhadap isu kegawatan ekonomi bagi mengekalkan kuasa memerintah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai tugas yang berat untuk memulihkan ekonomi negara. Setakat ini, kita bersyukur kerana usaha-usaha ini telah mendatangkan kesan-kesan positif. Justeru itu tidak perlu kerajaan mencipta alasan-alasan tertentu seperti sengaja mencipta isu pertikaian dengan Singapura dan lain-lain untuk mengalih pandangan rakyat. Mungkin parti pembangkang yang sudah kehabisan modal yang terpaksa mengadakan cerita-cerita dan pembohongan untuk mengabui mata rakyat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ceramah-ceramah PAS ini memang membangkitkan perkara-perkara ini, kita mencipta pertikaian dengan Singapura, kita mencipta minta Al Gore datang berucap di negara kita, kita mencipta supaya Madam Madeleine Albright pun datang berucap, kita mencipta semua – ini dia berucap di kawasan-kawasan, ceramah-ceramah yang dia bangkitkan selalunya di kawasan-kawasan. Jadi, saya ingin tahu siapa yang lemah. Orang yang mencipta, mengada-adakan dan mengatakan bahawa kita yang sengaja buat sehingga kita kadang-kadang sampai..... – hari itu saya ingat hendak isytihar perang dengan Singapura sebab kita marah tetapi mereka mengata kita sengaja

mencipta. Jadi, saya ingin tahu siapa yang lemah dari segi parti ini, sama ada Barisan Nasional ataupun orang yang mencipta perkara-perkara ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, orang yang kuat menipu ini dia fikir semua orang menipu, sebab itu kalau soalan-soalan yang dia tanya kepada kita semuanya seolah-olah kita ini mencipta sebab dia yang kaki cipta penipuan dan pembohongan ini semua dan saya kira perkara-perkara penipuan dan pembohongan yang dibuat oleh pembangkang ini bukan perkara yang baru. Ia telah dibuat daripada tahun mula-mula kita ada pilihan raya dahulupun telah dibuat tetapi yang penting di sini rakyat yang memutuskan siapa yang lemah dan siapa yang tidak lemah dan sebanyak sembilan kali kita bertanding pilihan raya, jelas bahawa rakyat tahu Barisan Nasional yang kuat dan bukan pembangkang.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Satu kenyataan yang telah dibuat oleh George Soros terhadap Perdana Menteri bahawa masalah yang besar sekarang ini, masalah yang timbul di Malaysia ini bukan kerana orang lain tetapi berpunca daripada Perdana Menteri kerana mereka menjaga kepentingan mereka, menjaga kepentingan anak-pinak mereka dan menjaga kepentingan keluarga dan juga kawan-kawan yang terdekat dengan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat kena soal terus ya. Ini bukan peluang untuk bersyarah Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini soalan ……*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sabar, ini tidak sabar. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pandangan George Soros terhadap Perdana Menteri dan meminta supaya bekas TPM dibebaskan daripada tahanan sekarang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab – tidak beri jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ia terkeluar juga Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat hendak jawab, jawablah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak saya hairan dia Ahli Parlimen parti PAS. PAS ini parti Islam, George Soros ini Yahudi, macam mana Islam boleh percaya pada Yahudi ini? Ini semua penipuan yang dibuat oleh George Soros, kita kenal siapa George Soros, membuat tuduhan yang membabi-buta.

Jadi saya amat berdukacitalah iaitu seorang Ahli Parlimen daripada parti Islam yang sanggup tidak percaya kepada seorang Perdana Menteri yang beragama Islam tetapi lebih kepada George Soros orang Yahudi yang sememangnya kita tahu sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan kita. Jadi kalau tanya kepada saya, saya tidak percaya kepada Yahudi. Balik dan baca al-Quran semula mungkin kita faham apa sebabnya.

***[Soalan No. 13** – Y.B. Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang] tidak hadir]*

***[Soalan No. 14** – Y.B. Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis] tidak hadir]*

***[Soalan No. 15** – Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]*

KEJAYAAN WAWASAN 2020 - KOMITMEN

16. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan komitmen kerajaan dalam menjayakan cita-cita Wawasan 2020 dalam suasana pertumbuhan ekonomi pada kadar kurang dari 7%, ketidakstabilan inflasi dan kemerosotan indeks komposit BSKL.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional sememangnya terus komited untuk menjayakan cita-cita Wawasan 2020. Dasar dan strategi jangka panjang yang dirancang ke arah ini tidak berubah. Walaupun pertumbuhan ekonomi negara ini sekarang agak rendah, ini hanya merupakan halangan sementara. Kita yakin matlamat Wawasan 2020 akan dapat dicapai dengan semua pihak bekerjasama dan berusaha untuk memulihkan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah pun membentuk dasar dan pendekatan bagi menangani masalah kemelesetan ekonomi yang timbul berikutan daripada kemerosotan nilai mata wang dan pasaran saham. Garis panduan serta strategi yang lengkap untuk semua bidang supaya kita semua bergerak dan bertindak secara teratur sedang dilaksanakan.

Kita bersyukur kerana tanda-tanda positif daripada tindakan ini telah pun dapat kita lihat. Mata wang Ringgit telah lebih stabil, pasaran saham telah meningkat dan hasil dagangan luar juga telah bertambah. Besar kemungkinan kita akan dapat memulihkan semula ekonomi ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian semua pihak perlu memainkan peranan bersama untuk menentukan matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai dengan jayanya. Kita mesti mengekalkan kestabilan sosio politik negara, memelihara keharmonian antara kaum dan antara agama serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa usaha memulihkan ekonomi terus berjalan dengan lancar. Dengan sokongan padu daripada semua pihak, cita-cita negara ini untuk mencapai ke tahap negara maju menjelang tahun 2020 akan tetap menjadi kenyataan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah kerajaan akan mengkaji balik komitmen Wawasan 2020 memandangkan kita pada masa ini ada banyak estet di mana air bersih pun tidak ada? Adakah kerajaan sedar mengenai perkara ini dan dalam keadaan ini bagaimana Wawasan 2020, Wawasan 1998 semua rakyat yang berada di luar bandar dan di estet-estet mendapat air bersih sekurang-kurangnya?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berniat untuk mengkaji semula target kita kerana pada hemat kita selama ini kita telah mencapai matlamat, walaupun unjuran ataupun hasrat kita untuk mencapai tahap kemajuan sebanyak 7.2% dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, pertumbuhan kita meningkat lebih daripada 8%. Bererti kita telah menjalani pertumbuhan lebih laju daripada anggaran kita. Satu lagi kita tidak akan mengkaji semula target adalah kerana kalau ada kekurangan, kerajaan tidak mengambil keputusan hendak turunkan target malahan kita akan baiki prestasi kita, di mana kurang kita akan tampung dan kita akan mempertingkatkan usaha sekiranya ada kelemahan dan tidak mengambil langkah sebaliknya menurunkan target yang kita hendak capai.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya pasaran saham BSKL sekarang ini menunjukkan prestasi yang amat baik walaupun kita tengok petunjuk-petunjuk pasaran saham di negara-negara lain termasuklah negara ASEAN dan juga Dow Jones sendiri kedudukannya sekarang ini jatuh tetapi negara kita nampaknya di akhir-akhir ini bermula daripada bulan Oktober, November dan hari ini pun pasaran saham kita meningkat naik. Apakah ini menunjukkan bahawa keyakinan pelabur-pelabur termasuklah pelabur-pelabur asing dan bukannya spekulator menunjukkan langkah-langkah positif yang telah dimainkan oleh kerajaan termasuklah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)

berkesan dan berjaya menarik pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur luar negara.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya memang benar terdapat peningkatan keyakinan kepada pasaran saham kita sebab itu akhir-akhir ini kita dapat melihat pelabur-pelabur baru yang telah berkecimpung mengambil bahagian di dalam pasaran saham sehingga kita nampak ada kenaikan dan insya-Allah, kalau kita semua mengambil langkah-langkah yang positif, mengelakkan diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang negatif yang boleh memburukkan keadaan, saya percaya keyakinan ini akan bertambah dan bukan sahaja pasaran saham kita mampu pulih seperti sedia kala, malahan ekonomi keseluruhannya mampu juga dipulihkan secara secepat yang mungkin.

*[**Soalan No. 17** – Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] tidak hadir]*

*[**Soalan No. 18** – Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] tidak hadir]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana masih ada masa lagi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan, maka kita berbalik kepada soalan-soalan yang tidak dibangkitkan sebentar tadi. Seperti biasa soalan-soalan ini terbuka untuk ahli-ahli yang lain kalau seseorang ahli yang berkenaan ini tidak hadir ya, maka terbuka kepada ahli yang lain. Yang Berhormat Datuk Lau Ngan Siew, ya Bagan.

PENYERTAAN DALAM PASUKAN POLIS – RANCANGAN PELAKSANAAN

2. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** [di bawah S.O24(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan rancangan-rancangan yang sehingga kini telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggalakkan dan menarik generasi muda supaya berminat menyertai pasukan polis; dan adakah lebih banyak pasukan polis akan dihantar ke Sabah untuk melawan jenayah yang semakin meningkat baru-baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, antara rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggalakkan generasi muda menyertai pasukan polis adalah seperti berikut:

(a) mengiklankan kekosongan jawatan di dalam Polis Diraja Malaysia melalui akhbar-akhbar berbahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Iklan ini akan terus dilaksanakan pada masa-masa yang akan datang;

(b) Polis Diraja Malaysia sentiasa membuat pertemuan dan penerangan dengan pertubuhan-pertubuhan politik dan persatuan sosial pelbagai kaum untuk tujuan menarik minat lebih ramai rakyat untuk berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia terutama bagi jawatan konstabel;

(c) Polis Diraja Malaysia juga mengadakan pameran polis di seluruh negara bertujuan untuk menarik minat semua kaum untuk menyertai kerjaya polis; dan

(d) mengadakan syarahan-syarahan dan kegiatan kurikulum di sekolah-sekolah mengenai aspek kerjaya polis di semua daerah Malaysia.

Pada masa ini pihak polis masih lagi mampu untuk membanteras dan menyelesaikan kes-kes jenayah di Sabah. Penambahan dan penempatan anggota-anggota polis di negeri tersebut adalah bergantung kepada keperluan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kementerian merancang untuk mewajibkan warganegara kita dalam

perkhidmatan negara (compulsory national services) jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan, jika tidak mengapa? Sekian.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan perkhidmatan wajib tetapi ini juga satu soalan yang tidak boleh saya jawab bagi pihak semua kementerian kerana ia ada juga melibatkan bidang kuasa kementerian yang lain. Ini setahu saya tetapi pada masa kini semua pasukan beruniform secara perkhidmatan sukarela di bawah kementerian saya seperti RELA, Jabatan Pertahanan Awam dan kadet polis di sekolah dan sebagainya memang ada memberi banyak peluang latihan untuk menggalakkan anak-anak muda kita untuk menyertai pasukan-pasukan beruniform ini sebagai satu cara yang walaupun belum ada apa-apa national service, ini sebagai satu perantaraan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Salah satu daripada empat langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam usaha untuk mendapatkan lebih ramai rakyat memasuki pasukan polis dengan mengadakan syarahan di sekolah-sekolah dan kita tahu di sekolah-sekolah terdapat pasukan kadet polis dan sebagainya. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam usaha untuk memastikan anak-anak kita yang berkhidmat dalam kadet polis di sekolah itu akan meneruskan sumbangan mereka dalam polis, baik secara sepenuh masa ataupun separuh masa dan berapa peratus yang terlibat? Sekian, terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat pihak polis Diraja Malaysia untuk menggalakkan mereka yang sudah menyertai latihan terutamanya seperti kadet polis dan sebagainya di sekolah-sekolah ataupun pusat pengajian tinggi. Akan tetapi kita tidak boleh memaksa mereka, cuma kita dapat menggalakkan dan memotivasikan mereka dengan menerangkan dari segi kerjaya itu betapa bermaknanya berkhidmat untuk negara melalui pasukan polis walaupun susah untuk kita bandingkan gaji polis ini dengan pihak swasta dan sebagainya. Memang ada peluang kaunseling ataupun syarahan, kita cuba hendak galakkan mereka agar benar-benar terlibat. Saya tidak ada statistik yang tepat mengenai berapa peratus mereka itu seterusnya melibatkan diri dalam perkhidmatan polis sepenuh masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. G. Leelavathi. Kelang.

PEMBERHENTIAN EKSPORT BERAS THAILAND – TINDAKAN

5. **Dr. Tan Yee Kew [Klang] [di bawah S.0 24(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan Thailand mungkin menghentikan eksport berasnya, apakah ini akan menjejas import beras dari Thailand dan tindakan yang kita ambil supaya stok beras kita mencukupi.Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat pada masa ini Malaysia mengimport beras bukan sahaja dari Thailand tetapi juga dari negara China, Vietnam, Pakistan, India dan Australia. Oleh yang demikian sekiranya Thailand mengurangkan eksport berasnya, kerajaan yakin keadaan tersebut tidak akan menjejaskan bekalan beras negara. Ini disebabkan bekalan dari negara-negara pengeksport yang lain dapat mengimbangi sebarang kekurangan import beras dari Thailand. Bagi memastikan stok beras negara mencukupi, usaha dibuat ke arah meningkatkan pengeluaran beras tempatan. Bernas juga mengadakan usaha sama dengan pengeksport dari Thailand dan China untuk menandatangani memorandum persefahaman dengan pengeksport dari Myanmar, Kemboja dan Vietnam.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha kerajaan untuk menambahkan pengeluaran beras negara, apakah pihak kementerian melalui MADA misalnya, akan menyekat usaha-usaha untuk mengambil tanah-tanah sawah yang sedang diusahakan sekarang untuk ditukar syarat menjadi

kawasan perumahan ataupun industri dan sebagainya. Adakah usahá-usaha itu dilakukan orang kementerian? Terima kasih. Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau. Memang kita dari Kementerian Pertanian sentiasa berkerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya seboleh-bolehnya janganlah mengambil tanah-tanah sawah yang mempunyai kemudahan asas bagi dijadikan projek-projek pembangunan yang lain, terutama sekali di kawasan lapan buah jelapang padi di seluruh negara kita kerana pendapatan pengeluaran di jelapang padi amat begitu menggalakkan. Namun demikian, kementerian terpaksa memberikan persetujuan sekiranya tidak ada pilihan lagi dengan syarat kerajaan negeri hendaklah menggantikan kawasan yang baru dalam kawasan perairan yang tersebut. Kalau hendak ambil lima ekar pastikan ada lima atau sepuluh yang baru dalam kawasan yang berkenaan dapat diganti. Kalau ini dapat dibuat, maka kementerian tidak ada apa-apa halangan.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapa Bernas diberikan monopoli untuk mengimport beras dari luar negara dan sejauh manakah Bernas dapat mengawal harga runcit beras import dan adakah kerajaan bercadang untuk membebaskan lesen pengimportan beras dari luar negeri. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Klang. Sebagaimana yang pernah saya jelaskan di Dewan ini bahawa Bernas adalah mengambil alih apabila penswastaan dibuat pada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Ini bermakna semua bentuk tanggungjawab sosial yang diberikan kepada LPN, maka akan diambil oleh Bernas kecuali dari segi pengeluaran lesen dan juga penguatkuasaan sahaja dijalankan oleh kawal selia Lembaga Padi dan Beras Negara. Manakala import memang hanya diberi kepada Bernas sahaja untuk memastikan harga beras import akan dapat distabilkan dengan adannya kuasa monopoli tersebut.

Jadi, dengan sebab itu Kementerian Pertanian tidak berhajat untuk membuka kepada lain-lain pihak untuk mengimport beras daripada luar negara tetapi memadai dan kita yakin Bernas mempunyai kemampuan untuk menjalankan tanggungjawab sosial.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa untuk soal jawab sudah suntuk.

[Masa untuk Pertanyaab bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 7, 11, 13, 14, 15, 17 dan 18 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Surat Akuan Yang Diikrarkan oleh Manjeet Singh Dhillon (Peguam Bela/Peguam Cara)

11.07 pagi

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Saya ingin memohon untuk kebenaran Dewan untuk mengusulkan penangguhan Dewan bagi tujuan untuk membincangkan suatu perkara khusus yang segera, kepentingan awam dan usul saya berbunyi:

> "Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh, Ahli Dewan Rakyat dari Jelutong untuk tujuan membincangkan satu perkara khusus yang segera, kepentingan awam iaitu surat akuan yang dikeluarkan oleh seorang bernama Manjeet Singh Dhillon, seorang peguam bela/peguam cara pada 9 November 1998 membawa percubaan untuk memalsukan keterangan oleh Datuk

Abdul Gani bin Patail dan Encik Azahar bin Mohamed, Timbalan-timbalan Pendakwa Raya Kanan di Jabatan Peguam Negara."

Di dalam surat akuan, Manjeet Singh Dhillon merujuk kepada peranan bersamaan Datuk Abdul Gani bin Patail dan Encik Azahar bin Mohamed untuk mendapat keterangan Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai yang kini menjalani perbicaraan dengan menggunakan ISA, ugutan mati sebagai alat tawar-menawar mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut adalah khusus sebab report-report polis telah pun dibuat terhadap Manjeet Singh Dhillon oleh Datuk Abdul Gani bin Patail dan Encik Azahar bin Mohamed. Perkara tersebut adalah satu kepentingan awam yang perlu disegerakan sebab dakwaannya jika benar menimpa pentadbiran keadilan memandangkan pengakuan tidak boleh diteruskan dengan pemalsuan keterangan oleh pihak pendakwa. Jika surat akuan tersebut dibuktikan sebagai benar, suatu ketidakadilan yang jelas akan terjadi pada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim seperti mana di dalam perbicaraan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim tersebut, keseluruhan sistem perundangan kami adalah tertakluk kepada penumpuan dunia antarabangsa dan adalah terserah kepada Dewan ini untuk membincangkan secara mendalam perkara tersebut bagi memastikan tidak ada cover up dan juga keyakinan masyarakat umum kepada Jabatan Peguam Negara tidak terjejas dan jika surat akuan tersebut adalah palsu, untuk memastikan Manjeet Singh Dhillon didakwa, bagi kelakuannya yang amat tidak senonoh tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Jelutong pada 5 Disember 1998, jam 12.03 minit tengah hari. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai namun demikian pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Kuasa membuat penyiasatan adalah dalam bidang kuasa polis. Sebagaimana dinyatakan dalam teks usul ini, laporan polis sudah pun dibuat dan perkara isi kandungannya, isu kandungan pengakuan berkenaan itu sedang dalam penyiasatan polis. Keputusan sama ada suatu tindakan mahkamah akan dimulakan, perkara ini hanya akan dapat diambil selepas penyiasatan polis itu.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini.

MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mencadangkan bahawa Menurut Peraturan 62 Rang Undang-Undang berikut ditangguhkan untuk pembacaan bagi Kali Kedua dan Ketiga pada mesyuarat yang akan datang;

(i) Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998;

(ii) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998;

(iii) Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998;

(iv) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998;

(v) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan)1998;

(vi) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1998;

(vii) Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998

Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

DAN

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 1999

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" ***[Hari Ketigabelas]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Datuk Ong Tee Keat ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.49 [Jadual] –
Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan, 1999] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kepong diminta sambung

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya gembira juga kerana Yang Berhormat Menteri dari Kanowit hadir sendiri. Ini satu contoh yang baiklah. Kita berharap apabila peruntukan kementerian dibahaskan di sini Menteri sendiri hadir.

Tuan Pengerusi, pada hari Khamis yang lepas saya ada bangkitkan masalah perkhidmatan setelah jualan. Mengenai kerosakan masalah telefon. Sebelum saya masuk ke Dewan ini, saya ada terima aduan lagi mengenai misalnya di Kampung Baru, Batu 11 No: 55A, Cheras, No. Telefonnya ialah 9054768. Walaupun berapa hari sudah lepas setelah rumah-rumah itu terkena petir dan rosaklah talian telefon tetapi setelah aduan dibuat, beberapa hari kemudian masih ada rumah yang tidak mempunyai talian telefon. Ini menunjukkan perkhidmatan untuk memperbaiki telefon-telefon yang rosak masih lemah. Mungkin kerana kakitangan tidak cukup ataupun ada faktor-faktor lain yang belum kita ketahui. Sebab itulah saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji cara-cara untuk memperbaiki perkhidmatan selepas jualan, begitu juga dengan telefon-telefon selular dan juga semua perkhidmatan telekomunikasi sama ada di swasta ataupun tidak. Kita mesti sentiasa menekankan betapa penting perkhidmatan setelah jualan. Inilah salah satu perkhidmatan yang perlu dibaiki untuk menjankau abad 21.

[Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi, sebelum nama dan fungsi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos diubahsuaikan menjadi Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia,

kerajaan telah mencadangkan untuk mengadakan Pelan Induk Telekomunikasi sebagai tambahan kepada National Telecommunications Plan (NPT) - Pelan Telekom Negara. Saya telah beritahu pihak kementerian juga mencadangkan mengadakan Pelan Induk Telekomunikasi (Telecommunications Master Plan) dan pelan ini adalah untuk membolehkan industri telekom dapat dimajukan dengan teratur daripada plbagai aspek termasuk standard dan pelan lokasi pemancaran.

Tuan Pengerusi, dalam krisis ekonomi ini nampaknya beberapa masalah telah timbul misalnya bilangan operator, tahap persaingan, caj-caj interconnections, kadar tarif, kos sosial dan kewajipan-kewajipannya. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan bagaimana masalah-masalah ini dapat diatasi termasuk bilangan operator yang dianggarkan sebelum krisis tersebut dan bilangan yang tinggal securrentg.

Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan satu masalah yang kena-mengena dengan satu pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di kawasan SS25, Petaling Jaya. TNB telah mebina sebuah pencawang atau sebenarnya sebuah stesen elektrik di antara SS25/15 dan SS25/17, Petaling Jaya, tetapi pihak TNB mendirikan pilon-pilon di sekitar kawasan itu dan mereka hendak menambahkan bekalan elektrik kepada kawasan di Jalan Pantai dan Bangsar dan untuk mempertingkatkan pencawang yang sedia ada yang membawa current 33 kilowat kepada 275 kilowatt. Tetapi pilon-pilon pencawang ini adalah dekat rumah-rumah tidak sampai 30 kaki jarakanya. Walaupun pihak MINT (Institut Teknologi Nuklear Malaysia) telah pun membuat kajian dan mengeluarkan laporan tetapi laporan ini belum lagi diumumkan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menerangkan dalam Dewan yang mulia bahawa kesan-kesan itu sangatlah kecil terhadap para penduduk di sekitarnya, tetapi saya diberitahu bahawa kalau kita kira currentnya yang dibawa oleh pilon-pilon itu hanya 33 kilowatt sahaja mungkin penemuan-penemuan yang diumumkan itu boleh diterima tetapi kalau current itu dipertingkatkan kepada 275 kilowatt, kesan-kesan memang lebih besar.

Jadi saya berharap pihak kementerian dapat mengumumkan apakah perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh MINT untuk pencawang itu. Adakah benar pihak MINT sudah mencadangkan supaya lima pilon itu dirobohkan. Yang ini memang salah satu perakuan dan saya..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada banyak lagi yang hendak berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi ini satu kementerian yang penting juga sekarang ia minta peruntukan RM40 juta tahun depan dan nama ia sudah ditukarkan dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan kerana usaha kita hendak memultimediakan kementerian itu kita memang ada banyak perkara yang perlu dibangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah lebih dua minit Yang Berhormat. Saya sudah beri Yang Berhormat masa yang lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Lebihkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang.

11.20 pagi

Dato Yap Pian Hong [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 050000 - Dasar Baru. Saya ucap tahniah kepada kementerian yang telah tukar nama baru daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Ini selaras dengan perkembangan semasa dan juga mengikuti dasar supaya negara kita akan mencapai satu tahap teknologi yang lebih canggih pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, oleh kerana baru-baru ini media asing telah melaporkan satu laporan berkaitan dengan panel penasihat kepada MSC di mana laporan tersebut telah mengatakan beberapa tokoh yang terkemuka yang telah dilantik di dalam panel penasihat itu telah meletak jawatan. Kenyataan-kenyataan atau laporan-laporan dari media asing ini terkeliru bukan kepada masyarakat antarabangsa dan juga masyarakat tempatan. Walaupun ada kenyataan mengatakan tidak benar di mana tokoh-tokoh yang dilantik itu tidak meletak jawatan.

Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian di mana kenyataan tegas ini hendaklah diberi di Dewan yang mulia ini untuk menjamin imej negara kita di mana juga tidak ada langsung tokoh-tokoh yang dilantik sebagai panel penasihat ini tidak terlibat secara langsung dengan meletak jawatan kerana saya menganggap perkara penting agar tidak ada lagi keliru kepada masyarakat antarabangsa terhadap dasar-dasar multimedia di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Butiran 030000 - Kawal Selia Telekom. Tuan Pengerusi, saya membangkitkan Perkhidmatan Kawal Selia Telekom ini adalah penting kerana saya menerima aduan daripada pelanggan-pelanggan yang dicuri talian telefonnya di kawasan saya terutama sekali Kampung Baru Balakong. Terdapat 250 buah rumah di kampung ini tetapi pihak JKK Kampung Baru Balakong telah menerima aduan daripada 40 buah rumah di mana rumah ini memang memasang telefon tetapi 40 buah talian telefon rumah ini telah dicuri. Bil-bil telefon ini telah diterima oleh mereka di mana terdapat panggilan antarabangsa seperti ke negara Myanmar, Bangladesh, Arab Saudi, India dan Sri Lanka. Pelangan-pelangan tersebut telah melapor kepada JKKK tersebut dan meminta pihak Jabatan Telekom atau Telekom Malaysia untuk menyiasat. Siasatan telah dilakukan dan amaran untuk memotong telefon kalau mereka tidak bayar sebab jumlah bil yang tinggi sehingga RM3,000.

Dengan keadaan demikan itu telah menimbulkan satu kesusahan dan kerumitan kepada rakyat di kampung tersebut. Saya tidak tahu mengapakah Kementerian atau Telekom Malaysia yang mempunyai alat-alat yang begitu moden dan canggih tidak dapat mengenal pasti kecurian talian telefon berlaku. Kalau di Kampung Baru Balakong kecurian berlaku di 40 buah rumah di mana RM3,000 bagi sebuah rumah, ini bermakna RM120,000 rugi. Jika kecurian terus berlaku maka Telekom akan mengalami kerugian yang besar. Talian telefon di pejabat perkhidmatan wakil rakyat kawasan saya ada 4 talian telefon, tetapi salah satunya di atas nama saya juga telah dicuri iaitu sebanyak RM2,800 dalam tempoh Ogos 1998 hingga sekarang di mana panggilannya ke Myanmar, Arab Saudi, Bangladesh dan Sri Lanka. Saya tanya kakitangan saya, dia kata tidak ada kawan di situ. Saya telah membuat laporan dan masih lagi dalam siasatan.

Saya berharap pihak Telekom Malaysia dapat mengambil tindakan yang serius kerana ini akan merugikan mungkin berjuta-juta kalau tidak ada satu cara untuk mencegah kejadian ini dari berlaku. Saya meminta pandangan daripada pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini dan gangguan kepada pelanggan-pelanggan telefon ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 040000 - Kawal Selia Pos. Saya bangkitkan perkara ini kerana perkhidmatan pos adalah penting dan mengikut laporan yang saya terima, dasar Pejabat Pos, sekiranya terdapat 35,000 penduduk maka akan didirikan satu pejabat pos. Tetapi apa sebabnya di kawasan saya di kawasan

bersempadan tanah Wilayah Persekutuan di Cheras di situ telah wujud 10 projek perumahan dengan adanya 10,000 buah rumah tanpa pejabat pos sehingga hari ini. Mereka terpaksa pergi ke Ibu Pejabat Pos Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan untuk membeli setem atau menghantar surat. Sepatutnya di kawasan tersebut diwujudkan sebuah pejabat pos di situ. Pada masa ini penduduk yang tinggal di kawasan Parlimen yang berdekatan dengan Wilayah Persekutuan ini menghadapi masalah perkhidmatan pos, maka saya minta pegawai-pegawai kanan perkhidmatan pos supaya menyiasat dan dapat mewujudkan pejabat pos di situ.

Begitu juga di kawasan Sungai Chua, dengan adanya 12 taman perumahan, 3 kampung baru dan dua kampung tradisi, walaupun ia dikatakan dekat dengan Kajang, tetapi lalu lintas di Kajang sangat sesak.

Tuan Pengerusi, kalau dari kawasan Sungai Chua ke pekan Kajang, walaupun dekat tetapi memakan masa satu jam, dengan demikian kalau mengikut dasar yang ditetapkan, maka di kawasan ini juga hendaklah diwujudkan pejabat pos.

Saya hairan wakil rakyat dahulu iaitu wakil rakyat dari Kepong sehingga hari ini langsung tidak bercakap. Jadi, pada kali ini saya dilantik sebagai Ahli Parlimen kawasan Serdang termasuk Sungai Chua, jadi saya terpaksa membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri di mana ini adalah kelalaian daripada wakil rakyat yang dahulu iaitu Yang Berhormat dari Kepong. Oleh itu, saya minta supaya diwujudkan pejabat pos di kawasan Sungai Chua untuk mengatasi masalah yang begitu lama yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di situ.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian telah mewujudkan pejabat pos baru di Balakong. Dahulu kawasan ini telah diwakili oleh Yang Berhormat dari Kepong, tetapi beliau tidak menunaikan tanggungjawabnya. Jadi, saya terpaksa berunding beberapa kali dengan pejabat perkhidmatan pos dan kementerian, barulah dapat diwujudkan sebuah pejabat pos di Balakong.

Tadi, Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh satu kampung di Batu 11, Cheras. Beliau mengatakan terdapat sebuah rumah telefonnya sudah rosak tidak dibaiki.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup ya.

Dato' Yap Pian Hon: Saya kata beliau ini sengaja membuat satu cerita yang tidak berapa benar. Walau bagaimanapun saya minta pihak kementerian supaya dapatlah memberi perkhidmatan pos di kawasan Cheras dan di kawasan Sungai Chua. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

11.30 pagi

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan MSC. Saya ingin mendapat penjelasan terkini tentang status MSC. Kita sedia maklum bahawa perancangan untuk menubuhkan MSC dilakukan sebelum krisis ekonomi dan salah satu strategi kita adalah untuk memperbanyakkan suntikan modal melalui beberapa 'flaghip' yang dirancang termasuk electronic government. Dengan perbelanjaan yang besar itu akan menarik minat daripada syarikat-syarikat luar. Sekarang berhadapan dengan krisis ekonomi, saya berpendapat jika perlu mengkaji dan menyesuaikan kedudukan negara kita dalam bidang ini terutama untuk memperkecilkan skop projek tersebut.

Saya mengambil pendapat tersebut berasaskan kepada beberapa faktor iaitu pertama, dari segi teknologi. Kita perlu akui bahawa negara kita agak ke belakang dari segi perkembangan teknologi ini. Pada peringkat mula, MSC diperkenalkan, saya sendiri menjangkakan bahawa negara kita begitu kehadapan dalam bidang IT tetapi setelah dibuat kajian kita dapati di negara Asia sendiri, kita jauh ke belakang daripada Singapura, Taiwan, Korea Selatan, India dan juga Australia. Ini bermakna bahawa

dalam cita-cita kita hendak menjadikan MSC sebagai satu tarikan luar sebagai pusat untuk memasarkan produk ke negara-negara Asia mungkin tidak begitu menarik dibandingkan dengan perkembangan di negara-negara lain. Singapore One umpamanya telah dilancarkan dalam tahun 1980 dan telah memperkenalkan beberapa aplikasi teknologi terkini dan begitu jauh lebih maju daripada kita. Dari segi teknologi, satu perkara yang membimbangkan kita ialah dari segi jurang hightech di kalangan rakyat kita.

Saya ingin menyentuh beberapa statistik di sini. Yang penting adalah dari segi saintis penyelidik. Jika dibandingkan di antara negara kita dengan Singapura dan Australia bagi setiap satu juta rakyat, negara kita mempunyai 210 saintis penyelidik, Singapura 3,980 dan Australia 5,000. Saintis penyelidik adalah orang yang paling penting dalam industri ini.

Saya nampak antara sebab mengapa kita kekurangan saintis kerana apabila kita berubah dari pertanian kepada industri dan sekarang kepada IT, penglibatan kita dalam bidang industri lebih kurang dalam sepuluh tahun, kita mengeluarkan produk-produk berkualiti rendah. Dengan itu kita tidak mempunyai banyak saintis penyelidik, jurutera dan sebagainya dalam sektor perindustrian dan sekarang kita hendak pergi ke bidang IT, kita dapati kita kekurangan tenaga tersebut. Di samping itu, negara kita memerlukan pakar-pakar IT profesional, saya difahamkan lebih kurang 25,000 orang diperlukan dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan ini memang merumitkan negara kita.

Faktor kedua, dari segi syarikat 'anchor', kita memerlukan syarikat- syarikat 'web shaper' dan 'magnetic' untuk menarik penglibatan syarikat-syarikat lain. Saya memang akui daripada jawapan kementerian, banyak syarikat telah memohon untuk mendapatkan status MSC. Saya tidak mempunyai senarai tersebut tetapi saya berharap kementerian dapat mengkaji dari segi kualitatif sama ada syarikat tersebut boleh menarik atau tidak penglibatan syarikat-syarikat lain. Umpamanya dari segi 'web shaper' kita tahu kalau Microsoft datang ke sini dia akan menarik penglibatan syarikat-syarikat lain. Sehubungan dengan itu, saya mendapat makluman syarikat-syarikat yang diharapkan menjadi anchor seperti Microsoft umpamanya telah pun terlibat dalam IT di Singapura dengan Singapore Telecommunication Limited dan Singapore Cable Vision dalam pembinaan dan memperkembangkan Singapore One. Oleh kerana pelaburan telah banyak dicurahkan di Singapura, saya tidak nampak kemungkinan ia akan datang ke Malaysia dengan pelaburan yang besar.

Kadang-kadang saya merasa bimbang, kita mempunyai Bill of Guarantee untuk memperkembangkan MSC, salah satu daripada klausa dalam Bill of Guarantee adalah kita akan mempertimbangkan syarikat-syarikat yang menawarkan untuk mengambil bahagian dalam tujuh flagship yang kita rancangkan, dan saya nampak ini seolah-olah memberi ruang kepada syarikat-syarikat swasta yang tentunya bermotifkan kepada keuntungan akan datang ke sini atas tujuan untuk mengaut keuntungan daripada projek-projek yang akan dibelanjakan oleh kerajaan. Di samping itu, kita memberi sepuluh tahun pengecualian cukai, ini akan diambil kesempatan oleh syarikat-syarikat luar. Saya juga difahamkan syarikat-syarikat 'anchor' lain seperti Intel, Cisco dan IBM telah memperluaskan kegiatan mereka di India dan China. Ini berasaskan kepada pasaran yang begitu luas di kedua-dua buah negara tersebut, di samping mempunyai tenaga pakar dalam bidang IT yang begitu ramai di negara-negara tersebut.

Faktor yang ketiga ialah soal bagaimana industri ini akan berkembang. Kita dapati di negara-negara lain kerajaan menyediakan peraturan dan undang-undang tetapi industri itu berkembang daripada usaha yang dijalankan oleh pihak swasta. Di sini kita dapati bahawa usaha ini dijalankan oleh kerajaan, bukan sektor swasta. Syarikat-syarikat swasta dan bank-bank tidak begitu terlibat dalam industri tersebut malah dalam persidangan APEC yang lalu, salah satu yang dibincangkan oleh penasihat peniaga-peniaga APEC adalah supaya bidang E-Commerce terutamanya mestilah dilepaskan kepada pihak swasta untuk memperkembangkannya. Tetapi di sini pihak

kerajaan yang mengusahakannya, kalau tidak silap saya, Ketua Setiausaha Negara dilantik sebagai pengerusi untuk Jawatankuasa mempromosi E-Commerce.

Dengan itu kita dapati perbelanjaan suntikan modal datang daripada kerajaan manakala swasta tidak begitu aktif yang mana sepatutnya swasta yang memainkan peranan aktif dalam bidang itu.

Faktor yang keempat tentang infrastruktur dan kos. Saya difahamkan bahawa kos perkhidmatan telekomunikasi negara kita adalah antara yang tertinggi di dunia dan ini tentunya tidak menarik bagi syarikat-syarikat luar mahupun syarikat-syarikat tempatan. Saya percaya perkara ini boleh diambil perhatian oleh kerajaan dan di samping itu, Tenaga Nasional Berhad perlu terlibat dalam projek ini. Apa yang saya dapati Tenaga Nasional Berhad menghadapi kerugian yang cukup besar. Tentu ini akan menjejaskan pelaksanaan projek tersebut.

Beberapa perkara tersebut saya kemukakan untuk pandangan kementerian dan berharap mendapat jawapan dan penjelasan dari kementerian supaya kita melihat skop projek ini dari sudut yang betul dan tidak keliru. Kita tidak boleh "fool ourselves", dengan berkata kita terbaik, kita paling hebat, pada hal negara-negara lain lebih hebat daripada kita dalam bidang ini. Jika kita mengambil sikap demikian ini akan merugikan negara kita. Terima kasih.

11.38 pagi

Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara Y2K millennium bug, dengan izin, di mana peruntukan sebanyak RM100 juta telah diberikan untuk mengatasi masalah Y2K. Negara kita telah dilanda dengan kegawatan ekonomi. Dalam usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi adalah kemungkinan kerajaan telah mengenepikan isu Y2K kerana keutamaan telah diberikan kepada langkah-langkah di mana pemulihan ekonomi boleh dirasai serta-merta.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya tumpuan harus juga diberikan kepada penyelesaian masalah Y2K supaya sistem pengkomputeran kita pun menjadi Y2K compliance. Kalau sistem pengkomputeran bukan Y2K compliance menjelang tahun 2000, komputer kita akan salah kira tahun 2000 seperti tahun 1900 dan akan menyebabkan kebanyakan masalah seperti gangguan atau breakdown power grid telekomunikasi dan perkhidmatan perbankan. Walaupun kita ada satu tahun lagi menjelang tahun 2000, memandangkan penyelesaian Y2K bug mengambil masa panjang dan perbelanjaan kewangan yang hebat, langkah-langkah untuk menangani masalah Y2K harus diambil serta-merta terutama kepada kelompok syarikat-syarikat yang belum mulai kerja.

Tuan Pengerusi, diingatkan juga Y2K bug akan menyebabkan kemerosotan ekonomi juga, saya harap MTEN memberi perhatian kepada isu ini dan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) juga harus merangkumi langkah-langkah untuk mengatasi masalah Y2K. Masalah Y2K ianya satu masalah yang sangat benar, walaupun manusia tidak ada berpengalaman menghadapi masalah ini dahulu. Mengikut laporan daripada Konsultan Edward Yadani, Chief Economies of Dochi Bank adalah kemungkinan "there is 70% chance of the world going into recession" oleh sebab masalah Y2K. Apakah penyediaan telah dibuat? Saya ingin tahu dari pihak kementerian, apakah penyediaan telah atau sedang dibuat untuk mengatasi masalah Y2K. Memandangkan masalah seperti pengklonan telefon, pencurian talian dan bill backlogs dan lain-lain masalah belum diselesaikan, adakah kemantapan dan kemampuan pihak kerajaan atau pihak Telekom untuk mengatasi masalah Y2K. Memang peruntukan sebanyak RM100 juta tidak mencukupi untuk mengatasi masalah Y2K. Saya ingin mencadangkan:

(i) merayu kepada kerajaan memberi lebih peruntukan dan perhatian berkenaan isu Y2K;

(ii) menubuhkan satu sekretariat atau pusat untuk mengawal selia dan membantu bank-bank, syarikat-syarikat insurans, industri

kecil dan sederhana (IKS) dan syarikat-syarikat lain yang meminta panduan berkenaan isu ini;

(iii) memberi peruntukan dan bantuan kewangan kepada sektor industri kecil dan sederhana (IKS) supaya mereka dapat modal untuk mengatasi masalah Y2K, memandangkan kegawatan ekonomi, langkah seperti ini memang sangat dihargai; dan

(iv) mencegah lambakan (dumping) komputer oleh syarikat komputer asing kepada negara kita supaya komputer yang out-dated tidak dijual di negara kita dan supaya komputer dijual di negara kita, ianya Y2K compliance.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih .

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian.

11.45 pagi

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020000 - Kawalselia Elektrik dan Gas. Bolehkah menteri memberi penjelasan dalam Parlimen ini iaitu TEN sekarang ini menghadapi masalah kewangan yang dahsyat iaitu TEN terpaksa membayar bayaran yang begitu tinggi, lebih kurang 30% pendapatan TEN untuk dibayar kepada IPP. IPP janakuasa elektrik yang dibuat oleh swasta sudah diikat perjanjian iaitu TEN terpaksa membeli tenaga daripada IPP ini dengan harga yang mahal yang dipersetujui dahulu ketika harga minyak dan gas mahal. Sekarang harga minyak mentah dan gas begitu rendah, apakah pihak TEN tidak mahu mengkaji semula perjanjian itu kerana bayaran yang dibuat kepada IPP terlalu tinggi sekarang ini dan betulkah IPP memohon supaya dibayar kepada mereka seminggu sekali wang tunai atau paling kurang sekarang dibayar sebulan sekali menyebabkan aliran kewangan TEN begitu teruk sekarang ini. IPP semata-mata mengaut keuntungan, TEN ada tanggungjawab sosial kerana ia saham kerajaan yang besar maka TEN terpaksa menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara sedangkan IPP membuat keuntungan semata-mata. Bolehkah menteri memberi penjelasan hal ini tentang kedudukan kewangan TEN sekarang ini yang menyebabkan di antaranya tanggungan untuk membayar terhadap IPP yang dimestikan bayar setelah diikat perjanjian.

Tuan Pengerusi, begitulah juga kita lihat satu perkara yang dibuat kadangkalanya lambat-laun yang menanggungnya ialah rakyat. Saya ambil sebagai satu contohlah apabila kita sebut perlumbaan Formula One. Apabila saya cakap di sini sepatutnya menteri jawab di sini tetapi dia jawab di Johor Bahru. Katanya Formula One dilaksanakan kerajaan tidak ada sangkut-paut, yang buat ialah Malaysia Airport Berhad (MAB). Sekali perlumbaan dijangka rugi RM100 juta, apabila MAB tenat nanti siapa yang akan selamatkan, kerajaan juga. Apabila kerajaan ertinya rakyat yang akhirnya bertanggungjawab. Begitulah juga kita lihat masalah Bakun. Apabila kritikan demi kritikan oleh NGO dan pembangkang, kerajaan terus dengan program Bakun. Akhirnya sekarang untuk menyelamatkan Bakun kerajaan keluar lebih RM700 juta. Mereka yang bertanggungjawab syarikat-syarikat tidak rugi, saham Ekran terus naik daripada RM0.80 sekarang kepada hampir RM1.60. Ertinya yang rugi adalah tetap kerajaan iaitu hampir RM800 juta wang kerajaan digunakan untuk menyelamatkan Bakun.

Kita timbulkan perkara ini tiap-tiap kali pihak menteri atau pihak kerajaan jawab, jangan bimbang, projek ini swasta buat; jangan bimbang, projek ini swasta buat. Tiga, empat tahun kemudian akhirnya dalam Parlimen inilah kita luluskan pula berjuta-juta untuk selamatkan projek yang kononnya swasta buat. Begitulah juga kita suarakan tentang IPP dahulu kenapa kita beli unit elektrik begitu tinggi dan waktu itu dikatakan perkembangan industri kita memerlukan tenaga yang begitu banyak tetapi sekarang

TEN terpaksa menanggung IPP itu dan TEN menghadapi masalah aliran kewangan tunai yang teruk sekarang di antaranya kerana memikul IPP. Sebab itu apabila kritikan-kritikan daripada NGO atau daripada pihak kita, bukan tujuan dengki dan sebagainya tetapi hasrat untuk menjaga negara tetapi kadangkalanya dijawab dengan senang dan mudah, akhirnya wang rakyatlah yang dikeluarkan untuk menyelamatkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pemerintah.

Sebab itulah saya mohon penjelasan tentang kedudukan aliran kewangan dan perjanjian-perjanjian dengan IPP itu bolehkah dikaji semula menandakan bahawa mereka buat untung besar, sekarang ini TEN menanggung kerugian, harga minyak dan gas rendah, tenaga elektrik dikeluarkan murah, kenapa TEN membayar begitu mahal. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang.

11.52 pagi

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian Maksud Bekalan 49 - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Butiran 020000 - Kawalselia Kuasa Elektrik dan Gas. Minta penjelasan daripada Menteri apakah kedudukan bekalan tenaga negara pada hari ini; berapakah kelebihan tenaga yang dibekalkan oleh TNB dan juga pembekal-pembekal elektrik yang lain di seluruh negara, dan mengikut kadar pertumbuhan ekonomi sekarang berapa lama lagikah kita akan ada kelebihan tenaga ataupun kekurangan tenaga di masa kini.

Mengenai dengan Lembaga Letrik Sabah, Tuan Pengerusi, apakah kedudukan terakhir Lembaga Letrik Sabah yang sekarang ini ditukar kepada Sabah Elektrikal Sdn. Bhd. dan apakah perubahan-perubahan struktur pelaksanaan dan juga penyeliaan bekalan elektrik Sabah dan juga luar bandar untuk negeri Sabah.

Kita ingin tahu juga mengenai dengan pembinaan empangan-empangan elektrik iaitu di Liwagu dan beberapa mini hidro yang dirancang untuk luar bandar. Apakah program ini diteruskan di bawah program yang lama ataupun dikaji semula memandangkan keadaan ekonomi kita sekarang ini.

Mengenai dengan bekalan gas, apakah kedudukan rancangan kerajaan pada masa yang lalu iaitu untuk menyalurkan bekalan gas masak ataupun gas bahan api ini ke rumah-rumah seperti yang dirancang. Apakah rancangan ini diteruskan dan bagaimana kedudukannya pada masa ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 030000 iaitu Kawalselia Telekom yang diberi peruntukan sebanyak lebih kurang RM9.5 juta. Tuan Pengerusi, apakah masalah Telekom ataupun STM mengenai dengan pemberian bekalan telekom ataupun sistem talian telefon ke luar bandar yang mana pada masa ini terdapat kampung-kampung walaupun kampung itu mempunyai ramai pemohon untuk bekalan elektrik luar bandar tetapi lambat ditunaikan oleh Jabatan Telekom atapun Syarikat Telekom Malaysia. Alasan yang mereka berikan ialah dikatakan bahawa talian tidak mencukupi.

Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri kalaulah Jabatan ataupun Syarikat Telekom ini memikirkan soal keuntungan, apakah kerajaan tidak dapat memberi sedikit subsidi ataupun peruntukan seperti perkhidmatan elektrik luar bandar ataupun bekalan air luar bandar walaupun bayaran itu diterima oleh Syarikat Telekom Malaysia tetapi infrastruktur dapat peruntukan kerajaan supaya kawasan-kawasan yang baru ini dapat menerima kemudahan-kemudahan telefon untuk kawasan-kawasan mereka. Jadi, kalau boleh secara automatik, kalau kampung itu atau kawasan baru itu mendapat bekalan elektrik luar bandar, seharusnya telekom juga secara automatik masuk ke kawasan tersebut untuk memberi perkhidmatan dan tentu sekali mereka yang menyambung telefon ini mampu membayar bil-bil elektrik ataupun telefon mereka.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan sistem pengklonan talian ataupun mencuri talian telefon ini. Sebenarnya apakah etika kakitangan telekom kerana kita dapat tahu

bahawa ada sebilangan kakitangan telekom ini yang memberi maklumat untuk memecah kod-kod rahsia ataupun membekalkan kod-kod rahsia ini kepada orang-orang tertentu yang boleh, saya tidak tahu sama ada ini boleh buat tetapi mengikut cerita-cerita, mereka ada kod-kod tertentu yang menolak ataupun membatalkan supaya panggilan mereka itu tidak masuk di dalam bil mereka.

Jikalau inilah berlaku, saya rasa tidak adil kepada orang awam dan perangai seperti ini perlu diambil tindakan tegas kerana walaupun bil telefon seseorang itu tidak ada tentu sekali ia akan dibilkan kepada bil telefon orang lain yang tidak ada kena mengena dan mungkin ini salah satu punca terjadinya terdapat panggilan-panggilan yang tidak dibuat oleh orang-orang tertentu tersebut tetapi ada di dalam bil mereka. Jadi, saya memohon supaya ini diselidiki dan jikalau ini berlaku, mesti ada etika yang khusus untuk kakitangan telekom yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan sistem Electronic Government ataupun yang ada kaitan dengan MSC. Setakat manakah pencapaian rancangan kerajaan supaya ada sistem Intranet sendiri di tiap-tiap negeri dan juga jabatan-jabatan yang besar, apakah kedudukannya pada hari ini. Kalau kita lihat bahawa pelaburan untuk membekalkan sistem komputer di setiap syarikat ataupun agensi-agensi kerajaan begitu besar. Ini boleh melibatkan ratusan juta ringgit dan tentunya kalau boleh kesemua syarikat atau agensi kerajaan akan mengamalkan sistem ini, tentu sekali pelaburan ini akan jauh meningkat.

Apakah kerajaan bercadang atau membuat kajian supaya sistem ini dapat disatukan soal infrastrukturnya dan kita gabungkan modal yang besar ini untuk mendapat satu sistem yang boleh diguna pakai oleh semua pihak dan pelaburan individu ataupun syarikat-syarikat ini tidak begitu mahal dan sistem yang digunakan pula boleh dikawal selia secara teratur dan menggunakan sistem secara piawai, apakah ini boleh kita lakukan.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kemaman.

11.58 pagi

Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada dua perkara sahaja iaitu very specific untuk kawasan saya iaitu 040000 - Kawalselia Pos.

Dalam jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada bulan lepas mengatakan bahawa perkhidmatan pos telah menunjukkan peningkatan selepas dikorporatkan dan telah menunjukkan keuntungan di beberapa buah negeri di Semenanjung ini. Saya mengucapkan tahniah kepada pos kerana berjaya membawa keuntungan dan peningkatan di dalam prestasi dan produktiviti pos ini. Walau bagaimanapun, saya rasa banyak lagi perlu dibuat oleh pos ini terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar iaitu di kawasan saya di kawasan FELDA, FELCRA dan KETENGAH yang mempunyai masalah dengan perkhidmatan pos ini.

Ada satu kajian yang telah dibuat oleh orang kampung sendiri iaitu mereka mengeposkan surat-surat mereka di kawasan sendiri dan didapati sehingga 4 atau 5 hari baru sampai dan baru-baru ini Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa perkhidmatan akan dipertingkatkan untuk membina lebih banyak mini pos. Setakat ini saya kira belum ada dibuat dan saya merayu kepada Menteri yang ada pada hari ini supaya memberi perhatian terhadap kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi iaitu di FELDA Cheru, FELDA Neram, FELCRA Sri Bandi dan Bandar Sri Bandi.

Di kawasan bandar sendiri dahulunya sebelum pengkorporatan di bandar Chukai, Kemaman, pos mempunyai pejabat dia sendiri, mempunyai kawasan sendiri tetapi selepas pengkorporatan saya tidak tahu, dipindahkan ke premis perniagaan yang berdekatan dengan orang ramai berniaga dan membawa masalah kepada penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih selesa. Jadi, dahulu pejabat pos

menjanjikan untuk membina kawasan pejabat pos baru di bandar Chukai, tetapi setakat ini belum ada tanda-tanda, sudah sampai tiga, empat tahun belum membina pejabat pos yang baru.

Saya berharap kepada Yang Berhormat supaya memberi perhatian kepada kawasan ini kerana kawasan Kemaman ini merupakan kawasan perindustrian yang begitu besar dan pertambahan penduduk yang begitu banyak hasil daripada industri petroleum. Jadi perkhidmatan pos adalah tidak selari dengan perkembangan bandar Chukai itu sendiri.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sipitang tadi iaitu kemudahan telefon. Di kawasan-kawasan saya pun banyak kawasan bukan sahaja di kawasan luar bandar tetapi di kawasan yang berdekatan masih lagi menunggu perkhidmatan telekom. Ada satu kawasan yang menunggu sampai 2 hingga 5 tahun setelah mereka ini membuat permohonan dan jawapan memang samalah diberikan bahawa line tidak ada. Jadi, saya hendak tanya apakah garis panduan yang Telekom buat untuk memberikan line-line ini kepada penduduk-penduduk dan setengah-setengahnya menunggu sampai 2 hingga 3 tahun. Jadi, apakah peruntukan yang ada ini, adakah Telekom hanya mementingkan keuntungan sahaja ataupun memberi social service kepada rakyat yang memerlukan.

Jadi, inilah dua perkara yang saya minta Pos dan Telekom memberikan perhatian kepada kawasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mentakab.

12.01 tgh.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin sentuh Maksud B.49 Program 050600 - Peningkatan Kerjasama Serantau dan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, perdagangan elektronik atau E-Commerce kian menjadi penting dalam arus dan trend perniagaan antarabangsa dan kadar pertumbuhan adalah secara exponential growth, dengan izin. Malaysia juga tidak dikecualikan kita lihat bagaimana pertumbuhan E-Commerce ini telah meningkat dengan begitu pesat. Adalah dijangka seperti mana telah dimaklumkan bahawa tahun ini kita akan sampai ke tahap 80 juta, tahun hadapan 300 juta, dan tahun 2000 1.2 bilion. Maka amat penting untuk negara kita membuat persiapan untuk menghadapi era E-Commerce yang telah pun tiba di Malaysia.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu ekoran pengumuman oleh Presiden Amerika tentang governance dan legal framework of E-Commerce yang merupakan pendirian Amerika, saya telah difahamkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan kita telah menubuhkan satu jawatankuasa inter-agensi kerajaan untuk mengkaji pengumuman tersebut. Di sini saya ingin meminta penerangan dan penjelasan beberapa perkara yang berkaitan.

Yang petama, apakah pendirian kerajaan dan negara kita dalam cukai perniagaan atau perkhidmatan yang diberi melalui E-Commerce. Amerika telah cadangkan supaya semua cukai dikecualikan. Jadi saya minta penerangan apakah pendirian negara kita terhadap perkara tersebut.

Yang kedua, adakah perundangan yang sedia ada di negara kita mencukupi untuk menangani kemungkinan berlaku apa-apa jenayah dalam bidang ini.

Ketiga, apakah cara pembayaran dalam bidang E-Commerce yang telah dicadangkan oleh Malaysia khususnya bagaimana kita memastikan bayaran melalui E-Commerce adalah selamat dan apakah angka seperti nombor kad kredit, tidak akan dicuri oleh pihak-pihak yang tertentu.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Jadi, saya harap boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya juga baca daripada akhbar bahawa E-Commerce memang merupakan satu tajuk yang telah dibincangkan dalam Persidangan APEC baru-baru ini dan saya ingin tahu apa pencapaian oleh ahli-ahli negara APEC tentang E-Commerce sama ada apa-apa persetujuan telah pun ditandatangani untuk menggalakkan pembangunan E-Commerce. Saya juga saya ingin tahu antara negara ASEAN apa usaha telah dijalankan untuk mendapat kerjasama dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, dalam menggalakkan pembangunan E-Commerce saya dapati amat penting kita menyedarkan pihak swasta dan juga pihak peniaga di negara kita tentang pentingnya bidang baru ini sebab kalau kita tidak mengambil langkah awal untuk menceburi dalam bidang ini, kita akan ketinggalan arus pembangunan dalam bidang ini dan kita akan rugi dalam banyak peluang. Saya ingin tahu apakah perancangan kerajaan untuk memberi kesedaran kepada rakyat kita, memberi insentif dan bantuan untuk peniaga-peniaga kita khususnya pihak IKS. Kalau sebelum ini pihak IKS tidak diberi peluang untuk menceburi pasaran antarabangsa, ini adalah satu kaedah di mana IKS boleh bersaing dengan syarikat-syarikat besar dalam menceburi dan menyertai pasaran antarabangsa, Jadi, saya berharap dapat dengar sedikit penerangan tentang ini.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah kawal selia pos. Tuan Pengerusi, sejak pos dikorporatkan memang tidak dinafikan bahawa mutu perkhidmatan telah meningkat di semua aspek dan saya juga tahu bahawa Jabatan Pos telah meletakkan satu piawaian pelanggan di mana surat-surat akan diserah kepada penerima dalam tempoh satu sampai tiga hari mengikut kawasan masing-masing. Tetapi saya masih terdapat aduan daripada orang ramai khususnya daripada kawasan saya bandar Mentakab dan juga pekan-pekan kecil bahawa mereka menerima surat yang dikirim di dalam kawasan yang sama selepas tiga atau empat hari. Jadi saya hendak minta penjelasan apakah sistem pemantauan yang dilakukan oleh kementerian untuk memastikan kita mematuhi piawaian pelanggan yang telah diumumkan oleh Jabatan Pos.

Saya juga ingin membangkitkan satu perkara mengenai kekurangan kakitangan di mini pos di Pekan Lanchang di kawasan saya di mana kita cuma dapat tiga orang sahaja, iaitu satu ketua pos, satu kerani dan satu posmen. Dan mini pos di pekan Lanchang perlu memberi perkhidmatan kepada tidak kurang daripada 25 kampung dan juga kepada dua rancangan FELDA. Maka aduan orang ramai ialah mereka perlu menunggu agak lama untuk mendapat perkhidmatan. Saya minta kementerian menyiasat dan kalau boleh menambah kakitangan.

Perkara akhir yang saya ingin tanya ialah sejak kewujudan E-mail melalui Internet, apakah kesan E-mail terhadap permintaan pos, adakah ia telah mendatangkan kesan negatif terhadap pos tradisional. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kluang.

12.08 tgh.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam perbahasan Jawatankuasa kementerian ini saya cuma ingin membangkitkan dua perkara. Perkara pertama di bawah Butiran 060000 - Sistem Pengurusan Maklumat Kementerian dan satu dua perkara berkaitan dengan MSC.

Saya percaya sebagai sebuah kementerian yang menjaga tenaga, komunikasi dan multimedia pasti menjadi hasrat kementerian supaya konsep kerajaan elektronik akan menjadi kenyataan dalam masa yang ditetapkan. Seperti yang kita semua sedia maklum bagi melicinkan pembangunan MSC Kerajaan Malaysia telah mensasarkan tujuh aplikasi multimedia untuk dibangunkan menjelang tahun 2000, dan salah satu di antaranya ialah kerajaan elektronik.

Saya percaya maksud kerajaan elektronik ini ialah ia akan menggunakan teknologi multimedia untuk menjadikan pentadbiran kerajaan tanpa penggunaan kertas ataupun paperless administration. Ini bermakna seluruh perhubungan antara jabatan serta kakitangan dengan orang awam akan dilakukan menerusi elektronik dan rangkaian multimedia dan Putrajaya akan dibangunkan di MSC untuk menjadikan sebuah ibu kota baru yang mencapai tahap kerajaan elektronik.

Jadi, dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Menteri, pertama, sampai tahap mana persiapan kita untuk mencapai kerajaan elektronik.

Yang kedua, sebab saya datang dari Johor dan saya difahamkan oleh Kerajaan Negeri Johor iaitu Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd adalah satu syarikat yang diberi tanggungjawab menghubungkan rangkaian pasarana maklumat negeri Johor ke Koridor Raya Multimedia ataupun MSC. Jadi, setakat ini saya ingin tahu apakah kemudahan yang hendak diberikan kepada syarikat ini, dan apakah pencapaian setakat ini oleh syarikat ini yang telah pun menjalankan projek mereka supaya rangkaian ini dapat dihubungi dari negeri Johor kepada MSC ini.

Yang ketiga, Perbadanan Putrajaya ditubuhkan pada Mac tahun 1996 untuk membangun, mentadbirkan dan menguruskan kawasan Perbandanan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan seperti yang dinyatakan pembangunan Putrajaya akan dilaksanakan dalam dua fasa:

(i) Fasa I, pada tahun 1996 hingga 2000;

(ii) Fasa II 2001 hingga 2005.

Jadi, saya ingin tahu setakat ini apa yang dikatakan pembinaan Jabatan Perdana Menteri dijadualkan siap pada tahun ini, iaitu tahun 1998. Jadi, saya ingin tanya Yang Berhormat Datuk Menteri, setakat ini apakah persiapan yang telah dibuat khususnya pembinaan Jabatan Perdana Menteri yang akan dijadualkan siap pada tahun ini dan kos perbelanjaannya. Saya juga ingin tahu cara macam mana perbadanan ini berfungsi ataupun menjalankan urusannya termasuk kewangan mereka dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 040000 - Kawal Selia Pos. Saya setuju engan rakan-rakan saya dari Mentakab dan Kemaman yang mengatakan sejak Pos Malaysia Berhad dikorporatkan memang prestasi dan imej Pos Malaysia telah pun ditingkatkan dan apabila Second Postal Technology Exhibition dan Conference yang berlangsung di PWTC tidak lama dahulu, memang negara-negara seperti New Zealand ada puji kepada Pos Malaysia Berhad. Komen mereka ialah Pos Malaysia Berhad had improved tremendously as a result of the postal administration programme ataupun modernization programme.

Saya masih ingat pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri merasmikan conference tersebut dan mengatakan bahawa walaupun ada kemajuan tentang Pos Malaysia Berhad, tetapi mutu perkhidmatan harus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Saya ingin tahu apakah kemajuan infrastruktur kemudahan dan fasiliti-fasiliti untuk Pos Malaysia Berhad untuk mengendalikan surat-surat.

Saya ada baca laporan daripada conference itu, mereka ada recommend tentang cara-cara untuk mengendalikan surat-surat. Antaranya melalui mail outomated recording sorter, optica tracker automisation machine, bar-code sorter dan sebagainya. Jadi, saya ingin tahu Pos Malaysia Berhad adakah menggunakan sistem-sistem tersebut ataupun alat-alat yang lebih canggih untuk mengendalikan surat-surat, kerana tenaga posmen ini, mengikut laporan dahulu jumlah posmen pada tahun 1995 adalah lebih kurang 6,613 orang dan pada tahun 1996, 6,910 orang menyebabkan kelewatan untuk dapat surat. Saya percaya salah satu faktor yang penting ialah tenaga posmen, mengikut laporan tadi tahun 1995 ada 6,613 orang, tahun 1996 - 6,910, saya tidak tahu sampai hari ini, pada tahun 1998 jumlah anggota posmen kita yang berada di negara kita untuk menjalankan tugas mereka.

Saya membangkitkan perkara ini ialah saya ada buat satu kajian di kawasan saya iaitu di kawasan daerah Kluang di mana di daerah Kluang ini ada 41 orang posmen, khususnya di kampung saya iaitu di Paloh pada tahun 50-an dan 60-an ada dua orang posmen, sampai hari ini juga dua orang posmen.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada posmen-posmen yang ada di daerah Kluang khususnya dua orang posmen di Paloh kerana mereka cukup rajin dan pada hemat saya mereka cuba menghantarkan surat ke rumah saya, sebab dia tahu memang mustahak. Walaupun berusaha untuk menjalankan tugas mereka sedaya upaya tetapi saya nampak mereka tidak berdaya kerana tenaga mereka tidak mampu untuk menghantarkan surat-surat ke satu destinasi yang begitu luas dan jauh. 41 orang posmen di Kluang ini, pada hemat saya, saya ada buat kajian dan berbincang dengan Ibu Pejabat Pos di Kluang di mana kalau boleh sekurang-kurangnya kena tambah tiga ataupun empat orang dan satu harus ditambah di Pekan Paloh ini untuk menjalankan tugas mereka.

Walaupun saya ada baca satu laporan pada Oktober 1998 oleh Pengurus Kanan Pemasaran dan Perhubungan Korporat yang mengatakan memang tidak ramai orang yang berminat untuk melakukan tugas berkenaan dan kadang-kadang tidak ada calon langsung untuk memohon bagi jawatan posmen sehingga terpaksa mengadakan temuduga terbuka. Saya...

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Soalan tambahan, Tuan pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukan soalan tambahan, penjelasan Yang Berhormat!

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Ya, penjelasan, minta maaf bukan soalan tambahan. Saya tertarik dengan kenyataan yang disedut daripada laporan akhbar oleh kawan saya Yang Berhormat dari Kluang kononnya tidak ada calon hendak menjadi posmen buat masa sekarang ini dan terpaksa pihak Pos Malaysia mengadakan temuduga demi temuduga untuk mengambil kakitangan menjadi posmen ini. Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat berapa ramai yang dia hendak? Dan saya sanggup untuk mencari calon dari Parlimen Pasir Mas, berapa ramai dia hendak kakitangan posmen ini, saya sanggup, dari Pasir Mas ramai orang tidak ada kerja.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasihlah rakan saya dari Pasir Mas. Sebenarnya saya akan masuk ke tajuk ini. Saya percaya memang ada ramai lagi pemuda-pemudi kita ataupun pemuda sahaja yang minat dalam perkhidmatan sebagai posmen. Di Kluang sahaja saya pernah berjumpa beberapa orang yang ada minat untuk menjadi posmen, jadi saya bayangkan perkara ini kepada Pejabat Pos Bandar Kluang di mana mereka pun sanggup dan mereka pun tahu, selepas saya bayangkan kedudukan dan meminta peminat-peminat untuk berjumpa mereka memang ada laporan, ada konteks menyatakan bahawa memang ada orang yang minat untuk menjadi posmen. Jadi saya sangat merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya melihat perkara ini. Khususnya di Kluang sahaja harus kita tambah tiga ataupun empat orang untuk menjalankan tugas supaya surat-surat yang kita hantar tidak lewat sampai kepada penerima dan pada saya sendiri, saya meneliti surat yang sampai kepada saya kalau dari Kuala Lumpur sekurang-kurangnya lima hari dan kadang-kadang lebih dari lima hari.

Jadi saya haraplah Pos Malaysia Berhad supaya dapat melihat perkara ini kerana saya tahu pada satu hari hendak mengendalikan 3 juta surat kalau tidak salah saya untuk mengendalikan kerja ini memang beban yang berat. Jadi saya haraplah perkara ini dapat dilihat untuk kebaikan dan kemudahan rakyat di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Jadi itu sahaja perkara yang ingin saya sampaikan, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sibu. Bolehkah Yang Berhormat, kita hendak habiskan hari ini juga, ada dua kementerian ya, iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan.

12.22 tgh.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Tuan Pengerusi, terima kasih...

Tuan Pengerusi: Petang ini kita hendak habiskan, kalau boleh Yang Berhormat, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 12.40 tengah hari. Kalau boleh Yang Berhormat kurang-kurangkan sedikit ucapan lima minit, boleh tak?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya, lima minit, ya. Terima kasih, Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah khasnya kepada Yang Berhormat Menteri kerana di bawah pengurusannya perkhidmatan telekom dan pos di negara kita telah naik taraf kalau dibanding dengan masa yang lepas. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan sedikit isu di sini iaitu pertama saya ingin merujuk Butiran 030000 – Kawal Selia Telekom. Tuan Pengerusi, saya mewakili masalah atau kesulitan bagi pihak penduduk luar bandar untuk memohon perkhidmatan telefon awam khasnya dari penduduk-penduduk dari rumah panjang. Di Sarawak, satu rumah panjang mempunyai lebih kurang 30 sampai 100 keluarga tinggal di satu rumah panjang. Oleh itu saya rasa mereka sangat layak untuk mendapatkan perkhidmatan telefon awam walaupun mereka memohon satu sahaja di depan pintu tuan rumah. Itulah saya berharap dan merayu kepada kementerian, tolong beri perhatian supaya orang di luar bandar mendapat perkhidmatan telefon secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, di dalam pasaran di negara kita ada telephone clonning. Maksudnya dia boleh beli satu hand phone dengan kos lump sum dan boleh guna tanpa bayaran telephone call. Oleh itu saya ingin tahu apakah sindiket ini sekarang bertambah serius di negara kita.

Isu kedua ialah, Butiran 040000 – Kawal Selia Pos. Saya ingin mengucap tahniah kepada perkhidmatan di bawah pos laju yang sangat baik tetapi saya ingin tanya bagaimanakah pos biasa? Saya ada terima aduan dari ramai kawan di kawasan saya, mereka menyatakan contohnya, dia menerima satu surat dari satu lantai (floor) di bawah satu bangunan ke lantai/tingkat (floor) di atas mengambil masa dua minggu baru sampai, baru diterima. Itu adalah satu contoh. Saya haraplah di samping perkhidmatan pos laju, pos biasa, perkhidmatan ini perlu ditingkatkan.

Ini saya haraplah kementerian akan mengambil langkah-langkah perlu untuk meningkat taraf atau kualiti service pos biasa. Dalam perkara ini saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu masalah kekurangan postel servis di luar bandar. Bolehkah kementerian mengkaji, pakai apakah atau pakai mobile pos 'office'kah atau lain langkah untuk memberikan perkhidmatan pos kawasan luar bandar khasnya di Sarawak.

Akhir sekali saya ingin menyentuh Butiran Projek 02506 – Mini Hidro di Sarawak, saya nampak tidak ada peruntukan untuk tahun depan saya ingin apakah sebabnya dan progress tentang pembinaan Hidroelektrik Bakun. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

12.27 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Insya-Allah saya akan bercakap pendek sahaja. Saya pun ingin bertanya kepada Menteri di bawah 00100 mengenai Bakun. Soalan saya ialah berapa banyakkah duit kerajaan telah dibelanjakan untuk Bakun dan bilakah Bakun akan dijalankan. Itu persoalan yang pertama.

Kedua di bawah Butiran 030000 – Kawal Selia Telekom. Saya juga ingin bertanya, persoalan saya ini bukan persoalan telefon di kampung-kampung memang saya sudah sebut beberapa kali, persoalan saya ialah penguatkuasaan undang-undang iaitu di bawah Undang-undang Multimedia Seksyen 202 menyatakan ada tabung kumpulan wang pemberian perkhidmatan sejagat. Jadi saya ingin bertanya kepada

Menteri berapa banyak syarikat telekom yang akan menyumbang kepada tabung ini dan apakah garis panduan-garis panduan yang dibuat supaya menolong orang yang tidak mendapat perkhidmatan yang sebaiknya di luar bandar dapat diberi telefon kerana ini amatlah penting sebagai persediaan awal dibuat sebelum undang-undang ini betul-betul dikuatkuasakan dan garis panduan yang patutnya telah dibuat oleh pihak suruhanjayanya untuk mengadakan pungutan wang kumpulan ini dan macam mana wang ini ia hendak dibelanjakan nanti.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan satu perkara iaitu untuk kampung di luar bandar kerana kalau kita pandang di Sabah dan Sarawak umpamanya, di Sarawak kita ada 5,000 kampung dan rumah panjang di luar bandar. Jadi kalau kita tidak mempunyai satu strategi yang baik ada kemungkinan kita akan didatangi masalah dengan secara piecemeal dan kementerian yang mahir betul menangani masalah di luar bandar ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi saya mencadangkan supaya penghantaran telefon ini pun dikendalikan secara mana pun oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengagihkan peruntukan untuk jalan-jalan kampung di luar bandar, kerana sistem ini adalah baik dan sistem itu patut digunakan. Itu yang kedua Tuan Pengerusi,

Yang ketiga, di bawah kawal selia pos. Saya ingin menyebut di sini, alhamdulillah kalau dalam bandar hal pos ini baik tetapi saya masih menyebutkan, pos semenjak di'privatize'kan, saya mendapati di kawasan saya prestasi pos menurun. Sebelum pos di'privatize'kan ada rancangan di Kampung Meludam hendak diadakan pejabat pos tetapi selepas pos di'privatize' persoalan hendak membuat pejabat pos di Meludam tidak ada lagi. Jadi maknanya kepada orang di luar bandar, privatization of post ini, dengan izin, adalah several steps backward, dengan izin. Jadi saya berharap kementerian membuat satu perancangan agar orang di luar bandar yang dapat kerja, yang masuk universiti dan yang masuk sekolah ini mendapat surat mereka on time, tidak kelambatan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Sibu, pernah saya menerima dalam satu kawasan iaitu kawasan Saratok di mana surat dihantar antara satu kedai ke satu kedai yang lain, oleh kerana tidak tahu tempat, dua minggu baru diterima. Di pejabat saya pun pernah dua minggu baru terima surat. Orang yang dijemput untuk temuduga sampai dua minggu selepas itu.

Jadi saya berharap pihak kementerian lihat semula perkhidmatan pos ini terutama sekali di luar bandar, macam mana untuk menghantar melalui pos supaya tidak mendatangkan satu soalan 'several steps backward' kepada orang luar bandar berkaitan kemudahan perkhidmatan pos di luar bandar. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kuala Pilah.

12.32 tgh.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Tuan Pengerusi, saya cuba seberapa ringkasnya membahaskan dalam Dewan yang ini terutama sekali saya ucap tahniah dan syabas kepada Dato' Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang hadir sendiri dalam Dewan yang mulia ini pada pagi ini.

Pertama sekali Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan berkenaan 020000 - Kawal Selia Elektrik dan Gas. Tuan Pengerusi, kita tahu sekarang ini negara kita sedang membangun dan ingin membekalkan kemudahan-kemudahan elektrik dan juga di masa-masa kebelakangan ini gas, menggantikan tenaga. Dalam konteks ini Tuan Pengerusi, saya ingin tahu buat masa ini bagaimanakah kedudukan semasa kita mengalami kegawatan ekonomi ini, kedudukan tentang IPP kita iaitu yang dinamakan independent power product (IPP) dan semasa keadaan baik, ramai berminat dan banyak telah diluluskan oleh kerajaan, dalam kegawatan ekonomi sekarang ini bagaimana? Bagaimanakah efisiensi mereka menjana, mengeluarkan tenaga untuk membantu pembekal tenaga kepada negara dan juga kos-kos yang telah pun dijanjikan lebih awal dan kedudukan mereka ini sekarang.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan berkenaan pos laju. Pos laju atau juga efisiensi tentang pos di negara kita sekarang ini. Semasa mula-mula diswastakan, Jabatan Pos memang baik, kita akui tetapi masa kebelakangan ini sudah nampak menurun. Contohnya beberapa surat dalam yang dalam satu daerah, diposkan pada 1 haribulan, 6 haribulan atau 7 haribulan baru sampai dalam satu daerah, adakah ini satu perkara yang menjadi kebiasaan ataupun kebetulan ataupun satu-satu yang tidak dapat dielakkan kerana perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri. Ramai Ahli Dewan Undangan Negeri menyuarakan perasaan yang sama. Saya percaya pihak Jabatan Pos perlulah sentiasa memperingatkan pekerja-pekerja mereka untuk menentukan mutu ataupun efisiensi pos ini, jangan berkurangan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin sentuh juga berkenaan kedudukan Telekom iaitu di bawah Butiran 030000. Di sini, Tuan Pengerusi, Telekom telah juga diswastakan. Pada mulanya dan sehingga hari ini Telekom telah membuat satu perkhidmatan yang baik tetapi saya ingin juga menyentuh sedikit beberapa kelemahan. Kalau kita tengok di televisyen dari segi iklannya, TM Touch hebat sekali, dapat menghubungi sampai ke ruang angkasa. Yang menyedihkan orang kampung bertanya dengan wakil rakyat: "Yang Berhormat, saya buka televisyen, orang di ruang angkasa dapat terima telefon". Ini pembekalan saluran telefon bimbit kepada sesetengah daerah, contohnya di kawasan Johol, Kuala Pilah. Di seluruh kawasan itu tidak dapat langsung menikmati satu pun perkhidmatan telefon cellular apa bentuk sekalipun, apakah caranya?

Saya percaya perkara ini memerlukan sesuatu penjana yang didudukkan di tempat yang boleh memberi bekalan ataupun spot areas yang tidak dapat disalurkan oleh pihak Telekom. Dalam perkara ini kita hendak jaga juga bahawa pengundi-pengundi kita yang berkata: "Ini orang bandar sahaja tetapi kita di luar bandar tidak dipedulikan". Inilah saya hendak bangkitkan perkara ini supaya pihak Telekom, jangan pandang sangat kepada keuntungan yang banyak, cara-cara khidmat bakti kepada rakyat hendaklah juga sama-sama kita pertimbangkan dan saya tidak berhasrat bercakap panjang, setakat itulah sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bagan, lepas itu Menteri diminta menjawab.

12.37 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Kawal Selia Elektrik dan Gas. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan curi elektrik. TNB telah mengumumkan bahawa tempoh pengampunan boleh diberi kepada pengguna kalau mereka tampil ke hadapan untuk melaporkan perbuatan curi sendiri. Satu masalah di sini, Tuan Pengerusi, kepada mereka yang sengaja mencuri elektrik, kita tidak akan melindungi mereka tetapi kepada yang dikatakan langsung tidak berniat untuk mencuri elektrik tetapi apabila TNB memberi notis bahawa mereka telah mencuri elektrik dan dipaksa untuk membayar sehingga RM2,000 atau RM3,000. Mahu tidak mahu kena bayar, kalau tidak mahu bayar kena potong, jadi apakah saluran untuk membuat rayuan atau bolehkah mereka mengupah penyiasat bebas atau consultant untuk menilai sama ada meter itu rosak kerana seal meter itu tidak di'temper', dengan izin, dan ada seorang kawan di Sungai Petani, menyewa sebuah rumah kedai. Apabila beliau masuk ke rumah itu, rumah baru, meter baru, langsung tidak di'temper', langsung tidak ubah. Selepas tiga tahun, dia dikatakan mencuri elektrik dan kena bayar lebih RM3,000.

Saya pergi bersama beliau ke pejabat TNB Sungai Petani dan engineer yang berkenaan kata: "Kena bayar, memang ada curi". Tetapi dia tidak puas hati kerana dia langsung tidak buat apa-apa pada meter dan beliau terpaksa membayar atas tekanan, kalau tidak bayar kena potong elektrik.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000 – Kawal Selia Telekom, masih terdapat panggilan yang tidak berjaya dicaj dengan sebanyak 10 sen, jikalau tidak menilai bil telefon kita, kita akan nampak di sana apabila kami membuat percubaan hendak memanggil satu nombor berturut-turut tiga atau empat kali tidak berjaya, berturut-turut

10 sen dan 10 sen dan jangka panggilan hanya tiga saat atau empat saat, apa boleh kita berbual dalam tiga saat atau empat saat. Ini bermakna panggilan ini tidak berjaya, panggilan tidak berjaya pun kena caj 10 sen. Ini bagi panggilan telefon atur mudah alih (hand phone) atau telefon rumah serupa pun sama kena caj 10 sen untuk panggilan yang tidak berjaya.

Tuan Pengerusi, satu lagi, siapa ada hak untuk tape perbualan telefon. Dalam kes perbicaraan Dato' Seri Anwar ada dikatakan telefon telah ditape dalam Mahkamah. Dalam hal ini siapa ada berkuasa untuk meng'tape' telefon perbualan seseorang dan jikalau sesiapa boleh diberi kuasa untuk meng'tape' perbualan telefon maka bukankah ini sudah menjadi satu skandal 'Water Gates'. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Datuk Menteri.

12.42 tgh.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dari Kepong, Serdang, Tambun, Lumut, Batang Lupar, Kuala Pilah, Bagan, Sipitang, Kemaman, Kubang Kerian, Mentakab dan ramai sekali yang telah pun mengambil bahagian. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua mereka yang telah terlibat. Oleh kerana banyak soalan itu agak detail, saya merasa sukar untuk kita memberi jawapan yang amat terperinci sekali satu persatu. Walaupun demikian, saya cuba akan memberi penerangan sedikit dari beberapa perkara sahaja secara umum dari segi subjeknya. Banyak menyentuh dari soalan perkhidmatan telefon yang difikirkan kurang memuaskan khususnya perkhidmatan cloning, billing dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya perkara ini bukanlah perkara yang baru bahkan setiap kali kita bersidang dalam Dewan Rakyat, soalan ini masih ditimbulkan. Kementerian memang sedar ianya masih memerlukan perhatian dari syarikat-syarikat yang menguruskan perkhidmatan telefon dan kita pun sentiasa berhubung dengan semua syarikat yang terlibat bukan sahaja Telekom Malaysia termasuk juga syarikat-syarikat yang lain dan difahamkan mereka juga sedar akan keperluan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberi oleh mereka, bahkan dalam kita menangani soalan cloning misalnya dalam penggubalan undang-undang yang kita lulus iaitu Undang-undang Komunikasi dan Multimedia dalam Dewan Rakyat berapa ketika dahulu. Kita telah sengaja memasukkan satu peruntukan khusus yang kita berharap akan dapat memberi kesan yang lebih baik lagi bagi kita menghadapi masalah ini dan apabila Akta itu diguna pakai nanti, kita berharap kesan itu akan dapat membantu kita menjalankan tugas akan lebih baik lagi.

Berkaitan dengan pos juga, memang saya sedar bahawa kebanyakan keperluan khususnya di tempat-tempat yang terpencil dan di luar bandar, keperluan untuk mempertingkatkan perkhidmatan memang kita mengakui, walaupun demikian kesusahan memang berlaku kerana seperti kita faham Pos Malaysia juga selain dari hendak menggalakkan perkhidmatan yang baik, mereka juga sentiasa peka kepada peruntukan-peruntukan yang perlu untuk menyalurkan perkhidmatan sedemikian.

Berkaitan dengan luar bandar dari segi telefon tadi, kita juga mengadakan apa yang dikatakan Universal Service Obligation (USO) dan peraturan ini sebenarnya semua pihak syarikat yang terlibat dalam menguruskan perkhidmatan telefon telah bersetuju secara prinsip untuk bersama-sama mengeluarkan sumbangan kepada USO. Apa yang diperlukan sekarang ialah untuk kita menentukan kaedah ataupun kriteria ataupun framework bagaimanakah saluran itu boleh ditentukan. Sekarang masalah ini telah pun dipegang sepenuhnya oleh Telekom Malaysia dan kita pun bersetuju bahawa sehingga ke tahun 2000, tugas secara physical installation, dengan izin Tuan Pengerusi, akan kekal diuruskan oleh Telekom Malaysia, walaupun demikian syarikat-syarikat lain yang mempunyai lesen dikehendaki untuk membuat sumbangan kepada Universal Service Obligation. Apa yang perlu kita buat sekarang dan kita berharap bahawa

suruhanjaya yang baru sahaja ditubuh akan dapat menyelaraskan framework bagi mengutip atau menentukan jumlah yang perlu dibayar oleh setiap syarikat masing-masing dari segi contribution mereka kepada USO nanti.

Itu dari segi secara umum saya menerangkan kepada Telekom dan Pos Malaysia, beberapa Ahli Berhomat juga telah menyentuh.

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian bercadang untuk mengikut dasar yang dikenalkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mengatasi masalah elektrik di luar bandar yang mana kita sedia maklum separuh dibayar oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan separuh lagi dibiayai oleh Tenaga Nasional Berhad. Jadi, memandangkan telekom ini juga kita menghadapi masalah di luar bandar dan memerlukan pembiayaan yang tinggi, adakah kementerian bercadang untuk kerajaan bagi separuh dan Syarikat Telekom pula keluarkan separuh. Jadi ini selaras dengan dasar kita untuk membantu elektrik di luar bandar dengan telekom di luar bandar ini.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, cadangan Yang Berhormat itu memanglah suatu perkara yang boleh dikaji oleh kita. Kalau kita melihat dari segi latar belakang menguruskan bekalan letrik luar bandar pada permulaannya dahulu memang sepenuhnya ditanggungjawabkan oleh kerajaan semata-mata. Sudah itu ianya dibahagikan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dan selepas itu melibatkan juga syarikat yang bertanggungjawab untuk menguruskan bekalan elektrik. Sekarang sebahagiannya disalurkan oleh kerajaan dan sebahagiannya disalurkan oleh syarikat yang menguruskan perkara ini. Adakah ini boleh diguna pakai bagi menentukan bekalan ataupun urusan telefon di luar bandar?

Kita belum dapat memberi pendapatan yang tepat kerana saya fikir peruntukan yang perlu, memang saya fikir syarikat-syarikat yang terlibat dalam menguruskan telecom service di negara kita ini mungkin mereka mempunyai peruntukan yang dapat disalurkan. Kerajaan sendiri sudah tentulah akan terhad dari segi peruntukannya, apa yang menyusahkan juga kerana untuk memberi perkhidmatan serupa ini memerlukan teknologi yang berlainan. Sebab itu sekarang kita telah pun mengkaji kemungkinan memperluaskan mengunakan teknologi wireless dan dengan menggunakan teknologi wireless ini diharapkan harga-harga untuk memberi perkhidmatan ke tempat-tempat yang jauh dari bandar-bandar tertentu akan dapat dikurangkan. Dengan sedemikian kita memikirkan kemampuan syarikat-syarikat yang terlibat dengan penglibatan syarikat yang belum lagi memberi sumbangan sekarang, akan dapat menambahkan peruntukan yang boleh disalurkan. Jadi pendek kata, walaupun cadangan itu baik, saya fikir dalam keadaan sekarang mungkin kemampuan kerajaan sendiri adalah terhad sedikit.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari segi kedudukan kewangan Tenaga Nasional Berhad dan juga khususnya apakah kedudukan IPP sekarang dan sebagainya. Sebenarnya kewangan Tenaga Nasional Berhad masih kukuh. Ini jelas jika kita melihat dari segi Annual Report yang baru sahaja dikeluarkan oleh Tenaga Nasional Berhad. Nampaknya mereka menguruskan tugas dengan baik dan kedudukan kewangan mereka masih kukuh dan tegap. Walaupun demikian, apa yang melibatkan mereka adalah juga melibatkan syarikat-syarikat yang lain di negara kita ini iaitu dari segi kedudukan foreign exchange loss, dengan izin, ataupun oleh kerana kelemahan mata wang kita berbanding Dolar Amerika sekarang, ianya memerlukan bayaran yang lebih dari pihak Tenaga Nasional Berhad bermakna kedudukan kewangan Tenaga Nasional Berhad bukan timbul dari segi soalan kecekapan dan sebagainya bahkan dari segi produktiviti Tenaga Nasional Berhad sendiri kita lihat sudahpun meningkat, kedudukan kewangan mereka terpengaruh oleh kerana effect of the exchange rate, dengan izin, walaupun demikian, kita masih berpendapat kedudukan kewangan Tenaga Nasional Berhad masih teguh dan kukuh.

Walaupun demikian, mereka telah berhubung dengan pihak IPP, saya telah diberitahu mereka telah secara agreement dengan Tenaga Nasional Berhad untuk bersama-sama membantu perkembangan industri elektrik, dan kedua-dua pihak telah pun bersetuju secara pentadbiran, bukan secara perubahan terms agreement dan sebagainya tetapi secara pentadbiran (voluntary) kedua-dua pihak telah pun bersetuju untuk:

(i) melanjutkan tempoh bayaran dari segi Tenaga Nasional Berhad kepada IPP dan juga kepada Petronas dan Petronas pun sudah membuat persetujuan secara prinsip;

(ii) kerajaan telah pun menetapkan bahawa harga gas dan sebagainya tidak akan melebihi RM6.40 per million BTU sehingga tahun 2000.

Kita memikirkan semua tindakan ini akan bersama-sama mengukuhkan kedudukan bukan sahaja Tenaga Nasional Berhad tetapi juga kedudukan IPP kerana kita pun harus sedar bahawa IPP ialah sebagai syarikat-syarikat yang menjalankan tugas yang penting di negara kita ini, yang juga melibatkan pelaburan modal yang besar dan kita juga harus peka kepada kedudukan kewangan setiap syarikat yang menjalankan perkhidmatan di negara kita ini. Oleh Sebab itulah dalam industri elektrik kedua-dua belah pihak telah membuat persetujuan secara voluntary, secara administrative yang bersama-sama akan mengekalkan kedudukan Tenaga Nasional Berhad sendiri.

Berkaitan dengan jumlah rizab yang ada sekarang dari segi generation capacity, kita mendapati bahawa sehingga ke tahun 2002 anggaran kita ialah kedudukan penjanaan kuasa elektrik sekarang dalam tahap kita mempunyai tahap rizab margin kira-kira 45% - 46% dan sekiranya penjanaan kuasa tidak bertambah dalam 2000 ianya akan menurun kepada peringkat 30% rizab. Walaupun demikian, kita menganggap bahawa walaupun kedudukan ekonomi sekarang nampak merosot tetapi gambarannya ialah dalam tahun akan datang ianya akan mula pulih. Oleh sebab itu kita sentiasa setiap tiga bulan mengadakan review dari segi kedudukan perancangan kuasa elektrik dan jika perlu kita akan meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah pun diberi kelulusan untuk sentiasa menjamin kecukupan kuasa elektrik untuk pengguna-pengguna dan industri di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menjawab satu lagi perkara yang berkaitan dengan MSC dan Y2K yang disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Berkaitan dengan MSC, apa yang kita lihat sekarang ialah dari 256 syarikat yang memohon mendapatkan MSC status, sehingga kini, 191 syarikat telah pun diberi kelulusan sebagai MSC status.

MSC flagship application yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun, adakah ianya perlu dikaji semula dari segi pengurangan skopnya. Sebenarnya perkara ini memang sudah pun dilakukan dan pihak kerajaan, MDC dan MSC sendiri telah pun mengambil tindakan untuk mengurangkan skop beberapa flagship application dengan mengambil kedudukan kegawatan ekonomi sekarang termasuklah skop health, pendidikan dan sebagainya. Ini sudahpun dibuat dan harus dilakukan oleh beberapa MSC flagship application ini.

Kerajaan memang sedar bahawa kita masih kekurangan dari segi manpower dan sebagainya, oleh sebab itu kita mengambil tindakan dan beberapa langkah untuk mempertingkatkan penglibatan manpower dalam bidang IT dan sebagainya dan beberapa universiti telah pun diberi kebenaran MSC status bagi fakulti-fakulti yang menawarkan, dengan izin, MSC related subject dan sebagainya termasuk juga Universiti Multimedia yang sedang dibangun di kawasan Cyberjaya. Berkaitan dengan yang disebut adakah kita akan kompetitif jika dibanding dengan negara-negara yang lain dari segi membangun MSC dan IT.

Tuan Pengerusi, kalau kita ingat kembali tujuan kita membangunkan MSC ialah untuk kita mempertingkatkan kemampuan kita dalam menguruskan IT dan MSC related function, dengan izin, kerana kita faham bahawa information technology akan menjadi tumpuan dalam abad atau millennium yang akan datang ini. Oleh kerana kita menyedari kekurangan kita sekarang, kita mengambil tumpuan ini dan kita telah pun berjaya menarik minat bukan sahaja syarikat-syarikat tempatan bahkan syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa yang mempunyai kemampuan yang tinggi dan mereka bersetuju melibatkan diri dan melabur dalam projek MSC dan saya percaya dengan tindakan ini kita akan dapat mempercepatkan kemampuan kita dan saingan kita dengan negara-negara yang lain. Kita tidak takut bersaing dengan mana-mana negara termasuk negara jiran atau negara lain, bukan oleh kerana kita hendak mendabik dada atau oleh kerana kita tidak mengakui bahawa kita ada kekurangan, tetapi kita berfikir bahawa inilah cara yang perlu kita atasi untuk mempertingkatkan kedudukan kita dalam information technology.

Dari segi Microsoft misalnya, saya difahamkan Microsoft masih kekal untuk melibatkan diri dan juga terlibat dalam pembangunan MSC dan saya difahamkan mengikut nota yang diberi oleh pihak MDC sendiri, di Malaysia Microsoft masih lagi kekal sebagai Ibu Pejabat Serantau (Regional Headquarters) mereka dan lebih lagi Microsoft telah menubuhkan Syarikat Microsoft Knowledge Management Centre yang telah mendapat MSC status dan Syarikat Microsoft Knowledge Management Centre ini akan menumpukan kegiatannya kepada pembangunan 'value added' termasuklah pembangunan mereka bentuk perisian dan termaju. Mereka juga memang melabur dalam beberapa negara yang lain termasuklah di Singapura dan saya difahamkan di Singapura mereka terlibat dalam penjualan sales dan bantuan teknikal kepada syarikat - syarikat yang terlibat itu. Bagi kita itu tidak menjadi masalah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak sambung sebelah petang ya.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Okay, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ong Tee Keat ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta sambung.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, tengah hari tadi saya telah menerangkan beberapa perkara dan akhirnya menerangkan perkara yang berkaitan dengan MSC. Sebenarnya Tuan Pengerusi, kita harus ingat MSC ini ialah suatu projek strategik kerajaan untuk memberi peluang kepada negara kita beralih kepada secepat-cepat mungkinnya kepada era teknologi dan information teknologi dan sebagainya. Selain dari itu kita juga mengharap dapat menarik penglibatan syarikat-syarikat dalam negara dan juga luar negara untuk bersama-sama bukan sahaja melabur di MSC tetapi mengambil peluang untuk membuat perancangan, penyelidikan dan sebagainya dan MSC seperti pernah diterangkan dahulu diberi sebagai testbed untuk dunia berhubung dengan penglibatan dalam information technology dan information society.

Tuan Pengerusi, ada juga Ahlli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai E-Commerce ataupun Electronic Commerce dan apakah kerajaan tidak meneruskan bahawa penglibatan harus digalakkan oleh pihak swasta dan bukan oleh pihak kerajaan. Sebenarnya pendirian kerajaan kita pasal ini memang jelas. Kerajaan kita ialah berfungsi sebagai menggalakkan framework, perundangan, peraturan dan sebagainya dan juga perhubungan dengan negara luar dari segi menguruskan E-

Commerce, tetapi penglibatan dan pengendalian E-Commerce ini memang terserah kepada pihak swasta sendiri dan terpulanglah kepada pihak swasta untuk menggunakan E-Commerce. Apa yang kita harus sediakan misalnya bagaimana kita harus mempertimbangkan soal taxation misalnya ataupun soalan untuk menentukan keyakinan pengguna-pengguna electronic transaction dari segi keselamatan.

Oleh sebab itu kita menggunakan beberapa siri undang-undang misalnya Digital Signature Act yang telah kita bentang dan diluluskan di Dewan yang mulia ini yang akan menentukan dan memberi keyakinan kepada pengguna-pengguna yang bertransaksi di Electronic Commerce bahawa apa yang mereka lakukan adalah selamat, apa yang mereka lakukan disahkan dari segi undang-undang bahawa digital signature dianggap seolah-olah sebagai juga tandatangan jari kita sendiri. Ini telah pun kita uruskan dan sebenarnya ini adalah tanggungjawab kerajaan. Pelaburan dari mengendalikan rangkaian atau penglibatan atau penjualan barang atau sebagainya memang diserahkan dan sebenarnya memang sepatutnya diuruskan oleh pihak swasta sendiri.

Bermakna tidak ada percanggahan dari segi pandangan kita dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian apabila kita memahami kedudukan dibahagikan dengan terang dan jelas. Kerajaan bertanggungjawab untuk menentukan perundangan sedia ada dan menentukan framework ada dan menentukan perhubungan kita di antara peringkat antarabangsa ada bahkan peraturan ini telah diperbincangkan di peringkat antarabangsa melalui World Trade Organization dengan izin kerana kita faham bahawa perdagangan secara elektonik akan melibatkan beberapa negara di mana undang-undang negara masing-masing akan berlainan dan perlu ditentukan menerusi perhubungan antarabangsa.

Berkaitan dengan soalan Y2K Tuan Pengerusi, yang juga telah disoalkan. Sebenarnya kita mengakui tidak ada negara mempunyai ketepatan yang sebenar berkaitan dengan kedudukan Y2K kerana perkara ini, soalan ini ataupun masalah ini adalah masalah yang baru. Dan kita juga bersama dengan negara-negara yang lain, apa yang kita terpaksa buat ialah untuk memberi persediaan. Untuk ke arah itu kerajaan telah pun mewujudkan beberapa organisasi yang khususnya stering committee di pihak kerajaan untuk melihat persiapan kita secara negara dari segi menentukan negara kita bukan sahaja kerajaan tetapi syarikat-syarikat dan sebagainya mempunyai alat-alat komputer yang Y2K compliant apabila tiba masa 1 Januari 2000 kelak.

Oleh sebab itu, kita telah pun mewujudkan beberapa bentuk organisasi yang diuruskan di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan dibantu oleh beberapa agensi kerajaan dan juga pihak swasta sendiri dan setiap sektor industri dikehendaki menguruskan penentuan sektor-sektor itu untuk menentukan alat mereka layak untuk Y2K compliance seboleh-bolehnya. Soalan ini ialah menimbulkan dua perkara, dari segi software, Tuan Pengerusi, ianya difikirkan lebih mudah lagi kerana software ini boleh ditukar, boleh diganti, dan boleh di program semula. Apa yang lebih susah lagi untuk ditangani ataupun diubahsuaikan ialah yang mengandungi soalan 'embedded chip' dengan izin, diramalkan kira-kira 70 bilion 'embedded chip' yang ada di merata dunia komputer 'embedded chip' yang terlibat di mana dianggarkan kira-kira 3% hingga 5% mungkin akan melibatkan soal Y2K compliance.

Ini bermakna pentingnya diadakan audit tertentu dari peringkat misalnya electricity network ataupun telecommunication link ataupun soalan transportation ataupun civil aviation, air transport control ataupun sebagainya. Untuk menentukan 'embedded chip' di komputer network yang telah dipasang itu dapat diguna apabila tiba masa 1 Januari 2000. Ini masalah besar yang dihadapi oleh tiap-tiap negara di dunia ini. Misalnya negara Eropah dan Amerika, soalan ini lebih ketara bagi mereka oleh kerana kegunaan elektronik dan komputer sudah pun meluas. Bagi negara yang membangun termasuklah kita yang masih sedang membangun kegunaan komputer baru walaupun demikian kita pun sedar bahawa adanya kemungkinan 'embedded chip' perlu diperbaiki dan ditentukan.

Oleh sebab itu tumpuan kita ialah untuk audit dulu dan mengambil tindakan untuk pengubahsuaian sekiranya perlu ataupun menggantikan alat-alat. Oleh sebab itu kita memberi peruntukan dari segi jabatan kerajaan dan agensi kerajaan, sudah RM30 juta, telah diagihkan pada permulaannya. Di waktu budget sekarang ditambah dengan RM100 juta lagi.

Kita memikirkan bagi pihak kerajaan sendiri termasuk kerajaan negeri kemungkinan peruntukan RM130 juta ini tidak mencukupi. Oleh sebab itu kita sekarang masih dalam peringkat perbincangan bagi tujuan menambahkan peruntukan yang diperlukan dan perundingan sedang berjalan sekarang sekiranya dapat bantuan dari modal Bank Dunia ataupun World Bank sedikit untuk kita dapat membantu bukan sahaja dari menentukan kerajaan dapat bertindak dari segi agensi dan jabatan kerajaan tetapi juga peruntukan untuk membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SMI). Sebenarnya syarikat kecil dan sederhana telah pun diberi kelulusan untuk memohon loan dari segi small and medium scale industries fund yang diuruskan oleh Bank Negara dan termasuk Y2K compliance issue ini Tuan Pengerusi, termasuk dari satu, yang boleh dipertimbangkan dari segi loan application on the small and medium scale industries.

Selain dari itu, bagi pertukaran alat-alat software sudah juga diluluskan untuk tidak dikenakan cukai. Selain dari itu juga kita berharap sekiranya Bank Dunia bersetuju untuk memberi bantuan atau loan kepada negara kita untuk menambah keperluan ini sebahagian dari loan tersebut dicadang akan disalur untuk kegunaan SMI untuk membantu mereka mempertingkatkan kemampuan untuk menyelesaikan masalah Y2K ini.

Tuan Pengerusi, dua lagi perkara yang saya hendak sentuh sebelum saya mengakhiri jawapan iaitu berkaitan dengan Sabah Electricity .....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Mentakab bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengharamkan segala peralatan khususnya peralatan IT yang tidak Y2K compliant supaya ia tidak dipasarkan dalam pasaran tempatan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya fikir perkara ini harus sebelum kita membeli alat-alat yang baru, sesiapa yang membeli alat itu sepatutnya meminta syarikat-syarikat yang membekalkan alat-alat ini diminta memberi pengesahan bahawa alat yang dibekalkannya itu adalah Y2K compliant. Ini yang harus kita tentukan. Bagi kerajaan sendiri atau agensi-agensi kerajaan, misalnya Telekom ataupun Tenaga yang saya tahu, sebelum mereka membeli alat sekarang mereka berkehendakkan statement pengakuan dari pembekal bahawa alat yang dipesan itu ialah suatu alat yang compliant dari segi Y2K dan saya fikir pihak swasta harus berbuat demikian. Apabila mereka membeli alat-alat yang baru, mereka haruslah meminta syarikat-syarikat yang menjualkan itu memberi pengesahan bahawa apa yang dibeli mereka itu ialah compliant dari segi Y2K. Dari segi undang-undang, saya fikir susah kita hendak menentukan kerana kepakaran di merata dunia tidak menentu, oleh sebab itu kita menyerahkan kepada mereka yang memberi pesanan atau mengeluarkan barang itu bahawa mereka adalah dikehendaki membuat pengesahan penentuan serupa itu. Saya fikir itu lebih berkesan lagi.

Dr. Yap Yit Thong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Lumut.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Pengerusi, sedikit penjelasan daripada Menteri berkenaan Y2K compliance, saya ingin tahu KLIA kita yang dibina baru-baru sahaja, sama ada sistem pengkomputeran dan sistem telekomunikasi yang digunakan di KLIA. semua ada Y2K compliance atau tiada.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya difahamkan memang semua alat yang dipasang di KLIA menepati kehendak Y2K compliance. Ini yang dimaklumkan kepada kita, dan sebenarnya pihak Kementerian Pengangkutan juga akan sentiasa menentukan kerana kita mengambil pendirian bahawa masing-masing kementerian bertanggungjawab, misalnya Kementerian Kesihatan dikehendaki untuk menentukan pihak-pihak hospital dan sebagainya mengambil tindakan untuk menentukan mereka Y2K compliance. Pada peringkat sekarang saya sukalah memberi penerangan bahawa dari segi maklumat yang kita terima, dari segi analisa luar bahawa memang kita lihat negara yang lebih mampu ialah Amerika Syarikat, Eropah sudah lebih tinggi, selepas itu ada juga peringkat yang kedua, misalnya Australia dan sebagainya. Malaysia dilihat sebagai peringkat ketiga dari segi negara-negara yang telah pun berjaya untuk menyediakan diri dari segi Y2K compliance bersama dengan Jepun dan sebagainya; Malaysia dan Korea, kita lihat sebagai sama tahap. Jadi nampaknya ini adalah memberi gambaran dalam setahun ini perubahanan sikap di negara kita ini telah pun berubah, kesedaran rakyat telah pun bertambah, dari segi perlunya kita mengambil tindakan dari segi Y2K. Tuan Pengerusi ....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Mersing bangun.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Sedikit sahaja, Yang Berhormat Datuk. Ini berkenaan Y2K compliance, sekarang ini kita menghadapi masalah sedikit dengan Amerika sebagaimana yang kita sedia maklum, jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Datuk, dengan hubungan yang ada sekarang ini adakah ia akan memberi kesan kepada usaha-usaha kita dalam mengatasi masalah Y2K compliance ini.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya kurang jelas dari segi soalan, kerana mikrofon tidak begitu terang.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Yang Berhormat Datuk, sebentar tadi Yang Berhormat Datuk memberitahu yang Amerika mempunyai kepakaran berkaitan dengan komputer ini, sekarang ini kita menghadapi sedikit masalah hubungan antara negara kita dengan Amerika, jadi saya hendak tahu dalam usaha kita hendak mengatasi masalah Y2K compliance ini, adakah kemungkinan kita menghadapi masalah mendapatkan kepakaran dan sebagainya. Itu sahaja.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat silap, ataupun penerangan saya silap dianggapkan. Apa yang saya sebutkan tadi bukan Amerika Syarikat yang mempunyai kepakaran yang lebih tetapi nampaknya Amerika Syarikat nampaknya muncul sebagai sebuah negara yang sudah lebih bersedia jika dibandingkan dengan negara lain dari segi penyediaan Y2K bahkan kepakaran ini memang ada di merata dunia. Yang kita khuatir ialah oleh kerana masa sudah suntuk dari sekarang sampai 1 Januari 2000 tidaklah berapa banyak masa lagi, kemungkinan pakar-pakar yang terdapat akan sibuk untuk bersama-sama diguna di beberapa buah negara.

Walaupun demikian, apa yang penting bagi kita perkara ini ialah suatu perkara yang kita juga faham, dan juga suatu perkara yang kita menyediakan diri dan suatu perkara yang nampaknya syarikat-syqarikat negara kita melainkan syarikat kecil dan sederhana sudah juga mula untuk mengambil beberapa tindakan dan kita yakin sedikit sebanyak apabila masa itu tiba nanti sudah memberi keyakinan kepada pengguna-pengguna di negara kita ini.

Dua perkara yang saya hendak jelaskan lagi, Tuan Pengerusi, iaitu berkaitan dengan SEB iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd. yang sekarang ini dipunyai sepenuhnya 100% modal dipegang oleh Tenaga Nasional walaupun sebahagian daripada modal tersebut diagihkan 20% kepada Kerajaan Negeri Sabah dan 20% kepada Petronas, sekarang sebenarnya Petronas dan Kerajaan Negeri Sabah belumlah mengeluarkan penglibatan mereka dalam syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Tenaga Nasional masih kekal sebagai pemegang ekuiti tunggal dan oleh sebab itu mula menentukan kehendak electricity di negeri Sabah terus berjalan, tidak ditimbulkan dari soalan ekuiti ini, pihak Tenaga Nasional telah pun meluluskan untuk memberikan pendahuluan atau

advance equity RM90 juta sebagai menambah untuk menentukan SEB mempunyai peruntukan kewangan yang cukup bagi menguruskan bekalan elektrik di negeri Sabah.

Berkaitan dengan soalan Bakun, sebenarnya kalau kita mengingat ke belakang atau beberapa tahun yang lepas, Tuan Pengerusi apabila negara kita ditimpa kegawatan ekonomi dan beberapa projek perlu ditangguhkan, di waktu itu mereka yang terlibat untuk menguruskan atau mengendalikan projek Bakun mengatakan kalau begitu mereka mengundurkan diri.

Oleh sebab itu, kerajaan terpaksa mencari jalan untuk menentukan safety dan sebagainya khusus dari segi diversion tunnel tidak akan menjejaskan penduduk , dan oleh itu kita pun mengambil tindakan untuk menyediakan cara untuk bagaimanakah pengalihan tugas itu boleh diambil oleh kerajaan dari mereka yang menguruskannya dahulu. Sudah tentu ini akan melibatkan bayaran, compensation dan sebagainya bagi belanja-belanja yang telah digunakan dahulu. Jadi, sekarang soalan untuk menentukan bayaran itu masih dalam peringkat perbincangan di antara kerajaan dengan mereka yang terlibat.

Di samping itu, kita juga telah memulakan suatu tindakan untuk mengkaji semula skop projek Bakun itu - bolehkah tidak ianya dikurangkan, bolehkah ianya diguna dan hadkan dahulu kepada Sarawak dan Sabah dan tidak melibatkan penyaluran ke Semenanjung dan sebagainya. Tujuan kita adalah untuk mengurangkan kos dan sebagainya. Jadi, sekarang peringkat kajian semula ini masih berjalan dan kerajaan belum lagi dapat menentukan sama ada adakah atau bilakah ia boleh bermula. Jadi, ada dua soalan. Pertama, soal pengambil alihan dari mereka yang terlibat dahulu masih berjalan, dan kedua, soal untuk mengkaji semula skopnya masih juga berjalan dan belum ditentukan bila atau manakah skopnya.

Itulah sahaja penjelasan, Tuan Pengerusi, yang saya fikir saya perlu beri pada petang ini. Walaupun demikian saya minta maaf oleh kerana tidaklah dapat saya menjawab satu persatu yang telah disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Apa yang saya suka maklum ialah perkara ini akan diambil maklum oleh kementerian dan akan dibuat tindakan susulan nanti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM33,372,700 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM33,372,700 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM6,810,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM6,810,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

Maksud B.50 [Jadual] -
Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan, 1999] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.50 dan Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas sekarang. Serdang.

2.54 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Kementerian Pembangunan Usahawan

dalam Jawatankuasa. Saya menyentuh Program 020100 – Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung.

Tuan Pengerusi, saya pernah membangkitkan masalah perkhidmatan bas di Dewan yang mulia ini, di mana setelah dasar dan sistem untuk menggabungkan semula syarikat-syarikat bas di Lembah Klang terutamanya di ibu kota supaya akan dapat satu sistem perkhidmatan bas yang lebih baik dan lebih sempurna kepada orang awam. Tetapi setelah gabungan perkhidmatan bas di situ berlaku, terjejas sedikit di kawasan saya di mana penduduk-penduduk di kawasan Puchong, Serdang dan Balakong, mereka sedang menghadapi masalah sukar untuk mendapatkan perkhidmatan bas melalui di kawasan tersebut.

Misalnya di kawasan Bandar Kinrara di mana di situ kawasan projek perumahan ada 5,000 unit rumah yang telah didiami, tetapi kawasan ini tidak dapat perkhidmatan bas daripada Kinrara. Dan juga Taman Kinrara Seksyen Lima, beribu unit rumah telah siap juga tanpa perkhidmatan bas. Ini hanya satu contoh di kawasan Puchong. Sebenarnya Puchong muncul sebagai bandar baru dengan adanya bilangan penduduk hingga kini sampai 300,000 dan juga akan bertambah pada masa akan datang. Kawasan ini lebih besar daripada MPPJ akan datang. Ianya sebagai koridor Selatan.

Jadi, dengan adanya projek perumahan telah wujud begitu pesat dan penduduk-penduduk telah tinggal di situ, perkhidmatan bas masih tidak memberi perkhidmatan yang lebih baik dan sempurna. Bahkan juga mereka menghadapi masalah, oleh kerana sebahagian besar penduduk di situ telah menggunakan perkhidmatan bas untuk pergi kerja dan ke sekolah. Jadi, saya mintalah pihak kementerian macam mana untuk mengatasinya. Saya tidak katakan kawasan Puchong tidak ada perkhidmatan bas, tetapi perkhidmatan bas hanya melalui Jalan Puchong sahaja, tidak membelok ke kawasan-kawasan perumahan yang sedia ada sekarang. Jadi, oleh kerana itu, penduduk-penduduk di kawasan yang saya katakan tadi terpaksa keluar ke tepi Jalan Puchong untuk menunggu bas. Kalau musim hujan, La-Nina akan datang, seperti bulan Disember ianya terus akan datang, mereka akan menghadapi masalah besar. Ini bukan bilangan kecil. Saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil perhatian.

Saya pernah sebutkan perkara ini dua tahun dahulu setelah saya dilantik sebagai Ahli Parlimen, tetapi tidak ada apa-apa perubahan, masalah masih kekal. Saya sentiasa dapat rayuan daripada persatuan penduduk dan individu di kawasan Puchong di mana meminta supaya perkhidmatan bas boleh sampai ke taman-taman mereka. Saya tidak tahu sistem ini, walaupun saya juga melalui Majlis Perbandaran ataupun penguasa tempatan untuk mengemukakan masalah ini. Beberapa mesyuarat telah diadakan, tetapi sampai hari ini masih tidak berkesan. Saya terpaksa menyentuh perkara masalah ini semula di Dewan ini.

Seperti di Serdang, saya tinggal di Serdang 50 tahun. Dahulu Syarikat Bas Toong Fong melalui sekitar kawasannya. Selepas Syarikat Toong Fong diambil alih oleh Syarikat JRD, perkhidmatan terputus di kawasan sekitarnya. Ianya hanya melalui jalan besar sahaja, selepas itu kawasan berhampiran tidak ada perkhidmatan bas, termasuklah taman-taman perumahan di sekitar Serdang. Mereka akan mengalami masalah ini, apa sebab? Sepatutnya penggabungan syarikat bas ini akan memberi satu kemudahan yang lebih baik kepada orang ramai. Tetapi sebaliknya tidak. Saya sudah minta pengurusan syarikat tersebut, katanya sebab management masih dalam susunan semula, tetapi sudah berapa tahun.

Dahulu di kawasan Serdang bas melalui jalan sekolah, jalan pasar. Tetapi sekarang hanya jalan pasar sahaja ia melalui. Perkhidmatan terputus, jalan sekolah, jalan pasar pun tidak ada laluan. Jangan ceritalah di kawasan-kawasan perumahan. Di kawasan saya ADUN dari Puchong, ADUN kawasan Sri Kembangan, ADUN kawasan Balakong, ketiga-tiga ADUN untuk memperjuangkan bersama saya tetapi masih tidak ada. Jadi, mintalah kalau boleh pihak Timbalan Menteri berikan satu nasihat kepada syarikat-syarikat bas atau memberi lesen kepada syarikat supaya boleh masuk ke

taman-taman untuk memberi satu perkhidmatan bas yang lebih baik. Dua-tiga kali saya sudah bangkitkan, saya harap tahun depan perkara ini tidak akan saya sebut semula. Yang Berhormat Timbalan Menteri angguk, saya rasa dia setujulah.

Tuan Pengerusi, Butiran 00611 - Program Giat MARA. Saya difahamkan setiap kawasan Parlimen akan diwujudkan Program Giat MARA ini tetapi apa sebabnya kawasan Parlimen Serdang dikecualikan. Pada tahun lalu saya pernah bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan ia menyatakan akan dipertimbangkan tetapi sudah satu tahun masih tidak wujud lagi Giat MARA di kawasan saya. Jangan anggapkan Parlimen Serdang ini hanya untuk - walaupun ramai pengundi daripada masyarakat Cina tetapi terdapat juga 30% kaum bumiputera di kawasan saya dan juga ada sepuluh buah kampung tradisi di kawasan saya. Penduduk-penduduk di kawasan kampung tradisi ini perlu mendapat bantuan daripada MARA, maka kalau Program Giat MARA dapat diwujudkan di Parlimen Serdang ini, saya percaya BN akan menang lagi di kawasan itu.

Jadi, saya mintalah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri itu sebagai rakan seperjuangan dalam Barisan Nasional mungkin dapat dipertimbangkan, jangan dikecualikan kawasan Parlimen Serdang untuk mewujudkan Giat MARA. Dengan adanya program-program Giat MARA ini akan memberi faedah kepada rakyat terutama sekali kepada kampung-kampung tradisi dan dapat satu hubungan yang erat antara satu dengan lain untuk mendapatkan bantuan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ledang.

3.03 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dua perkara di bawah Maksud P.50 - Butiran 00600 - Majlis Amanah Rakyat.

Selaras dengan hasrat kerajaan iaitu untuk melahirkan lebih ramai golongan berkemahiran dan baru-baru ini Kementerian Pendidikan ada mengumumkan bahawa mereka yang kurang cemerlang dalam bidang akademik akan disalurkan ke bidang kemahiran dan juga vokasional. Maka dengan itu dalam konteks ini saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya di Johor selain daripada di Johor Bahru ada sebuah Institut Kemahiran MARA, saya ingin mencadangkan supaya sebuah lagi IKM dibina di utara Johor iaitu kalau boleh di daerah kecil Tangkak kerana di Segamat telah ada ITM tetapi di kawasan itu belum lagi ada apa-apa institut kemahiran. Jadi oleh kerana itu saya rasa cadangan saya ini adalah relevan dan boleh dipertimbangkan.

Yang kedua mengenai Butiran 00615 - Pinjaman/Pembiayaan Secara Islam. Dahulu kita ada melihat senarai peminjam-peminjam daripada MARA ini dipaparkan di dada-dada akhbar, saya tidak tahu sejauh manakah sambutan ataupun respond yang diberikan oleh peminjam-peminjam kita dan saya ingin tahu berapakah jumlah yang masih perlu dipungut oleh pihak MARA, yang masih terhutang kepada peminjam-peminjam. Kalau agak sukar bagi kementerian mengesan, menjejaki dan memungut hutang-hutang ini, saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan sebuah syarikat swasta, urusan memungut hutang-hutang ini diswastakan supaya mereka benar-benar secara serius dapat menjejaki, mengesan dan menguruskan pungutan hutang-hutang ini iaitu berdasarkan kepada basis 70:30, 30% untuk pihak yang memungut iaitu swasta dan 70% untuk pihak kerajaan dan kalaupun kerajaan tidak mendapatkan semua kembali hutang-hutang ini sekurang-kurangnya tidak hilang terus.

Jadi saya harap kalau boleh diswastakan kerana saya lihat pihak kementerian begitu sukar untuk mendapat kembali hutang-hutang ini, sukar mengesan, sukar menjejaki dan saya tidak tahu apakah yang menghalang pihak kerajaan ataupun pihak kementerian untuk mendapat kembali hutang-hutang ini supaya wang ini dapat diteruskan bagi menampung keperluan pelajar-pelajar kita yang dahagakan

pengetahuan dan pendidikan kerana adalah tidak adil bagi mereka yang berhutang ini terus tidak membayar hutang mereka dan menjadikan pihak MARA lebih terhad sumber kewangannya untuk terus membantu pelajar-pelajar kita yang ramai keluar daripada institusi pendidikan kita tetapi terhalang untuk mendapatkan bantuan daripada MARA semata-mata kerana pinjaman ini tidak dibayar oleh mereka yang berhutang ini.

Tuan Pengerusi, jadi saya rasa dengan dua perkara itu, terima kasih dan saya memohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Senai.

3.06 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih,Tuan Pengerusi. Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 00611 - Program Giat MARA di bawah Maksud P.50 - Kementerian Pembangunan Usahawan.

Pusat Giat MARA adalah sebuah pusat yang ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memberi peluang kepada pemuda-pemudi mengikuti kursus kemahiran ditempat mereka iaitu mereka dapat belajar di tempat sendiri dan kemudiannya bekerja ataupun menjalankan perniagaan di kampung sendiri juga. Kursus yang dapat mereka ikuti termasuk pendawaian elektrik, elektronik, welding, bangunan, jahitan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kursus seumpama ini adalah untuk tempoh masa setengah tahun hingga setahun dan ini adalah di peringkat tahap asas. Di kawasan saya di Senai terdapat sebuah Pusat Giat MARA yang terletak di FELDA Bukit Besar, sehingga hari ini seramai 603 orang pemuda telah dapat mengikuti kursus yang saya sebutkan tadi. Kebanyakan mereka apabila keluar daripada pusat ini mendapat kerja ataupun menjalankan perusahaan sendiri. Ada beberapa masalah yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, kepada mereka yang ingin menjalankan perusahaan sendiri masalah untuk mendapatkan bengkel bagi menjalankan perniagaan ini telah menjadi satu masalah yang dihadapi oleh mereka. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak MARA mempunyai rancangan supaya mereka yang keluar daripada pusat latihan ini dan ingin menjalankan perniagaan akan mendapat bantuan daripada kementerian supaya satu tempat dapat disediakan bagi mereka.

Tuan Pengerusi, di negeri Johor sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Serdang iaitu tujuan Kementerian Pembangunan Usahawan memang berhasrat supaya setiap kawasan Parlimen dapat mewujudkan sebuah Pusat Giat MARA. Negeri Johor sehingga hari ini 15 kawasan Parlimen telah disediakan kemudahan ini hanya lima kawasan Parlimen belum disediakan. Antara 15 kawasan Parlimen yang telah disediakan Pusat Giat MARA hanya Parlimen Muar dan Pontian yang ada bangunan sendiri iaitu diadakan di bangunan kepunyaan MARA sendiri, yang lain memang kita sewa daripada pihak yang lain. Jadi di kawasan Senai, pusat yang terletak di sebuah bangunan di FELDA Bukit Besar yang disewa daripada Rancangan FELDA untuk selama sepuluh tahun dan dimaklumkan bakinya hanya tinggal empat tahun lagi. Jadi saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian Yang Berhormat berhasrat untuk mengadakan atau mendirikan bangunan sendiri untuk kegunaan Pusat Giat MARA ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana setakat ini kursus-kursus yang diadakan di Pusat Giat MARA ini sebagai tahap asas iaitu setengah tahun hingga setahun. Adakah kementerian Yang Berhormat ingin mengadakan institut di semua peringkat negeri, satu negeri satu pusat supaya mereka yang keluar daripada Pusat Giat MARA ini dapat melanjutkan kursus tahap pertengahan atau tahap yang lebih tinggi ataupun Pusat Latihan Pembangunan Kemahiran di bawah kementerian Yang Berhormat akan

menyediakan kursus-kursus yang lebih tinggi supaya mereka yang keluar daripada Pusat Giat MARA dapat mengikuti.

Tuan Pengerusi, di kawasan Senai, Pusat Giat MARA yang terletak di kawasan Senai ini pada satu ketika juga menganjurkan kursus di sebelah malam untuk mereka yang bekerja dapat menggunakan masa mereka di sebelah malam mengikuti kursus. Saya dimaklumkan pada tahun 1996, apabila kursus seumpama ini diadakan di sebelah malam, memang mendapat sambutan yang begitu baik dan saya juga difahamkan apabila kursus seumpama ini diadakan, Pusat Giat MARA perlu membelanjakan lebih kurang RM40 ribu bagi sesuatu kursus untuk seramai 20 orang peserta iaitu elaun bagi tenaga pengajar, elaun bagi pelatih dan juga bahan-bahan yang berkenaan. Setiap kursus memerlukan peruntukan lebih kurang RM40 ribu. Jadi, oleh kerana kursus seumpama ini hanya dianjurkan bagi tahun 1996 dan selepas itu tidak ada kursus ini, jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kursus yang boleh dianjurkan di sebelah malam yang telah mendapat sambutan yang baik dapat diteruskan supaya mereka yang berumur antara 16 hingga 40 tahun, sungguhpun telah mendapat kerja yang lain dapat mengikuti. Jadi, ini saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan.

Tuan Pengerusi, Pusat Giat MARA ini memang satu pusat yang perlu digalakkan dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana adanya satu pusat di kawasan saya, sudah dapat melatih pemuda-pemudi tempatan dan selepas itu dapat menjalankan perniagaan mereka di tempat sendiri dan saya harap dari masa ke semasa kementerian dapat mempertingkatkan kemudahan ini demi kepentingan pemuda-pemudi di kawasan luar bandar.

Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Mersing. Selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

3.12 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud P.50, Butiran Projek 00602 berkaitan dengan MRSM.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak kementerian, khususnya kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang telah bersetuju menempatkan sebuah MRSM di Mersing, malah upacara pecah tanah telah pun dilaksanakan pada 5 November yang lalu. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, inilah julung-julung kalinya Mersing memperolehi sekolah yang sedemikian. Jadi, itulah saya ingin menyampaikan pandangan dan apa yang diberitahu oleh penduduk Mersing berkenaan dengan perkara ini, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Walau bagaimanapun saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan kos keseluruhan kompleks ini adalah sebanyak RM40 juta dan daripada RM40 juta ini, berapa banyakkah yang diperuntukkan untuk bangunan dan juga berapa banyak untuk bahagian-bahagian lain yang berkaitan.

Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan di MRSM Mersing ini satu konsep baru akan diperkenalkan di mana selain daripada kompleks pendidikan, pihak MARA juga akan menyediakan beberapa unit kedai dalam kawasan MRSM itu sendiri dan daripada keseluruhan kawasan keluasan kompleks ini sebanyak 50 ekar, saya difahamkan 5 ekar akan diperuntukkan dengan dengan kedai-kedai ini. Jadi, ini satu konsep yang baik di mana memberi peluang kepada bukan sahaja kepada orang-orang Mersing yang tinggal berhampiran dengan MRSM ini tetapi anak-anak kita yang belajar di situ juga tidak perlu hendak ke bandar untuk membeli barang-barang keperluan mereka.

Saya juga pernah menyarankan pada satu ketika dahulu, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Senai mengenai Giat MARA sebentar tadi, saya berharap pihak MARA, MRSM ini kalau sudah siap besok, katanya pembinaan akan mengambil masa dua tahun, kalau sudah siap bangunan ini, ia hendaklah dimanfaatkan

sepenuhnya bukanlah sahaja untuk anak-anak kita yang belajar sepenuh masa di siang hari, tetapi juga kalau boleh untuk kursus-kursus tertentu, khususnya kursus yang berkaitan dengan perdagangan, akaun, kesetiausahaan hendaklah diadakan di sebelah malam.

Saya minta ini kerana Mersing bukanlah satu bandar yang besar, bandar kecil dan agak berjauhan dengan pusat bandar seperti Johor Bahru, Kluang dan sebagainya. Jadi, kemudahan-kemudahan pendidikan tidaklah begitu mencukupi. Saya berharap pihak MARA akan melihat perkara ini dan kalau mahu beri peruntukan mungkin selepas masalah ekonomi kita selesai nanti, adakan kursus-kursus menggunakan kemudahan kepakaran yang ada pada tenaga pengajar ini di sekolah berkenaan.

Satu lagi berkenaan Butiran 00614 – mengenai bazar MARA ini. Saya juga sudah bangkitkan perkara ini dalam perbahasan yang lepas tetapi saya ingin mengulang balik perkara ini. Bazar MARA ini di Mersing, kita ada tiga baris bangunan untuk bazar MARA bagi membolehkan kaum bumiputera berniaga dan malah masa lawatan Menteri sendiri saya bawa Menteri meninjau bazar MARA di Mersing ini.

Pihak Menteri sendiri bersetuju dengan pandangan kita bahawa sebuah kompleks peniagaan baru patutlah dibangunkan di tapak yang sama di Baza MARA ini. Sebab Baza MARA ini telah dirasmikan oleh kalau tidak silap saya pada zaman Tun Ghaffar menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar dahulu, sudah lama sangat. Dan saya juga difahamkan bahawa banyak tempat lain di negeri Johor, Baza MARA ini telah pun berubah ada arked MARA dan sebagainya yang dua tingkat. Ura-ura untuk membina semula bangunan ini telah lama dibuat tetapi hingga sekarang ini belum pun dilaksanakan. Jadi saya ingin bertanya pihak kementerian khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ini, bilakah hendak bangun kompleks arked MARA ini. Ini saya tanya kerana orang Mersing yang berniaga sendiri minta saya bertanya sebab apabila pihak kementerian kemukakan rancangan untuk mengeluarkan mereka yang sudah berniaga di situ lebih sepuluh tahun, mereka sudah bimbang. Jadi kalaulah ada bangunan yang lebih baik seperti arked MARA, jadi mungkin perkara-perkara ini tidak timbul kerana dengan adanya bangunan sedemikian lebih banyak peluang untuk berniaga diberikan kepada usahawan.

Tuan Pengerusi yang ketiga, Butiran 00611 berkenaan dengan Giat MARA. Seperti mana Senai, Giat MARA di Mersing pun menyewa tanah, kalau di Senai, di dalam kawasan FELDA, boleh tahan juga tetapi di Mersing dalam kawasan bandar, dalam kawasan Majlis Daerah yang dikelilingi oleh perumahan dan kawasan itu saya kira tidak sesuai. Jadi saya cadangkan pihak MARA supaya mencari tapak yang kekal untuk Giat MARA ini supaya tidak payah kita hendak sewa lagi pada masa akan datang.

Jadi saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tambun hendak berucap ke?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Angguk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Okey, baiklah selepas Yang Berhormat berucap, Timbalan Menteri diminta menjawab.

3.23 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja di bawah Majlis Amanah Rakyat. Saya ingin menyentuh isu penajaan pelajar-pelajar ke luar negara. Saya memang bersetuju oleh kerana kegawatan ekonomi dan sumber kerajaan terhad maka kita kurangkan penajaan pelajar ke luar negara tetapi saya berharap kepada MARA agar pengurangan pelajar-pelajar ini tidak sampai kita tidak menghantar pelajar ataupun bilangan pelajar yang dihantar ke luar negara amat kecil. Ini adalah kerana kita tahu dari segi pendidikan, terutama bidang-bidang teknologi walaupun di negara kita ada peluang-peluang

pendidikan di institusi-institusi tempatan tetapi ada bidang-bidang tertentu standardnya tidak sama dengan yang ada di negara-negara luar. Dalam erti kata lain usaha untuk menghantar pelajar ke universiti-universiti yang terkemuka di negara luar pada pendapat saya harus diteruskan.

Kalau kita membuat kajian ke atas negara-negara membangun pada masa lalu yang sekarang telah menjadi negara-negara yang sudah hampir sama kedudukannya dengan negara-negara maju, salah satu cara mereka membangunkan sumber manusia ialah dengan menghantar pelajar-pelajar mereka ke luar negara. Berpuluh-puluh ribu orang dihantar baik dari Jepun, Taiwan dan China pun sekarang menghantar pelajar-pelajar ke luar negara. Banyak negara yang saya kaji menghantar pelajar ke luar dan cara itu adalah salah satu jalan bagi negara-negara membangun melakukan perpindahan teknologi. Negara-negara Jepun dan Taiwan, biasanya selepas pelajar-pelajar mereka tamat pengajian, kerajaan negara-negara tersebut membenarkan pula pelajar-pelajar tersebut bekerja di syarikat-syarikat besar untuk mereka memperolehi kemahiran daripada syarikat-syarikat tersebut. Saya berharap walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi tetapi bilangan pelajar yang dihantar ke luar negara harus diteruskan termasuk bidang-bidang falsafah, falsafah sains, falsafah ekonomi dan sebagai kerana ahli-ahli falsafah ini perlu untuk memikirkan hala tuju negara kita pada masa akan datang.

Perkara kedua, tentang pembangunan keusahawanan. Saya dapati ada banyak program yang dijalankan. Saya ingin menyentuh dari segi pelaksanaan program-program tersebut. Kita perlu akui bahawa dalam kajian kita terutama apabila kita menghadapi kegawatan ekonomi ada terdapat kelemahan-kelemahan pada usahawan-usahawan yang membuatkan usahawan tidak begitu dapat dibangunkan.

Saya lihat, Tuan Pengerusi, dalam proses kita membangunkan usahawan bumiputera, saya berpendapat masanya sesuai sekarang untuk kita mengkaji secara menyeluruh, apa sebenarnya yang membuatkan bumiputera tidak boleh maju dalam perniagaan. Kita tahu faktor-faktor perniagaan berkaitan faktor modal, teknologi, pemasaran, pengurusan dan inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh bumiputera terutama dua bidang yang paling utama iaitu kemahiran dalam bidang teknologi dan bidang pemasaran. Kerana kalau kita lihat, komuniti lain dari segi pemasaran ia ada networking untuk memasarkan produk-produk mereka.

Saya juga dapati dalam negara kita cukup banyak agensi yang menumpu kepada masalah membangunkan usahawan bumiputera. Kita dapati bukan sahaja pertindihan tetapi di antara agensi satu, dua, tiga, empat dan lima terdapat perbezaan dari segi kualiti perkhidmatan yang diberikan dalam proses pembangunan usahawan. Oleh yang demikian, saya berpendapat elok kementerian memainkan peranan untuk menyelaras semua agensi-agensi tersebut termasuk di peringkat negeri, dimana di sini ada peruntukan untuk Perbadanan Kemajuan Negeri. Dalam soalan-soalan yang lalu, bila saya bangkitkan soal Perbadanan Kemajuan Negeri, jawapan dari kementerian, kita tidak ada kuasa kerana ini di peringkat negeri. Tetapi saya lihat dari segi kebaikan kaum bumiputera dalam bidang keusahawanan, mesti ada satu badan yang mempunyai kuasa kepada semua pihak termasuk Perbadanan Negeri.

Saya membangkitkan perkara ini kerana kalau kementerian mencadangkan ataupun menjalankan satu program, di peringkat Perbadanan Kemajuan Negeri pula tidak menjalankan program secara selaras akhirnya bukan sahaja berlaku masalah pertindihan, malah seperti mana saya katakan akan lahir banyak usahawan tetapi tidak berkualiti kerana cara dan sistem masing-masing tidak sama. Jika kita gabungkan berasaskan pengalaman, katalah MARA mempunyai pengalaman yang begitu luas, berdasarkan pengalaman yang ada pada MARA boleh digunakan cara yang maksimum oleh semua pihak.

Di bank juga ada bahagian usahawan. Bank Pembangunan juga terlibat dalam aktiviti tersebu. Saya berharap pihak kementerian dapat mencantumkan keseluruhan aktiviti tersebut. Saya percaya dengan cara itu baru kita mampu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Saya berpendapat untuk melahirkan seorang usahawan

bukan satu proses yang mudah. Contohnya, kementerian bercakap hendak melahirkan kelas menengah, tetapi sekarang kita tidak dengar apa-apa cerita mengenai kelas menengah sehingga sekarang ini. Ini bermakna sebagai badan yang menjana usaha untuk membangunkan usahawan mesti memiliki pengetahuan dan kemahiran yang tertinggi, baru akan berjaya untuk melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya.

Di samping itu juga dalam program keusahawanan saya ada bangkitkan beberapa kali tentang peranan khidmat nasihat kepada usahawan. Saya dapati bidang keusahawanan di kalangan bumiputera, kita tidak ada satu badan untuk memberi khidmat nasihat. Pada hal peniaga atau usahawan-usahawan bumiputera adalah golongan baru dalam sektor perniagaan ataupun perindustrian tetapi tidak ada saluran untuk mereka mendapat khidmat nasihat. Kalau syarikat-syarikat besar terutama dalam BSKL dia ada konsultan-konsultan dan badan-badan khidmat nasihat termasuk bank komersial, Merchant Bank ataupun dan firma audit memberi khidmat tersebut.

Cuba kita bayangkan syarikat-syarikat besar yang gergasi pun memerlukan khidmat nasihat, bagaimana pula dengan syarikat-syarikat bumiputera yang sedang berada pada peringkat awal perniagaan, tentu lebih memerlukan khidmat nasihat baru mampu untuk pergi lebih jauh daripada itu.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya cakapkan dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Pengangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada tiga orang Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Belanjawan 1999.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah buah keputusan tadi. Yang Berhormat lewat masuk.

Dato' Idris bin Jusoh: Itu keputusan Tuan Pengerusi bukan keputusan saya, tanyalah Tuan Pengerusi. Kepong duduklah, senang sahaja, cakap banyak.

Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini, Yang Berhormat dari Serdang, Ledang, Senai, Mersing dan juga Tambun. Untuk menjawab cadangan yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Serdang tadi tentang perkhidmatan bas di Puchong. Sebenarnya kawasan itu diberi perkhidmatan oleh Park May Berhad setelah membuat kajian dan kita dapati sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi masih ada beberapa lagi masalah dalam perkhidmatan mereka kepada kawasan-kawasan perumahan baru yang kita anggap serius sebab itulah dari masa ke semasa kita panggil mereka untuk berbincang.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi assurance, dengan izin, kepada Yang Berhormat, saya akan melihat perkara ini dengan lebih serius lagi sebab itulah baru-baru ini kementerian mengadakan satu lagi kajian yang telah dilaksanakan oleh'Midtrans' untuk mengkaji semula perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ada di kawasan Lembah Klang ini, kajian telah pun siap dan satu nota Kabinet akan disiapkan yang akan dihantar kepada Kabinet untuk keputusan selanjutnya. Insya-Allah kalau cadangan-cadangan baru itu mendapat sambutan yang baik oleh Kabinet saya rasakan kawasan Yang Berhormat juga tidak akan bermasalah lagi.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat bukan kita tidak lihat surat-surat Yang Berhormat dan saya sudah berapa kali berbincang dengan Yang Berhormat dalam Dewan ini juga di luar Dewan semasa minum kopi dan sebagainya tetapi oleh kerana ada beberapa masalah yang harus diselesaikan, kita harap pada tahun hadapan perkhidmatan itu akan dapat diperbaiki dan mana-mana kawasan perumahan yang

belum diberi perkhidmatan akan kita susunkan, sebab itulah kita tidak suka mengatakan apabila berlakunya pengambilalihan oleh Intrakota Consolidated Berhad dan juga oleh Park May Berhad, Yang Berhormat mengatakan bahawa perkhidmatan itu jadi bertambah kurang baik dan kementerian dari masa ke semasa memastikan yang perkhidmatan kepada penumpang-penumpang bas akan dapat kita pertingkatkan.

Yang Berhormat dari Serdang juga mengatakan tentang Giat MARA. Memang menjadi hasrat ....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, izinkan saya minta penjelasan lebih lanjut lagi. Saya ucap terima kasihlah apa yang dijanji oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap perkhidmatan bas di Puchong dan Serdang tetapi satu lagi apa sebab pihak kementerian telah keluarkan lesen kepada Park May di Stesen Komuter Serdang. Sudah tiga tahun di mana satu perjanjian antara Park May dengan pihak KTM supaya lingkungan 5 kilometer kawasannya akan diberi perkhidmatan menghantar penumpang-penumpang ke stesen tetapi Tuan Pengerusi, sudah tiga tahun, walaupun lesen dikeluarkan tetapi perkhidmatan bas Park May masih belum dilaksanakan, saya minta supaya cepat dipertimbangkan.

Dato' Idris bin Jusoh: Sebab itulah saya katakan kepada Yang Berhormat dari Serdang tadi, bahawa kita perlu membuat kajian semula dan itu pun telah selesai dilaksanakan dan kita akan mengemukakan satu nota Kabinet untuk mendapat kelulusan supaya kita boleh mengubahsuai kawasan-kawasan perkhidmatan sebagaimana yang patut kerana ini memakan masa, tidak boleh ditukar kerana mereka pun baru berkhidmat.

Berbalik kepada Giat MARA tadi, memang menjadi hasrat kementerian untuk memastikan setiap daerah ataupun setiap kawasan Parlimen mempunyai Giat MARA, bukan kementerian tidak mahu buat Yang Berhormat, tetapi kementerian pun buat mengikut apa yang kita peruntukkan. Jadi, nampaknya dalam RMK-7 ini peruntukan untuk Serdang masih tidak ada lagi dan insya-Allah oleh kerana Yang Berhormat tadi mengatakan yang Yang Berhormat juga perlu, kita akan melihat, MARA akan mempertimbangkan supaya kawasan Yang Berhormat juga akan mempunyai Pusat Giat MARA.

Yang Berhormat dari Ledang juga membangkitkan beberapa perkara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tambun bangun.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi tentang Giat MARA, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapati Giat MARA memang satu institusi yang baik terutama untuk mereka yang tidak berjaya dalam bidang pendidikan. Saya hendak bertanya, tidakkah selain daripada kita memperbanyakkan Giat MARA, kita tubuh institusi yang lebih advance bagi mereka yang sudah tamat belajar di Giat MARA, daripada dapat sijil, kepada diploma. Melalui proses itu kita berharap dapat memperbanyakkan mereka dalam bidang teknikal yang sedang kurang dalam negara kita.

Dato' Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat dari Tambun. Sememangnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu sedang dilaksanakan oleh MARA. Setelah mereka lulus daripada Pusat Giat mereka diberi peluang yang mana layak untuk mengikuti Institut Kemahiran MARA (IKM) yang dikatakan kita tubuhkan satu setiap negeri tadi.

Yang Berhormat dari Ledang juga berkata tentang .....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Mersing bangun.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Infotech MARA. Tidak lama dulu, kita diberitahu ataupun disiarkan dalam akhbar, ada beberapa kursus yang

ditawarkan oleh Infotech MARA macam tidak diiktiraf dan keluaran dari Infotech MARA ini tidak dapat melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi sebagaimana yang dijanjikan pada peringkat awalnya. Jadi saya hendak tahu bagaimana kedudukan masalah itu pada masa ini.

Dato' Idris bin Jusoh: Memang sebagaimana yang kita tahu bukan semua pelajar, walaupun kelulusan pelajar-pelajar Infotech MARA itu adalah kelulusannya diiktiraf tetapi bukan semua pelajar yang lulusan Infotech itu boleh diserapkan masuk ke IPTA atau IPTS. Ini biasanya menjadi salah anggap di mana semua lulusan katakan lulusan diploma akan dapat diserapkan untuk belajar ke peringkat ijazah. Jadi itulah salah faham yang wujud baru-baru ini bukan mengatakan yang sijil Infotech itu tidak bernilai ataupun tidak diiktiraf. Jangan salah faham, ramai yang mengatakan sijil Infotech itu tidak diiktiraf, sebenarnya ia diiktiraf, walau bagaimanapun pihak MARA sedang berusaha dengan beberapa universiti untuk memastikan agar mereka yang mempunyai sijil Infotech akan dapat diserapkan terus ke IPTA yang berkenaan. Itu sedang diselaraskan.

Berhubung dengan pinjaman di mana Yang Berhormat Ledang mengatakan supaya kutipan pinjaman itu diswastakan, sebenarnya sejak kita mengiklankan nama-nama mereka yang meminjam tetapi tidak mahu bayar kepada MARA ini, kita dapat mengesan 70% daripada mereka yang selama ini tidak dapat dikesan dan ini akan diteruskan, mungkin dalam kegawatan ini kita perlahankan sedikit kerana ramai orang yang merana masa kini tetapi tidak mengatakan tidak boleh diiklankan dan proses ini akan terus berjalan di mana pada masa-masa tertentu di mana perlu kita akan terus mengiklankan agar kita dapat mengutip lebih banyak lagi bagi pembayaran balik oleh mereka yang meminjam. Dan saya dapati Yang Berhormat di Dewan tidak ada yang begitu. Nampaknya Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan ini bagus-bagus belaka.

Kerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri juga sedang dilaksanakan agar pengutipan boleh dibuat melalui penolakan cukai pendapatan mereka.

Yang Berhormat dari Senai juga menimbulkan....

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, minta penjelasan, kita ucap tahniah di atas langkah yang dibuat oleh pihak MARA, membuat kutipan semula tentang pinjaman yang telah diluluskan terdahulu kepada pelajar-pelajar, peniaga dan sebagainya. Saya ingin hendak bertanya, setakat hari ini apakah 70% yang dikesan itu membayar semua ataupun minta tangguh lagi dan berapakah jumlah kutipan sehingga sekarang ini dan jumlah peminjam keseluruhannya yang membayar dan baki yang belum dijelaskan. Mungkin Timbalan Menteri telah sedia dengan figure tersebut. Terima kasih.

Dato' Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya saya katakan tadi 70% dapat dikesan, apabila kita mengatakan 70% dapat dikesan bukan semuanya membayar dengan serta-merta. Memang mereka memerlukan masa untuk membayar pinjaman-pinjaman tersebut yang mana sehingga kini kita tidak lagi mendengar yang mereka itu perlu menjadualkan semula pembayaran mereka mungkin kerana ianya sudah lama tertangguh. Kita harap dengan program ini kita akan dapat mempertingkatkan lagi kutipan terhadap pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan oleh MARA. Semasa saya di Kelantan baru-baru ini, kita dapati kutipan pinjaman adalah amat baik sekali daripada RM5 juta yang kita anggarkan dapat dikutip pada tahun ini, kita telah mengutip RM4.8 juta sehingga bulan Oktober 1998. Ini menunjukkan kutipan pinjaman MARA telah bertambah baik dan kita harap walaupun dalam kegawatan ini ianya akan terus bertambah baik masa kini dan juga di masa-masa yang akan datang.

Ada beberapa Yang Berhormat yang mengemukakan tentang.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ledang, bangun.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tadi ada mencadangkan supaya sebuah IKM dibina di utara Johor. Harap dapatlah penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Idris bin Jusoh: Sebagaimana yang telah saya katakan sebelum tadi, sehingga kini kita hanya ada peruntukan sebuah IKM untuk satu negeri. Walau bagaimanapun oleh kerana negeri Johor ini besar mungkin, daripada atas, bawah, utara dan selatan mungkin pihak MARA akan mempertimbangkanlah perkara ini tetapi kita haraplah ianya tidak akan menimbulkan kecemburuan kepada negeri-negeri lain.

Ada beberapa Yang Berhormat mengungkitkan tentang Giat MARA di mana memang menjadi konsep Giat MARA ini, MARA hanya tidak membuat bangunan-bangunannya sendiri, lainlah jika tidak ada tempat-tempat yang mana boleh Giat MARA menumpang ataupun menyewa kerana jika Giat MARA perlu membina bangunan-bangunan mereka sendiri ia akan terpaksa membelanjakan satu kos yang tinggi. Sebab itulah jika banyak tempat di beberapa negeri di mana kerajaan negeri memberi bangunannya atau kerajaan negeri mendiri bangunannya, MARA hanya datang membawa guru-gurunya, membawa peralatannya dan peruntukan-peruntukan di mana Giat MARA itu dapat dilaksanakan. Itulah konsep yang sedang dilaksanakan. Kita tidak menyatakan bahawa ada tempat-tempat di mana Giat MARA mendirikan bangunannya sendiri tetapi konsep yang saya katakan tadi memang banyak diamalkan di banyak tempat di mana Giat MARA menumpang atau menyewa ataupun dibinakan dilaksanakan di mana bangunannya disediakan oleh pihak kerajaan negeri itu sendiri.

Yang Berhormat Senai dari juga menyatakan tentang kursus sebelah malam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Tumpat, bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Saya ingin bertanya dan minta penjelasan, semenjak Giat MARA ditubuhkan berapa jumlah pelajar-pelajar yang telah lulus daripada Giat MARA dan daripada jumlah yang diluluskan itu sekarang ini berapa peratuskah yang mencebur diri dalam perniagaan atau berdikari dan dalam jumlah yang berdikari itu berapa banyakkah bantuan-bantuan yang telah dihulurkan oleh pihak MARA bagi mereka melaksanakan pekerjaan masing-masing sesuai dengan kelulusan mereka. Sebab saya difahamkan ramai mereka yang lulus daripada Giat MARA ini tidak dapat menceburkan diri sesuai dengan kelulusan mereka sebab alasan mereka tidak ada modal. Mereka telah buat permohonan dengan pihak MARA, sebahagiannya dapat dan ada sebahagian yang lain tidak dapat. Terima kasih.

Dato' Idris bin Jusoh: Sejak ditubuhkan dalam tahun 1986 sehingga tahun lalu, Giat MARA telah melatih seramai 50,455 orang pelajar dalam 25 bidang kursus kemahiran. Memanglah apabila dikatakan berapa ramai di antara mereka itu telah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, memang kursus-kursus Giat MARA itu bukan untuk menjadikan mereka usahawan, ia hanya membekalkan kemahiran kepada mereka. Mengikut apa yang telah kita dapati hanya lebih kurang 5% sahaja yang menjadi usahawan tetapi untuk meramaikan lagi peserta-peserta Giat MARA ini menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, MARA juga telah melahirkan satu program yang dinamakan Program Putik yang mana mereka itu latihan keusahawanan secara lebih spesifik selepas mereka tamat kursus.

Kebelakangan ini sejak tahun lalu Giat MARA juga telah memberi kursus keusahawanan walaupun tidak banyak ada satu, dua dan tiga kursus yang diberi kepada peserta-peserta supaya mereka memahami asas keusahawanan tetapi dalam Program Putik ini mereka dilatih dengan lebih spesifik lagi dalam bidang keusahawanan dan juga mereka juga diberi pinjaman ataupun bantuan kewangan oleh MARA agar mereka boleh menubuhkan bengkel-bengkel mereka sendiri

Yang Berhormat dari Mersing juga telah bertanya tentang kompleks baru Bazar MARA, oleh kerana ia telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri dahulu tetapi pembinaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan oleh kerana

baru-baru ini juga MARA telah menarik kembali larangan ataupun jangka masa 10 tahun sebagai jangka masa maksimum, setiap penghuni harus mendiami premis MARA dan saya rasa beban yang dialami oleh peniaga-peniaga MARA itu tidaklah seberapa sangat.

Saya suka mengulas apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tambun tadi tentang penajaan pelajar ke luar negara. Kita memang sependapat dengan Yang Berhormat dari Tambun bahawa kita masih perlu menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara agar mereka mendapat pendidikan yang terbaik di mana-mana sahaja di pelosok dunia ini, kerana kita juga memahami bahawa rakyat merupakan aset yang terpenting bagi sesebuah negara.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan cabaran ekonomi ini jumlah yang boleh ditaja oleh kerajaan itu memang berkurangan dan MARA telah membuat ketetapan bahawa pada tahun hadapan kita hanya akan menghantar 200 orang pelajar sahaja ke luar negara. Mereka ini akan dihantar dalam semua bidang terutama tekanan diberi kepada bidang-bidang yang tidak ada di negara kita dan bidang-bidang yang perlu seperti dalam bidang IT, engineering dan sebagainya, yang mana bidang-bidang ini tidak wujud ataupun sukar untuk mereka lakukan di negara kita dan hanya akan dihantar ke universiti-universiti terkemuka sama ada di United Kingdom, Amerika ataupun Australia.

Kita harap akan wujudnya transfer of technology sebagaimana kita katakan tadi dan mereka akan diberi peluang yang lebih terbuka, tidak rigid sangat macam sekarang ini kerana hanya dengan 200 orang pelajar mungkin kita boleh monitor mereka dengan lebih baik lagi. Jika ekonomi negara bertambah baik, mungkin kita akan cuba menghantar lebih ramai pelajar di masa-masa yang akan datang. Tentang .....

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tambun bangun.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya melihat penghantaran pelajar ke luar negara ini satu perkara yang cukup penting. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan seramai 200 orang akan dihantar. Saya difahamkan pada masa lalu bilangannya cukup ramai tetapi saya tidak ingat figurenya, kalau tidak silap 4,000-5,000 orang setahun. Jadi, sekarang saya dapati dari segi pelajar tempatan, kita ada tabung-tabung lain termasuk Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk membiayai di peringkat dalam negeri. Apabila daripada 4,000 atau 5,000 pelajar kepada 200 pelajar, ia satu penurunan yang begitu jauh, tidakkah boleh kementerian fikirkan untuk menghantar lebih daripada 200 pelajar supaya tidak nampak satu perubahan yang besar kerana merugikan kita. Sepatutnya orang-orang yang mempunyai "first class brain" kita hantar ke universiti yang terbaik walaupun dalam bidang ekonomi pun kita ada, tetapi ada pelajaran-pelajaran yang kita tidak dapat perolehi di sini, ia hanya terdapat di negara-negara luar.

Dato' Idris bin Jusoh: Saya pun dalam hal ini juga bersependapat dengan Yang Berhormat tetapi oleh kerana keadaan ekonomi masa kini dan juga kita lihat di negara kita pun sudah tidak kurang perkembangan-perkembangan universitinya dan sebagai centre of educational excellence, dengan izin, Tuan Pengerusi, bahawa kita lihat kualiti pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita pun, saya ingat kebanyakannya adalah lebih baik daripada banyak universiti-universiti biasa yang ada di Amerika dan juga di United Kingdom. Terutama kalau kita lihat di Universiti Multimedia yang akan kita bangunkan, kita lihat Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional dan kalau kita lihat sendiri fasiliti-fasiliti dan kemudahan-kemudahan di universiti tersebut memang ianya boleh dianggap sebagai universiti-universiti yang mempunyai kemudahan yang terbaik di dunia.

Walau bagaimanapun, saya katakan tadi memang ada kelebihan universiti-universiti lain ataupun IPT-IPT lain luar negara sebab itulah insya-Allah apabila

ekonomi menjadi bertambah baik, kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan agar lebih ramai dapat dihantar ke luar negara.

Yang Berhormat dari Tambun juga mengatakan tentang isu pelaksanaan pembangunan usahawan. Memang kami mengakui di kementerian bahawa untuk membangunkan usahawan itu bukannya satu perkara yang senang, bukan hanya sekadar kita memberi motivasi kepada usahawan-usahawan, kita juga harus memberi kemahiran kepada mereka. Kemahiran tanpa peluang juga mereka tidak akan dapat ke mana-mana sebab itulah peluang juga harus dilaksanakan di samping kemudahan-kemudahan yang lain, kemudahan lokasinya, premis perniagaannya, pembiayaannya dan juga kemudahan-kemudahan bimbingan yang lain yang harus diadakan dari masa ke semasa. Ia merupakan satu tanggungjawab dan tugasan yang berat kepada kementerian.

Walau bagaimanapun, kita nampak dalam kita melaksanakan perkara ini walaupun jumlah itu tidak terserlah begitu cepat kerana untuk membangunkan usahawan, untuk melihat kejayaan seorang usahawan itu ianya tidak boleh dinilai dalam masa hanya tiga tahun sahaja. Mengikut prestasi yang selesa yang digunakan oleh bank, jaya atau tidak jaya seseorang usahawan itu ialah apabila mereka mampu untuk bertahan, untuk berniaga selama sekurang-kurangnya lima tahun. Itu prestasi bank.

Prestasi yang lain pula ialah apabila mereka dapat mengatasi satu cycle keadaan ekonomi. Kila lihat kemelesetan ekonomi ini berlaku lebih kurang sepuluh tahun sekali, jika mereka dapat mengatasi masalah kemelesetan ataupun kegawatan ekonomi yang berlaku sepuluh tahun sekali, barulah terbukti mereka itu merupakan seorang usahawan yang berjaya kerana jika usahawan itu tidak pandai untuk mempelbagaikan usaha-usaha mereka, suka sangat meminjam wang daripada bank dan sebagainya, mereka mungkin tidak boleh diiktirafkan sebagai seorang usahawan yang berjaya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepong bangun.

Dato' Idris bin Jusoh: Sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak ucap tetapi malangnya tidak ada masa. Cuma saya hendak penjelasan. Dalam satu kes perusahaan di antara Kerajaan Negeri Perak dan pengusaha-pengusaha tempatan serta pengusaha daripada Eropah misalnya University of Sheffield. Mereka bersama-sama tubuhkan Suci Teguh Holdings untuk mengadakan ASEAN Sheffield Medical College. Ini dibuat secara francais dan tiba-tiba selepas tiga tahun usaha ini sudah gagal. Pada mulanya mereka mengambil pelajar-pelajar yang hendak menjadi doktor dan lebih 100 pelajar sekarang berada di University of Sheffield kerana mereka ada pre-clinical dua tahun kemudian balik ke Hospital Besar Ipoh jadikan satu latihan tiga tahun dan itulah disebutkan sebagai ASEAN Sheffield Medical College. Tetapi malangnya kerana masalah francais yang sentiasa ditekankan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menjayakan francais tetapi kerana terma-terma francais ini tidak ngamlah atau tidak secocok di antara pengusaha kita dengan pengusaha di University of Sheffield maka sudah gagal, tinggalkan lebih 100 pelajar Malaysia yang terkandas di England. Apakah yang kementerian boleh buat untuk menyelesaikan masalah ini? Adakah kementerian terima aduan mengenai masalah francais mengenai ASEAN Sheffield Medical College dan Suci Teguh Holdings?

Dato' Idris bin Jusoh: Yang Berhormat dari Kepong, kementerian tidak boleh buat apa-apa kerana sebagaimana saya telah katakan kepada Yang Berhormat dari Tambun dahulu semasa saya menggulung membentang Akta Francais, bahawa francais IPT tidak termasuk di bawah bidang kuasa kementerian. Saya ingat saya telah jelaskan kepada Yang Berhormat semasa saya menggulung Akta Francais di Dewan yang mulia ini sebulan yang lalu. Yang Berhormat sudah lupa.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Beliakkan mata]*

Dato' Idris bin Jusoh: Jangan beliak mata macam itulah. Kalau tidak ingat tidak apalah. Tidak ada di bawah jurisdiksi kementerian. Tidak apalah, saya sudah beri peluang untuk Yang Berhormat bercakap, Yang Berhormat tidak boleh bercakap tentang hal ini, mungkin Yang Berhormat boleh tujukan persoalan itu kepada Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat dari Tambun juga mengatakan tentang cara membimbing usahawan. Walaupun membimbing usahawan itu sukar tetapi kementerian telah menyediakan Pusat Bimbingan Usahawan Negara (PBUN) yang memberi kemudahan bimbingan dan nasihat kepada usahawan dan juga bakal usahawan. Di pusat ini kita menyediakan Pusat Sumber Maklumat Perniagaan, sebuah Cyber Cafe yang mana usahawan juga patut mengetahui IT, dewan seminar yang boleh digunakan oleh usahawan-usahawan, pusat khidmat usahawan kecil dan juga pusat jualan produk usahawan dan bilangan pelawat pada tahun ini telah menjangkau kepada 611 orang. Kita juga membuka Pusat Bimbingan Usahawan di beberapa buah negeri yang sekarang ini ada di Pahang, Kelantan dan juga di Johor. Itu di peringkat negeri dan juga daerah.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam ..

Datuk Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Senai bangun.

Datuk Lim Si Cheng: Terima kasih, tadi saya ada bangkitkan cadangan untuk mengadakan kelas di sebelah malam. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan sila beri pandangan, jadi saya minta penjelasan sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan adanya kelas di sebelah malam.

Dato' Idris bin Jusoh: Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa kelas itu akan dimulakan semula jika ada permintaan dan memang pada tahun hadapan, memang sudah ada peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan mungkin Yang Berhormat boleh memberi maklumat yang seterusnya kepada saya ataupun kepada MARA agar kelas itu dapat kita teruskan. Jika permintaannya dan jika pelajar-pelajarnya masih ada. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa perbelanjaan kita pada tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM927,453,400 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM927,453,400 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM458,954,520 untuk Maksud P.50 disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM458,954,520 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

Maksud B.51 [Jadual] -
Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan, 1999] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.51 dan Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

4.04 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, terutama sekali saya merayu supaya waktu perbahasan ini diberi lebih sedikit kalau tidak Kementerian Kewangan akan bermasalah untuk menjawab pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Bekalan B.51, Program 020100 - Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi, Program 020300 - Penerangan Luar Negeri dan sekaligus dengan Program 030300 - Perhubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan dengan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Luar Negeri mengenai penerangan luar negeri terhadap perkara yang berlaku di dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, paling khusus adalah mengenai perkembangan politik mutakhir berlaku di dalam negara yang sehingga membabitkan suara luar termasuk suara gergasi daripada Amerika Syarikat seperti Naib Presiden Al Gore yang berada di sini sewaktu persidangan APEC dan juga Setiausaha Negara Amerika Madeleine Albright sewaktu berada di sini dalam sidang APEC dan semalam suara spekulator kewangan George Soros sewaktu berucap di University John Hopkin di Washington.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri apakah usaha-usaha yang telah pun dijalankan khususnya dari negara-negara yang sekarang ini menyuarakan seolah-solah menyokong kumpulan yang menentang kerajaan dan seolah-olah juga mahu menumbangkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat Malaysia menerusi proses demokrasi. Apabila Al Gore menyuarakan bahawa di Malaysia ada rakyat yang berani bersuara untuk reformasi, maka dia memberi semangat baru kepada golongan yang bergerak menentang kerajaan, bila Madeleine Albright bertikam lidah dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya menyokong Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya diberitahu kepada orang-orang ini betapa kurang ajarnya mereka sebagai tetamu kepada negara ini, tetapi pokoknya adakah atau tidak usaha-usaha dilakukan oleh Kementerian Luar Negeri untuk menjelaskan perkara ini kepada pihak-pihak yang dikenal pasti menentang di luar negara.

Saya dapat tahu bahawa mission kita di New Zealand telah pun mengadakan beberapa siri penerangan kepada kumpulan Ahli-ahli Parlimen New Zealand yang menggerakkan MST International di negara tersebut, ini saya dapat tahu sewaktu saya menghadiri Persidangan Commonwealth Antarabangsa di New Zealand baru-baru ini. Di dalam International Executive Committee Commonwealth Parliament baru-baru ini, wakil daripada Australia dan wakil daripada Singapura telah pun cuba mendakwa Malaysia bahawa Malaysia bersikap tidak adil dan kurang adil terhadap perkara yang berlaku. Saya telah pun menerangkan kepada mereka sehingga mereka mengambil keputusan tidak masuk campur tangan.

Tetapi apabila Amerika terus menerus bersuara, apabila Al Gore bersuara, apabila Madeleine Albright bersuara adakah usaha-usaha menjelaskan keadaan perkembangan politik semasa ini dijelaskan kepada orang-orang Amerika yang mendakwa bahawa mereka adalah sebagai 'the holder of concerns' mengenai demokrasi.

[Menteri Luar Negeri (Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi) masuk ke Dewan]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Selamat datang kepada Menteri Luar Negeri. Saya bertanya Yang Berhormat Dato' Menteri mengenai Al Gore dan Madeleine Albright ini, apabila mereka datang ke sini, mereka bertindak seolah-olah mereka mahu menafikan bahawa kerajaan yang hadir, yang wujud dalam negara adalah kerajaan yang tidak demokratik. Mereka mahu mengembangkan prinsip demokrasi dan amalan demokrasi tetapi mereka menutup mata mereka bahawa kerajaan yang dipelihara ini adalah menerusi proses yang demokratik. Jadi pertanyaan saya apakah yang telah diambil mengenai hal ini? Saya membaca laporan daripada akhbar bahawa

Duta Amerika dipanggil, apakah yang disampaikan kepada Duta Amerika itu? Adakah kita menyampaikan suatu mesej yang keras supaya Amerika tidak masuk campur dalam urusan negara ini ataupun hanya mesej yang very diplomatic, dengan izin.

Apabila terdapat beberapa NGO's yang kononnya menghadirkan diri di dalam perhimpunan-perhimpunan haram antikerajaan, apakah kita buat mengenai NGO's tersebut? Adakah pihak Kementerian Luar Negeri mahu mengkaji sama ada badan-badan pertubuhan sukarela itu mempunyai dukungan-dukungan luar, kalau mereka mempunyai dukungan luar, siapakah pendukung-pendukung dari luar itu. Saya tidak puas hati dengan keadaan yang berlaku, oleh kerana nampaknya Malaysia mahu diporakperandakan oleh kuasa-kuasa asing.

Di dalam hal ini juga saya ingin bertanya menerusi penerangan luar negeri dan juga mungkin menerusi usaha-usaha diplomasi di dalam negara, adakah tidak mana-mana diplomatic mission yang menyuarakan sokongan mereka terhadap apa yang berlaku di Malaysia dan juga menafikan sokongan mereka terhadap apa yang berlaku terhadap perkembangan politik pada hari ini.

Baru-baru ini, dua hari yang lalu ataupun semalam saya rasa, seorang pendukung badan sukarela yang saya rasa mempunyai kaitan antarabangsa telah pun dibebaskan, adakah pihak Kementerian Dalam Negeri mahu meminta jasa baik pihak-pihak berkuasa undang-undang yang lain untuk menyiasat latar belakang orang ini untuk dipastikan sama ada orang ini mempunyai dukungan-dukungan luar atau tidak. Masalah soal sama ada elemen-elemen asing ini mahu bergerak aktif di dalam negara sekarang ini menjadi lebih relevan untuk diperbincangkan.

Khususnya apabila negara ini dilanda krisis pada penghujung tahun sudah dan apabila orang itu berkokok semula semalam, saya hendak tanya dalam Dewan yang mulia ini, dengan izin "what bloody rights", Soros ada untuk menunjukkan supaya Perdana Menteri yang dipilih secara demokratik diturunkan, lepas itu sahabat kita yang diadili di mahkamah dinaikkan. Saya tidak faham, satu ketika dahulu, dia datang ke sini, dia menyebabkan ekonomi kita merosot. Daripada laporan yang saya baca mata wang kita depreciate ataupun merosot sebanyak 50% di setengah-setengah negara mata wangnya merosot 600% dan orang yang sama semalam berkokok supaya pemimpin kita diturunkan. Adakah Kementerian Luar Negeri mahu mendiam diri mengenai hal ini, atau kita mahu mengambil sesuatu tindakan untuk menjelaskan kepada mereka supaya negara ini sebagaimana kata Perdana Menteri tanggungjawab kita semua bukan tanggungjawab orang luar.

Adakah pihak Kementerian Luar Negeri mengeluarkan risalah-risalah penerangan menjelaskan perkara yang ada, adakah pihak Kementerian Luar Negeri berhubung dengan pihak-pihak luar negara Amnesty International umpamanya, International Human Right Commission dan sebagainya supaya kita mendapat suara we are given peluang untuk menjelaskan kedudukan yang berlaku di dalam negara. Mungkin agak tergamak untuk saya mengatakan di Dewan yang mulia, kalau hari ini Mlaysia adalah termasuk di dalam master plan untuk ditumbangkan oleh anasir-anasir luar negara, bukti-bukti nya semua ada di sekeliling kita.

Kalau zaman saya memimpin pelajar dahulu elemen-elemen asingnya adalah disusupkan menerusi communism iaitu badan sukarela yang disusupi oleh anasir-anasir dan ideology communist, ingat dahulu ada pertubuhan-pertubuhan yang dikatakan persatuan nyanyi, persatuan budaya diseludupi oleh anasir komunis, ada atau tidak hari ini anasir-anasir luar menyeludupkan semangat new imperialist, new colonialist, ke dalam jiwa pertubuhan-pertubuhan sukarela di dalam negara. Kalau ada kita dedahkan, umpamanya sekarang ini yang paling jelas Kedutaan Amerika, kita panggil Kedutaan Amerika kita jelaskan kepada dia, bahawa negara ini hak kita. Kalau dia hendak masuk campur di negara asing silakan. Itu pun dunia akan bising, kalau Amerika campur tangan di Iraq contohnya, sampai hari ini habis Iraq hendak dilanyaknya. Tak sudah-sudah, lepas satu tahun ke satu tahun lagi hampir 10 tahun Iraq dilanyak. Adakah Malaysia satu lagi target sasaran antarabangsa Amerika?

Tuan Pengerusi, saya mengatakan ini oleh kerana ada sebuah buku yang ditulis oleh beberapa bekas diplomat-diplomat yang mengatakan suatu ketika dahulu Amerika menggunakan foreign policy sebagai line subversion, sebagai channel subversion untuk dia melaksanakan gerakan-gerakan penentangan kepada negara-negara luar.

Satu ketika dahulu Amerika menggunakan saluran-saluran bantuan sebagai line of subversion untuk dia menumbangkan kerajaan asing. Ada atau tidak pada hari ini bahawa element of subversion ini diseludupkan menerusi kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin.

Hari ini saya minta menerusi Dewan yang mulia ini Dato' Menteri Luar Negeri memberitahu kita sama ada bagaimanakah mahu kita sifatkan kenyataan Al Gore, adakah itu merupakan satu phrase of subversion, satu kenyataan yang cuba subvert ataupun melemahkan ketahanan resilience kenegaraan patriotisme orang Malaysia. Kita harus memandang serius kerana perkara ini telah pun dilaksanakan di Indonesia. Dalam satu bukunya "Foreign Policy" sebagai subversion, tak silap saya - ada dalam bacaan saya, , bagaimanakah Kerajaan Indonesia ditumbangkan, menerusi kuasa-kuasa asing, menerusi campur tangan asing, dan baru ini apabila Suharto ditumbangkan, kita tahu bahawa Suharto ditumbangkan akibat pertumpahan darah pelajar-pelajar di Indonesia, siapa yang menembak, peluru siapa yang menembak pelajar-pelajar di Indonesia? Adakah peluru angkatan tentera di Indonesia, adakah peluru asing yang menumbangkan pelajar Indonesia, supaya mencetuskan satu gerakan menumbangkan kerajaan yang dilantik dan dinaikkan secara sah dan demokrasi. Sebab itu kita melahirkan kebimbangan ini.

Tuan Pengerusi, kita bimbang bahawa gerakan-gerakan antikerajaan yang ada hari ini mula disusupi, mula didukung, mula didalangi oleh orang-orang luar. Kehadiran beberapa - saya baca dalam minggu lepas, hadir di kalangan orang yang menunjuk perasaan di Kampung Bahru, dengan izin, several officials of foreign mission, beberapa pegawai misi luar, ataupun beberapa pegawai dari kedutaan-kedutaan asing yang ada di dalam negara kita. Kedutaan manakah mereka, adakah pihak Kementerian Luar Negeri memberitahu Dewan yang mulia ini, kedutaan manakah yang mempunyai pegawai-pegawai yang turut hadir di dalam perhimpunan-perhimpunan antikerajaan selama ini. Dedahkan mereka supaya seluruh rakyat mendapat tahu bahawa negara ini sedang diancam oleh elemen-elemen asing yang mahu menumbangkan kita supaya seluruh rakyat mendapat tahu bahawa mereka harus bersatu padu untuk menentang kuasa-kuasa asing yang menumbangkan negara kita.

Tuan Pengerusi, memang kita mempunyai beberapa undang-undang umpamanya Akta Pertubuhan yang boleh menyekat mana-mana pertubuhan sukarela dan pertubuhan yang didaftarkan di bawah ROC ataupun ROS, Pendaftar Pertubuhan tidak boleh menerima dukungan asing. Tetapi dalam hal ini adakah Kementerian Luar Negeri mempunyai maklumat-maklumat yang cukup sama ada atau tidak bahawa mereka yang sedang bergerak menentang kerajaan dengan kehadiran pegawai daripada luar misi luar yang hadir bersama , sama ada atau tidak bahawa orang-orang ini mendapat sokongan moral daripada luar negeri. Keadaan ini amat merbahaya, amat merbahaya khususnya kepada orang Melayu berhadapan dengan perpecahan, kita tidak mahu perpecahan ini dieksploitasikan oleh orang asing yang akan membelah seluruh orang Melayu dan apabila orang Melayu pecah belah, maka mudahlah kita untuk diperkotak-katikkan.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya sangat-sangat berharap supaya Kementerian Luar Negeri mengadakan rancangan-rancangan penerangan luar negeri secara lebih komprehensif untuk menjelaskan keadaan yang lahir di dalam negara ini. Dan untuk menjelaskan keadaan yang sebenar-benarnya berada di dalam negara ini adalah urusan negara ini semata-semata. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Senai

4.18 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 020300 - Penerangan Luar Negeri, dan juga 030300 - Perhubungan Antarabangsa di bawah Maksud Bekalan 51, Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini seluruh rakyat Malaysia telah membantah dengan kerasnya kenyataan yang dibuat oleh George Soros bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kena diguling sebagai Perdana Menteri negara kita. Saya menganggap bahawa bantahan ini adalah manifestasi rakyat majoriti atas sikap keterlaluan orang Barat yang tidak tahu bersopan dan tidak rasa malu bila campur tangan dalam hal ehwal negara lain. Soros membuat kenyataan ini selepas Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore memalukan beliau sendiri dengan memberi sokongan kepada pergerakan reformasi yang dimainkan oleh segelintir rakyat negara kita.

Tuan Pengerusi, kenyataan Al Gore dengan George Soros membuktikan dengan terang bahawa pergerakan reformasi adalah satu blok yang mendapat ilham serta sokongan kuat daripada pihak yang boleh jadi musuh negara kita. Jadi, kita sebagai rakyat yang setia kena berjaga-jaga supaya tidak diperguna oleh mereka. Dalam hal ini saya rasa Kedutaan kita di luar negara memang perlu merancang satu strategi supaya mengatasi aktiviti antikerajaan Malaysia yang dijalankan oleh pihak tertentu di beberapa negara di Barat dan Timur.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Luar Negeri menubuhkan satu pasukan petugas khas dan mewujudkan satu pelan tindakan yang berkesan untuk memerangi kempen anti kerajaan Malaysia tersebut di luar negeri. Kemungkinan pasukan khas ini boleh ditubuhkan bersama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Pengerusi, jika pelan tindakan ini memerlukan bantuan kewangan untuk melaksanakan strategi mereka, saya yakin kerajaan dan sektor korporat kita akan memberi sokongan yang cukup supaya kita berjaya menghancur tindakan jahat pihak musuh itu. Saya berpendapat bahawa salah satu tindakan segera yang perlu dilakukan oleh kedutaan luar kita ialah dengan secara aktif dan cepat mengedarkan maklumat Malaysia yang tepat, betul dan terkini kepada orang ramai dan penuntut-penuntut Malaysia di negara masing-masing supaya mereka mendapat maklumat Malaysia yang adil dan berseimbang dan bukan maklumat yang tidak berasas atau diputarbelitkan oleh media massa yang sentiasa berkelakuan kurang profesional.

Tuan Pengerusi, dengan cara ini rakyat luar negeri dan penuntut kita di luar negeri barulah mendapat gambaran Malaysia yang sebenarnya dan tidak mudah lagi mempercayai maklumat kurang tepat yang berhasrat membohongi mereka yang disebar oleh pihak musuh negara kita.

Mengenai media antarabangsa, saya memberi sokongan penuh kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang merayu kepada pihak media antarabangsa supaya bersikap adil, berseimbang dan ber`factual` dalam liputan dan tulisan mereka. Sebagai seorang bekas wartawan, saya rasa sedih bila nampak standard kewartawanan antarabangsa telah kian jatuh dan saya berharap rakan dan kawan saya di dunia kewartawanan dapat memulihkan imej nama baik sektor ini.

Tuan Pengerusi, satu hal yang tidak dinafikan ialah walaupun media antarabangsa dan pihak kerajaan beberapa negara asing telah dengan terus-terang ingin melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita diguling, disingkirkan, akan tetapi rakyat Malaysia adalah cukup matang dan terus memberi sokongan yang tidak belah bahagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini menunjukkan bahawa kita telah berjaya menggagalkan hasrat yang kurang murni itu.

Satu cadangan lain ialah kedutaan luar kita dengan memberi kerjasama yang rapat kepada bahagian penuntut Malaysia di negara masing-masing supaya penuntut kita dapat memahami isu-isu semasa dan perkara yang sedang berlaku di Malaysia

dengan tepat dan terangnya. Dalam hal ini, saya bercadang supaya pegawai di kedutaan luar kita sentiasa mengadakan perbincangan, dialog dengan penuntut kita di negara yang mereka ditempatkan, untuk memberi peluang kepada pegawai kita bertukar-tukar fikiran dengan penuntut kita, memberi first hand information, dengan izin, yang mereka ingin dapat dan mendengar fikiran balasan (feedback) mereka. Kita mesti membuka satu saluran bagi penuntut kita menguasai pandangan mereka sebab mereka juga dipandang sebagai duta tidak rasmi kita dan bakal pemimpin negara kita.

Tuan Pengerusi, Wisma Putra pula dicadang memberi arahan kepada kedutaan luar kita untuk membantu menganjurkan kempen promosi Malaysia supaya rakyat negara masing-masing dapat mengetahui negara kita dengan lebih mendalam. Pada masa sekarang terdapat ramai rakyat negara lain masih tidak mempunyai pengetahuan yang paling asas mengenai Malaysia dan satu contoh, baru-baru ini sebuah akhbar yang terkemuka di Amerika Syarikat menyebut 'Dr. Mahathir sebagai Presiden Malaysia'. Ini menunjukkan bahawa media massa mereka pun sangat kurang dalam pengetahuan berkenaan negara kita dan jangan kata lapisan rakyat yang lain.

Cara yang berkesan bagi rakyat negara asing memahami lebih mengenai Malaysia ialah dengan melawat negara kita dan mendengar dengan sendiri keadaan Malaysia yang sebenarnya dan bukan hanya mendengar cakap-cakap orang lain sahaja.

Tuan Pengerusi, saya rasa kedutaan luar kita memang boleh menimbang supaya bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pelancongan Malaysia dalam aktiviti berkaitan dengan tujuan membawa lebih ramai pelancong asing ke negara kita yang indah. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mas.

4.25 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyuarakan sedikit pandangan tentang Kementerian Luar Negeri, iaitu di dalam Butiran 030000 – Perhubungan Pelbagai Hala, berkaitan langsung dengan Program 030100 – Pertubuhan Serantau - Kerjasama ASEAN dan juga Program 030300 – Perhubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri walaupun dalam keadaan sebegini sekarang banyak cabaran dan tuduhan, ini adalah satu perkara yang sentiasa kita hadapi apabila kita betul-betul mengalami kejayaan di dalam sesuatu bidang. Saya rasa saya tidak ingin memuji negara kita sahaja, kalau kita bandingkan pencapaian ataupun prestasi dasar luar negeri iaitu khusus di negara ASEAN, iaitu di negara Filipina, Indonesia, Thailand, Malaysia, Singapura, saya rasa kita boleh membuat satu perbandingan di mana Kementerian Luar Negeri kita di Malaysia ini betul-betul berjaya untuk menjalankan tugas mereka dengan penuh memuaskan.

Oleh kerana itu, saya ingin memberi sedikit sokongan moral di sini kepada Yang Berhormat Dato' Menteri dan Dato' Timbalan Menteri, jangan kita putus asa oleh kerana apabila kita mengalami kejayaan seperti begini, memang banyak orang di negara-negara lain cemburu dengan kita. Misal kata pencapaian kita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation), Yang Berbahagia Tan Sri Razali bin Ismail, negara kita Malaysia berjaya menganggotai sekali lagi, dengan izin, di United Nation Security Council dan pelbagai kejayaan kita ini menandakan satu kebanggaan untuk rakyat kita di Malaysia.

Sehubungan dengan ini, oleh kerana saya ingin menyentuh mengenai kerjasama ASEAN, walaupun negara-negara lain seperti negara daripada Barat ataupun Amerika Syarikat, saya ingin sebut terus-terang sahaja, Tuan Pengerusi, mungkin tidak begitu diplomasi, yang penting iaitu kita harus pertahankan kedudukan negara kita, iaitu negara Malaysia di peringkat ASEAN. Setakat ini walaupun kita menghadapi masalah sosial dan kegawatan politik yang berlaku sekarang, saya rasa kita masih di tahap peringkat pertama. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya di sini selepas lawatan

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara Brunei Darussalam, apakah hasil khusus lawatan itu untuk memperbaiki keadaan hubungan Malaysia dengan negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan ini, saya ingin minta penjelasan ataupun bantuan daripada Kementerian Luar Negeri, setakat ini kita di Limbang dan Lawas dalam kawasan saya Bukit Mas selalu melintasi negara jiran, Brunei Darussalam, kalau boleh minta tolong dari negara Brunei supaya satu permit khas untuk orang di Limbang, Lawas, Miri diberi seperti yang kita adakan di Singapura.

Saya rasa oleh kerana negara Brunei Darussalam adalah satu negara Islam dan Malaysia juga begitu, persefahaman seperti ini kita boleh laksanakan. Selain daripada itu saya ingin menegaskan di sini sekali lagi, negara Filipina dan negara Indonesia yang baru-baru ini kita telah mendengar bahawa pucuk pimpinan kedua-dua negara ini tidak sehaluan dengan kita. Saya bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Senai iaitu Kementerian Luar Negeri harus membuat tindakan khusus supaya negara-negara ASEAN betul-betul berdiri di belakang kita iaitu di negara Malaysia dan tindakan khusus untuk mempergiatkan hubungan di antara kerajaan dan wakil-wakil kerajaan. Kalau boleh misalnya, tahun akan datang apakah salahnya Kementerian Luar Negeri menghantar rombongan dan diikuti dengan beberapa Ahli Parlimen daripada kerajaan walaupun daripada pembangkang yang positif, boleh ikut juga.

Ini menandakan bahawa walaupun kita menghadapi masalah dan desakan daripada luar, kita harus mempertahankan, dengan izin, we must have a platform where we can stand dan saya rasa ASEAN ini adalah satu hubungan yang Malaysia harus pertahankan setakat ini. Saya rasa apa yang kita hadapi dengan negara Filipina, Indonesia itu memang kita boleh atasi seperti yang saya katakan dalam ucapan dasar waktu kita membentangkan Belanjawan (budget) ini mengenai isu Singapura dan Malaysia. Selepas berucap saya mengatakan Malaysia boleh mengatasi masalah ini dan seminggu selepas itu kita baca dalam surat khabar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berjumpa dengan Perdana Menteri Singapura. Ini satu kebanggaan untuk kita dan kita menyokong dasar-dasar seperti ini, dengan izin, if the other people are negative we try to look for proactive and positive measure to solve the other people.

Tuan Pengerusi, Butiran 030300 - Perhubungan Antarabangsa. Saya menyokong saranan Pengerusi Backbenchers dan Yang Berhormat dari Senai iaitu mewujudkan satu tindakan khusus, apa yang Soros dan mereka yang lain 'menghentam' Kerajaan Malaysia ini bergantung dengan apakah program yang Kementerian Luar Negeri hendak laksanakan untuk mengambil tindak balas. Saya tidak ingin memuji perkara ini, terus terang saya mengatakan, saya menyertai rombongan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dalam tahun 1992, sekarang ini 1998 di Rio. Waktu kita berada di Rio 15 hari di sana, ramai pemimpin luar memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Luar Negeri kita dan sekarang Menteri Luar Negeri kita masih Yang Berhormat Menteri sendiri.

Saya rasa dalam enam tahun ini pengalaman itu begitu banyak dan walaupun cabaran itu hebat dan ditambah dengan pengalaman Yang Berhormat Menteri sendiri yang sangat dipuji oleh negara-negara jiran, dengan izin, we are very successful in our foreign policy. Saya sendiri menganggap begitu. Saya rasa Yang Berhormat Menteri sendiri yang disokong oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu hebat juga dari Sarawak dapat merancangkan program tindak balas, jangan hanya 'menghentam' Soros, kita hantar rombongan berucap di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita hantar rombongan berucap di mana-mana tempat, di OIC, G7, G22, hantar rombongan, kalau tidak ada peruntukan minta daripada Menteri Kewangan sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini saranan saya.

Yang kedua, saya ingin supaya Kementerian Penerangan berilah satu masa, misalnya satu jam untuk Menteri Luar Negeri sendiri di dalam program MHI kerana sekarang ini kita didesak, we have been confronted by this people, dengan izin. Oleh kerana itu kita harus pertahankan supaya negara kita masih dihormati dan juga rakyat

kita masih mengkagumi pemimpin-pemimpin kita melalui program MHI misal kata, program di RTM, janganlah 15 minit, sampai satu jam beri kepada Yang Berhormat Menteri sendiri, apa persoalan supaya rakyat kita di Malaysia ini betul-betul faham tentang apa yang mereka desak kita sekarang. Kita harus pertahankan spirit, misalnya apa yang berlaku di Indonesia tidak berlaku di sini, kalau negara kita, rakyat kita berdiri teguh di belakang pemimpin kita, apa yang hendak ditakutkan, walaupun mereka berucap beberapa kali di dalam CNN, CNBC. Selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di dalam CNN itu saya rasa memberi impak yang begitu besar untuk negara kita dan rakyat kita.

Saya rasa ini satu langkah yang baik dan saya minta RTM, MHI kalau boleh berilah program kepada Kementerian Luar Negeri. KSU minta daripada Jabatan Penerangan, ini saranan saya daripada wakil Barisan Nasional, Backbenchers dari Sarawak. Kita pertingkatkan, we increase, supaya dapat mengambil tindakan yang positif untuk mempertahankan semangat rakyat menyokong pemimpin-pemimpin kita.

Yang kedua, saya sarankan, kalau boleh apakah salahnya selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di CNN, minta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri, CNN meng`interview' Yang Berhormat Menteri ataupun CNBC. Saya rasa kita boleh usahakan supaya sampai satu masa mereka betul-betul faham tentang dasar kita dan perjuangan kita di sini. Kita tidak mahu perkara kecil seperti ini dilaungkan oleh orang-orang asing seperti George Soros kerana mereka ada kepentingan sendiri, tetapi kita juga harus menjaga kepentingan negara kita iaitu mempertahankan semangat sokongan rakyat kepada kerajaan dan kepada pemimpin.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin mengulang sekali lagi minta supaya kalau boleh Yang Berhormat Menteri sendiri menolong permintaan saya tadi mengenai special pass untuk kawasan Limbang, Lawas dan Miri sebab sekarang ini harga pasport mahal dan kalau kita lalu dari Miri ke Brunei-Limbang dan pulang balik, 16 cop dan pasport yang lima tahun ini, enam bulan boleh disiapkan. Dengan kata-kata sebegini saya menyokong dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Teluk Intan.

4.38 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di antara objektif-objektif yang terkandung di Kementerian Luar Negeri adalah, saya "quote: meningkatkan kerjasama di antara ASEAN di pelbagai bidang ke arah mewujudkan dan mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini untuk membolehkan pembangunan negara." Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah ini telah tercapai dan adakah kita dalam proses seperti beberapa tahun sebelum ini. Dalam hal ini saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah yang telah terjadi kepada constructive engagement yang kita jalani kepada negara-negara di rantau ini terutama sekali kepada Myanmar. Adakah selepas satu cara constructive engagement yang dikatakan, satu perkataan yang aneh dan luar biasa digunakan kepada satu negara yang tidak mengamalkan demokrasi tetapi memperjuangkan kerosakan hak asasi, memperjuangkan satu sistem military yang tidak dipilih oleh rakyatnya, adakah ianya dipuji oleh negara kita. Dalam kes constructive engagement ini sejak ia ditayangkan, adakah apa-apa keuntungan yang kita telah perolehi atau kebaikan yang telah kita telah perolehi dari constructive engagement terutama sekali dengan negara Myanmar.

Baru-baru ini ketua demokrasi negara itu, bukan sahaja ditahan di rumah, tidak dibenarkan rakan-rakannya melawat, Ahli-ahli Parlimen yang terpilih di negara ini. Adakah kerajaan menyedari perkara ini dan apakah constructive engagement yang telah dibuat untuk memulih demokrasi di negara itu atau setakat constructive engagement supaya syarikat-syarikat di negara ini yang melabur di sana dapat keuntungan, adakah itu constructive engagement oleh kerajaan negara ini?

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya telah membangkitkan covenant, covenant ada juga terkandung di Aturan Mesyuarat. Saya hendak tahu seperti kita semua tahu perkara ini tidak mustahil untuk dibahaskan di Dewan ini. Jadi, saya telah mencadangkan dua covenant-international covenant satu, dengan izin, international covenant on civil and political right. Yang kedua, international covenant on economic, social and cultural right, yang telah diluluskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu pada 16 Disember 1966 yang disenaraikan sebagai Item 19 dalam Aturan Mesyuarat. Ini bukan kali pertama dan ini telah disenaraikan beberapa kali.

Jadi, saya hendak tahu walaupun kerajaan Malaysia telah bersetuju dan menandatangani covenant ini, apakah sebab ia tidak diimplementasikan di negara ini? Apakah sebab ia tidak di'ratify'kan sebagai undang-undang dalam negara ini? Apakah kita memberi pandangan dan nasihat kita kepada beberapa negara di rantau ini dan di rantau lain tetapi apa yang kita buat itu tidaklah betul dan kita sendiri menandatangani lebih - saya boleh katakan lebih kurang 33 tahun. Tahun ini adalah tahun Declaration on Human Right (hak asasi manusia). Apakah kementerian telah untuk mempromosi kandungan-kandungan yang ada disenaraikan di covenant tersebut. Pada 10 Disember ini genap 50 tahun hak asasi yang telah dikatakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi apakah sebab kerajaan tidak mempromosikan, tidak memberitahu rakyat Malaysia kepentingannya lepas 50 tahun, adakah ia tidak mustahak atau kita cakap sahaja.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah berjanji berjumpa dengan Inter Parliamentary Union yang telah datang dari luar negeri. Apakah maruah negara kita, apakah imej negara kita bila mereka datang ke negara ini, Yang Berhormat Menteri berkenaan enggan berjumpa mereka. Apakah sebab dan asas ini? Kita telah mempelawa, menerima bersetuju hendak jumpa tetapi bila mereka datang beribu-ribu batu dari luar negeri untuk mendapat lebih maklumat mengenai kes Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kota Melaka tetapi Yang Berhormat Menteri berkenaan cakap tidak senang berjumpa dengan mereka. Apakah satu imej yang kalau dibuat oleh luar negeri, boleh di'criticize'kan, dengan izin, tetapi kalau dibuat oleh kita boleh diterima. Apakah satu imej yang digalakkan, apakah rasional tindakan Yang Berhormat Menteri ini enggan berjumpa, lebih-lebih lagi apabila persetujuan telah dibuat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai Singapura, apakah sistem di mana perkara CPF yang ada berbilion-bilion di Singapura akan dibenarkan di bawa balik untuk rakyat Malaysia yang telah mencarum wang tersebut dan terikat di Singapura. Saya difahamkan lebih S$55 bilion kepunyaan rakyat Malaysia dan baru-baru ini saya difahamkan kerajaan sedang dalam proses final stages untuk mencari satu jalan supaya wang itu boleh dibenarkan dibawa balik oleh rakyat Malaysia. Adakah ini benar dan kalau tidak apakah yang dibuat oleh kementerian ini supaya wang-wang tersebut dapat dibawa balik.

Tuan Pengerusi, saya tidak boleh habis dengan menyatakan kita telah memperolehi satu 'permanent sit in the United Nation.' Satu perkara yang sangat megah untuk negara ini. Jadi, saya hendak tahu adakah kerajaan yang mengamalkan sistem Islam ini berani pada sesi yang akan datang membawa satu resolusi supaya sanction kepada Iraq akan dibatalkan, kalau tidak, mengapa? Kita perlu satu penjelasan dari kerajaan, pendirian mereka bukan cakap sahaja tetapi tindakan, kalau di Iraq sekarang beribu-ribu orang mati kebuluran, anak-anak mereka mati tidak cukup makan, walaupun negara itu kaya dengan minyak, apakah pertolongan tertentu yang akan dibuat oleh kerajaan Malaysia lebih-lebih lagi bila kita telah diberi mandat unanimous untuk menduduki dan mengambil satu kepentingan yang luar biasa di United Nation Security Council. Sebelum ini kerajaan telah mengatakan beberapa kali akan mereformasi sistem Bangsa-Bangsa Bersatu, adakah kerajaan akan berusaha dari aspek tersebut? Adakah kerajaan akan membawa perubahan kepada permanent counsel members dari lima negara kepada semua negara yang sedia ada di dunia ini. Adakah kerajaan rela membuat perkara itu, kalau tidak, mengapa?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu mengenai duta-duta yang sedia ada di seluruh dunia yang mewakili Malaysia, adakah keanggotaan mereka akan dikurangkan akibat kegawatan ekonomi dan berapakah duta-duta baru yang bakal dilantik oleh kerana kekosongan-kekosongan di beberapa negara tidak dipenuhi dan apakah ada satu sistem di mana hanya orang yang bekerja di Kementerian Luar Negeri sahaja berhak untuk menjadi duta dan bukan orang yang telah memberi sumbangan mereka kepada negara dilantik sebagai duta. Tolong beri satu keterangan dan penjelasan mengenai perkara ini.

Seterusnya mengenai ASEAN, adakah kerajaan bersetuju bahawa kawan kita dari Jasin yang telah pergi ke Indonesia dan membuat banyak hal dalam internal system di Indonesia, di mana beliau telah menyatakan "If you want, you can keep Anwar in Indonesia." Dia telah mengatakan oleh kerana beberapa aktiviti kawan kita dari Permatang Pauh yang dikatakan, dia cakap, "you boleh simpan dia di sana." Apakah ini satu rasional yang diperakui atau dia telah mewakili Kerajaan Malaysia untuk pergi dan memberi beberapa ceramah di Indonesia dan adakah dia dibenarkan, kalau tidak, adakah apa-apa amaran atau teguran telah diberi kepada kawan kita dari Jasin yang tidak datang langsung ke Parlimen pada sesi ini.

Sebagai akhir kata, bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri memberitahu apakah situasi Spartly Islands (Kepulauan Spartly), adakah perkara itu akan dirujuk kepada Mahkamah Dunia dan adakah baru-baru ini ketegangan di antara Filipina dan negeri China, adakah kita mengambil mana-mana bahagian, adakah kita akan menolong Filipina jika ia dihentam oleh negeri China. *[Ketawa]* Jadi, kita hendak tahu adakah kita sedia atau kita punya tentera bersedia berlawan atau kita akan berundur, kita hendak tahu perkara itu.

Sebagai akhir Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada menteri berkenaan yang sangat serius, dia datang hari ini untuk jawab, menteri lain semuanya tiada. Ini saya hendak cakap, yang baik kita hendak puji baik, Tuan Pengerusi, kita tidak boleh, saya suka, walaupun...[Disampuk] Ini Bukit Mas you berani, berdiri jangan ini macam. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ledang.

4.51 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya cuma ingin menyentuh Butiran 020100, 03100 dan satu, dua yang lain.

Tuan Pengerusi, Butiran 020100 – Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi. Kita bersyukur dan rasa lega kerana hubungan antara Malaysia dengan Singapura sekarang ini adalah agak lebih baik dan lebih memberangsangkan. Singapura adalah satu-satunya jiran yang terdekat dengan Malaysia tetapi nampaknya Singapura seperti yang dikatakan "dekat di mata, jauh di hati" kerana akhir-akhir ini pemimpin mereka sering menimbulkan berbagai-bagai isu yang mencetuskan kemarahan rakyat dan menyentuh sensitiviti rakyat negara ini. Sebagai dua jiran yang terdekat, kita amat saring perlu memerlukan, Singapura perlukan kita dan kita juga perlukan Singapura. Tetapi dengan kenyataan dan isu-isu yang kontroversi yang sering dicetuskan oleh pemimpin Singapura maka hubungan dua hala yang harmoni tidak mungkin dapat kita teruskan dan tidak mungkin dapat dijalin secara berkekalan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu adakah Yang Berhormat Menteri ada berunding dengan counterpartnya di Singapura, dengan izin. Rakan sejawatnya di Singapura ataupun memberikan peringatan yang serius dan tegas supaya di masa-masa akan datang, kenyataan-kenyataan dan isu-isu yang menyentuh sensitiviti rakyat negara ini perlu dirundingkan dahulu, perlu dipertimbangkan dan tidak dikeluarkan atau diluahkan secara melulu atau sembrono supaya hubungan dua hala ini dapat dikekalkan terus dan hubungan antara Singapura-Malaysia yang saling perlu-memerlukan itu boleh berlaku dan boleh dijalankan dengan harmoni untuk selama-lamanya.

Tuan Pengerusi, Butiran 030100 – iaitu Pertubuhan Serantau-Kerjasama ASEAN.Kemasukan Myanmar dalam ASEAN banyak menimbulkan kontroversi dan reaksi daripada banyak pihak. Ada juga yang berpendapat serangan terhadap mata wang ASEAN yang bermula daripada Baht Thailand, adalah berpunca daripada kemasukan Myanmar ke dalam pertubuhan ASEAN dan dahulu dalam Dewan ini juga kita telah timbulkan isu ini iaitu mengapa kita agak ghairah untuk menerima kemasukan Myanmar sebagai anggota baru ASEAN dan kita juga dimaklumkan bahawa dengan kemasukan Burma atau Myanmar ke dalam ASEAN kita harap dapat mengubah sedikit sebanyak dasar negara itu terhadap hak asasi manusia, (human right).

Saya ingin bertanya, apakah semenjak kemasukan Myanmar dalam ASEAN kita telah berjaya mempengaruhi rejim negara itu supaya lebih tolerant terhadap pembangkang ataupun keadaan di Myanmar telah menjadi lebih baik selepas negara itu menyertai ASEAN.

Tuan Pengerusi, kita tidak perlu bimbang jika kita terpaksa berkonflik dengan Amerika tetapi yang paling penting di kalangan negara ASEAN kita perlu mempunyai hubungan yang rapat, intim dan harmoni. Kita tidak mampu untuk menunjukkan kepada dunia bahawa hubungan antara negara-negara ASEAN berada dalam suasana keretakan ataupun tegang seperti yang berlaku sekarang ini, Kita tidak mampu. Kita boleh menerima konflik dengan Amerika dan negara-negara lain dan tetapi dengan negara ASEAN kita perlu memperkukuhkan hubungan kita supaya kita dapat membuktikan kepada dunia bahawa ASEAN adalah satu pertubuhan yang benar-benar bersifat serantau yang kukuh dan utuh.

Jadi, Tuan Pengerusi, perkembangan mutakhir ini adalah menyedihkan kita. Hubungan kita dengan negara anggota ASEAN agak begitu renggang tidak begitu harmoni, jadi saya ingin mencadangkan supaya hubungan ini dirapatkan dan dikukuhkan lagi dengan cara, pertama, kita harus mengadakan satu sekretariat ataupun satu urusetia bagi membolehkan satu siaran Suara ASEAN di mana hubungan antara negara-negara ASEAN dapat kita kumandangkan ke udara melalui siaran Suara ASEAN. Ataupun kita juga boleh melalui urusetia ini mewujudkan satu buletin ASEAN Buletin ataupun satu bentuk media cetak di mana cerita-cerita berita-berita mengenai negara ASEAN dapat kita selaraskan supaya hubungan antara negara-negara ASEAN bukan sahaja rapat di peringkat pemimpin tetapi juga harus dapat dieratkan di peringkat rakyat dan di kalangan masyarakat biasa supaya hubungan antara negara-negara ASEAN boleh menjadi lebih intim, harmoni dan lebih kukuh lagi.

Saya juga menyokong gesaan rakan kita sebelum ini supaya kedutaan-kedutaan kita di luar negara memainkan peranan yang lebih agresif dan positif, menerangkan dasar-dasar negara dan juga peranan mereka untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat di antara negara-negara luar dengan negara Malaysia. Kita tidak mahu kedutaan-kedutaan ini tidak memainkan peranannya ataupun sambil lewa terhadap hubungan dua hala ataupun hubungan pelbagai hala supaya imej Malaysia dan nama baik Malaysia dapat kita kekalkan, dapat kita tonjolkan di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain sebelum ini ataupun selepas ini iaitu mengutuk sekeras-kerasnya campur tangan pihak asing terhadap negara kita. Negara kiga mungkin ada kelemahan-kelemahan yang tersendiri tetapi campur tangan daripada mana-mana pihak tidak seharusnya berlaku dan kita rakyat Malaysia yang merdeka dan berdaulat tidak akan menerima atau tunduk dengan campur tangan ini kerana campur tangan ini tidak syak lagi merupakan satu gangguan atau satu campur tangan yang tidak diperlukan dan selama-lamanya rakyat Malaysia tidak memerlukan campur tangan daripada pihak luar ini kerana itu saya bersama-sama rakan yang lain mengutuk dengan sekeras-kerasnya campur tangan dari pihak-pihak luar dan kita ingin bertanya kepada kementerian ini iaitu bagaimanakah kementerian ini mengangkat suara-suara rakyat Malaysia ke peringkat antarabangsa supaya bantahan rakyat ini didengar di peringkat antarabangsa, bukan setakat habis di

Dewan ini ataupun habis di peringkat di negara kita sahaja? Bagaimanakah kementerian ini mengangkat suara-suara marah, bantahan rakyat ini ke peringkat antarabangsa, supaya suara-suara ini didengar oleh dunia, oleh musuh-musuh kita, oleh kawan dan lawan kita, supaya mereka tahu bahawa rakyat Malaysia keseluruhannya berada bersama-sama dengan para pemimpin kita untuk mempertahankan setiap inci maruah negara ini.

Dengan kata-kata itu, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

5.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut 020000 - Hubungan Dua Hala; Butiran 030000 - Program 030300 - Perhubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, tahun ini adalah tahun yang khas dalam arena antarabangsa oleh kerana tahun ini ialah ulang tahun ke-50 Universal Declaration of Human Rights dan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun lalu ada buat keputusan bahawa tahun ini ada diistilahkan sebagai International Human Rights a year. di mana semua negara di seluruh dunia akan merayakan tahun ini oleh kerana dokumen itu Universal Declaration of Human Rights, satu dokumen yang sangat mustahak untuk mempromosikan, untuk melindungi hak-hak asasi dan hak-hak demokrasi. Tetapi nampaknya dalam Malaysia dikecualikan daripada celebration sejagat ini.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, adakah kerajaan Malaysia buat satu keputusan untuk mengecualikan daripada celebration ini daripada satu event yang begitu mustahak daripada segi mempromosikan hak-hak asasi dan kenapa tidak ada apa-apa program diadakan. Sebenarnya tahun ini bukan sahaja 50th anniversary untuk Universal Declaration of Human Rightss, sebenarnya ia pun Vienna Lima. Lima tahun dahulu di satu conference sedunia mengenai human rights di Vienna ada dengan consensus di mana Malaysia ialah antara negara dengan consensus meluluskan Vienna Declaration and Programme of Action (VDPA) di mana antara lain ada buat satu keputusan bahawa untuk tahun ini ada satu kajian yang menyeluruh mengenai kemajuan yang dicapai oleh semua negara dalam dunia mengenai hak-hak asasi dikenali sebagai Vienna Five ialah Vienna Declaration, lima tahun selepas Vienna Five.

High Commissioner hak-hak asasi adalah diberi tugas supaya buat satu kajian mengenai tahap kemajuan Vienna Delcaration di mana semua negara ada dijemput untuk memberi input dan semua negara termasuk Malaysia adalah dijemput untuk menjalankan satu kajian, satu proses review ini dan di sini saya ada satu laporan daripada United Nation's High Commissioner for Human Rights mengenai kajian follow up to the World Conference of Human Rights di mana ada dikemukakan kepada general assembly United Nation di mana ada dijelaskan bahawa antara negara-negara yang tidak bekerjasama tidak ada langsung jawapan, balasan atau kerjasama dengan United Nation High Commissioner for Human Rights dalam kajian Vienna Five ini ialah Malaysia.

Kenapa Malaysia tidak bekerjasama, tidak ambil bahagian dalam proses kajian mengenai kedudukan hak-hak asasi, khasnya mengenai dokumen Vienna Declaration and Programme of Action? Adakah ini membayangkan satu sikap kerajaan Malaysia bahawa tidak mahu ambil apa-apa bahagian dalam protection, promotion human rights di dunia, walhal dalam Vienna Declaration, satu prinsip yang significant yang diisytiharkan dengan sokongan Malaysia ialah bahawa masalah promotion dan perlindungan hak-hak asasi ialah satu legitimate concern of the international community, dengan izin. The promotion and protection of all human rights is a legitimate cencern of the international community. Kita sudah bersetuju prinsip itu, kenapa dan tujuan Vienna Five ialah untuk kaji apa progress dicapai dalam lima tahun ini tetapi kenapa Malaysia tidak menjadi satu model anggota dalam United Nation tetapi dikecualikan daripada proses review.

Bukankah kita sudah sampai ke tahap 50 tahun selepas Universal Declaration of Human Rights di mana kita perlu mengadakan standard baharu, norma baharu antarabangsa di mana kita boleh menjelmakan concern ini mengenai promosi dan perlindungan hak-hak asasi di arena dunia kepada satu tahap yang lebih matang di mana tidak ada apa-apa hujah-hujah bahawa international concern mengenai hak-hak asasi di mana-mana negara dianggap sebagai pencabulan hak-hak domestik sesuatu negara. Itu tidak boleh dipakai lagi bahawa kita ada hak untuk menyoalkan, untuk scrutinized hak-hak asasi di mana-mana negara sama ada di Afrika Selatan yang dahulu di bawah pemerintahan Apartheid atau di Middle-East atau di Bosnia atau di Kosovo atau di United States. Kita ada hak apabila kita menyoalkan mengenai kekurangan, kecacatan hak-hak asasi di United Sates, tidak boleh sesiapa dalam United States kata itulah hak domestik mereka.

Selama ini apabila hak-hak asasi di Malaysia disuarakan atau di'scrutinized', diperiksa oleh sesiapa di luar negeri, kita tidak boleh kata ini hak-hak asasi kita, itu domestik, hak sovereign rights kita untuk melanggari hak-hak asasi. Itulah satu norma international yang baru dan perlulah boleh berkembang dengan kemajuan semacam itu dan sebab itu sangat kesal bahawa Malaysia tidak ambil bahagian yang cergas. Sebenarnya tidak ambil bahagian pun, tidak ada apa laporan diberi kepada United Nation proses review mengenai hak-hak asasi ini.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri boleh memberi keterangan kenapa Malaysia ambil pendirian yang tidak bekerjasama dan dalam proses review ini dalam Vienna Declaration and Programme of Action, satu ciri yang mustahak ialah bahawa untuk menggalakkan promotion dan protection human rights bahawa untuk mencapai dengan izin, universal rectification of international human rights instruments, apa kedudukan Malaysia dalam bidang ini. Tadi Yang Berhormat dari Teluk Intan ada sebut mengenai dua instruments hak asasi antarabangsa yang kita tidak mahu mengesahkan international covenant of human of a political and civil rights dan international covenant of economic and culture rights.

Dua puluh tahun dahulu apabila saya kemukakan satu usul bahawa Malaysia ratify international covenant of civil and political rights, jawapan yang diberi oleh kerajaan ialah bahawa hak-hak asasi itu sudah termaktub dalam perlembagaan, tidak perlu. Sebenarnya ia patut menjadi satu sebab kenapa kita 'ratify'kan , sebagai satu contoh supaya lain-lain negara boleh me'ratify'kan dan bukan sebagai satu contoh, sebagai satu hujah kenapa kita tidak 'ratify'kan.

Saya harap bahawa bukan sahaja kedua-dua instruments hak-hak asasi ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri boleh memberitahu Dewan ini dalam lima tahun ini apa kedudukan mengenai ratifikasi international human rights instruments oleh Malaysia. Baru-baru ini Inter-Parliamentary Union ada hantar satu delegasi ke Malaysia mengenai hak-hak asasi ahli Parlimen, dalam perkara ini ialah mengenai hak-hak asasi Yang Berhormat dari Kota Melaka. Apa yang saya mahu sebut di sini ialah dalam program itu Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dijadual untuk mengadakan satu perjumpaan dengan mereka. Kenapa program itu dibatalkan, ada dalam program, kenapa program itu dibatalkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri memberitahu kenapa, adakah ini antara pengecualian Malaysia dari hak-hak asasi, tidak mahu di'scrutinize'kan oleh kerana sama ada suka atau tidak suka, kita perlu mengakui bahawa dalam dua, tiga bulan ini khasnya, Malaysia sudah muncul dalam persepsi antarabangsa sebagai satu, dengan izin, new badboy dalam international arena mengenai human rights.

Apabila Myanmar menjadi satu anggota ASEAN Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berharap bahawa bolehlah mempengaruhi Myanmar lebih demokratik, lebih sivil tetapi sekarang nampaknya dalam persepsi antarabangsa ialah Malaysia dekat dengan Myanmar khasnya daripada pencabulan hak-hak asasi, bukankah ini patut menjadi satu isu yang pokok untuk Kementerian Luar Negeri supaya memperbaiki imej Malaysia.

Saya tengok bahawa dalam objektif Kementerian Luar Negeri (a), (b), (c), (d), (e), (f) dan (g) dalam Anggaran Belanjawan - Program dan Prestasi ini dalam tujuh objektif tidak ada satu objektif mengenai menegaskan betapa pentingnya untuk mempromosikan dan memperlindungkan hak-hak asasi antarabangsa. Saya harap ini boleh menjadi satu tujuan, satu objektif dalam kementerian supaya rekod Malaysia di antarabangsa tidak semacam sekarang sangat buruk dan haraplah ini boleh diubahkan.

Saya harapkan Yang Berhormat Menteri pun boleh menegaskan kedudukan pendirian Malaysia khasnya mengenai hak UN rapporteur-rapporteur mengenai diplomatic immunity mereka. Kenapa Malaysia dalam perkara ini khasnya mengenai kedudukan UN special rapporteur, mengenai independent of the judiciary and the lawyer ialah seorang Malaysian Datuk Param Cumarasamy. Sebenarnya kita patut rasa bangga bahawa kita ada seorang di Malaysian boleh menduduki jawatan yang begitu tinggi di antarabangsa. UN special rapporteur on independent of the judiciary tetapi nampaknya kita anggap ini sebagai satu blackmark kepada independent of the judiciary dan sehingga kita tidak mahu mempertahankan norma antarabangsa di mana kita menghormati diplomatic immunity UN special rapporteur. Saya berharap bahawa perkara ini Malaysia boleh mengikuti norma-norma antarabangsa dan tidak menjadikan perkara ini sebagai satu lagi blackmark dalam bidang antarabangsa.

Demikian pun kenapa kita perlu menyoal atau suspect mengenai scrutiny antarabangsa sama ada mengenai hak-hak asasi demokrasi atau rule of law dalam Malaysia apabila badan-badan antarabangsa sama ada Amnesty International atau International Commission of the Judiciary atau Human Rights to watch, menghantar pemerhati-pemerhati mengenai apa-apa perbicaraan dalam Malaysia yang mustahak, mengapa kita mahu mengambil satu sikap bahawa mereka mahu mengganggu, mahu campur tangan dalam kebebasan kita, sovereignty kita, kenapa kita hanya ada satu sikap yang lebih terbuka. Oleh kerana sistem kita sama ada the rule of law , hak asasi, demokrasi, freedom of press, kita rasa boleh di'scrutinize' oleh sesiapa. Kita mengalu-alukan mereka dan bukan mengambil satu sikap bahawa kehadiran mereka dalam negara kita, dalam perbicaraan kita ialah satu interference dalam sovereignty Malaysia. Kita berharap Kementerian Luar Negeri bolehlah menegaskan kepentingan hak-hak asasi dalam objektif-objektif Kementerian Luar Negeri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Serdang.

5.14 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 030100 – Pertubuhan Serantau - Kerjasama ASEAN dan Butiran 030300 – Perhubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya rasa kesal dan dukacita terhadap hujah-hujah yang telah disuarakan oleh parti DAP tadi langsung tidak memberi sokongan untuk mengutuk atau condemn kepada anasir-anasir, pemimpin-pemimpin luar untuk campur tangan hal ehwal dalam negara kita. Pendirian DAP masih lagi samar-samar, masih lagi tidak terang hanya menentukan kadar Myanmar. Myanmar sebagai anggota ASEAN yang sebulat suara telah diterima semasa Myanmar memohon masuk, walaupun tentangan dari wakil Amerika Syarikat, walaupun ada suara daripada wakil Amerika Syarikat di dalam Dewan ini untuk menentang kemasukan Myanmar sebagai anggota ASEAN.

Tuan Pengerusi, pendirian negara kita penting terhadap hal ehwal luar negeri dan kita hormati hal ehwal dalam negeri masing-masing, maka sesetengah hujah-hujah daripada Yang Berhormat dari Teluk Intan, mengatakan saya seolah-olah mendengar suara Amerika di Dewan ini terhadap masalah Myanmar. Saya difahamkan dasar negara kita tidak akan mencampuri hal ehwal dalam negara Myanmar, apa yang berlaku dalam Myanmar serahkan kepada pemimpin- pemimpin Myanmar untuk membetulkan atau menjalankan dasar mereka. Saya rasa hujah-hujah Yang Berhormat

dari Teluk Intan tadi seolah-olah sebagai wakil suara mereka di mana menentang atau berkaitan dengan masalah hak asasi di negara Myanmar.

Tuan Pengerusi, Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright baru-baru ini secara terus terang untuk menyatakan bahawa kerajaan negaranya bersedia untuk menggulingkan pemimpin-pemimpin Iraq. Apa ulasan daripada pihak DAP terhadap kenyataan yang secara terang untuk mencampuri atau menyatakan demikian untuk menggulingkan satu kerajaan yang besar itu....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Teluk Intan bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Cukuplah, saya tak beri peluang. Tuan Pengerusi, saya hanya ada sepuluh minit.

Tuan M. Kulasegaran: Dia hendak satu penjelasan daripada DAP, bagilah, kalau tidak jangan sentuh.

Dato' Yap Pian Hon: Saya tidak beri jalan. Peraturan mesyuarat tahukah?

Tuan M. Kulasegaran: Tidak berani, jangan halang DAP.

Tuan Pengerusi: Serdang, sila teruskan.

Dato' Yap Pian Hon: Saya pakai lawyer Tuan Pengerusi, Setiausaha Negara Amerika Syarikat itu begitu angkuh, di mana akan menggulingkan satu negara yang berdaulat itu. Tetapi adakah sampai tahap sasaran terhadap negara kita? Apa sebab ucapan atau hujah daripada Yang Berhormat DAP kita tadi langsung tidak memberi persetujuan kepada negara kita terhadap kenyataan-kenyataan dan ucapan-ucapan Soros tersebut. Apakah pendirian DAP memberi sokongan kepada Soros supaya menggulingkan pemimpin negara kita?

Tuan Pengerusi, setiap rakyat Malaysia yang cintakan negara kita ini merasa cemas dan khuatir tentang apa yang berlaku sekarang akibat rancangan-rancangan yang teratur. Setengah-setengah pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat yang berhasrat untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Rakan-rakan saya setuju walaupun ada kenyataan-kenyataan secara terus terang untuk memberi sokongan kerajaan atau mengutuk kepada kenyataan Soros tadi. Tetapi saya nampak cukup tidak memadai, maka Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sentiasa dianggap sebagai gentleman- kali ini jangan - hendaklah pendirian tegas supaya memberi penjelasan lebih tegas berkaitan dengan pendirian negara kita terhadap apa yang dikatakan.

Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri memanggil Duta Besar Amerika Syarikat itu ke Malaysia supaya menyerahkan bantahan secara rasmi jangan hanya perbincangan. Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, pendirian tegas negara kita hendaklah dibayangkan, walaupun negara kita kecil tetapi kita ada maruah, maruah negara kita untuk dipertahankan kedaulatannya. Kita mesti bagi tahu rakyat Malaysia yang cintakan negara kita ini tidak bersetuju apa yang dikatakan oleh mereka. Kita harap sesetengah pemimpin negara Amerika Syarikat itu hendaklah memahami apa yang berlaku di negara kita. Negara kita mengamalkan sistem demokrasi, Kalaulah Kerajaan Barisan Nasional tidak diterima oleh rakyat, kita serahkan kepada rakyat jelata. Walau bagaimanapun rakyat Malaysia masih berdiri teguh di belakang kerajaan, maka itu sebab suara seperti ini tidak didengar. Bantahan secara rasmi hendaklah dihantar ke Kedutaan Besar Amerika Ayarikat supaya Duta Amerika memahami.

Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kali ini mesti lebih bertindak tegas jangan jadikan gentleman sahaja menyampaikan nota-nota atau perbincangan berkenaan dengan masalah ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Mesyuarat ASEAN yang akan diadakan pada minggu hadapan, saya harap pendirian negara kita dalam mesyuarat tersebut hendaklah dijelaskan. Kita tidak mahu lagi ada sesetengah pemimpin akan menyatakan atau mencampurkan hal ehwal dalam negara kita ini, kita hanya meminta

kerjasama antara anggota ASEAN supaya tumpukan semangat untuk memulihkan ekonomi serantau kita ini, itu penting, jangan campur hal lain. Sebab kalau kegawatan ekonomi masih melanda di rantau ini, maka ia akan menjadi masalah besar, mungkin kestabilan politik akan terjejas. Ia begitu penting kerana mungkin Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sebagai wakil negara kita dalam Mesyuarat ASEAN - pendirian kita hendaklah disampaikan kepada sahabat-sahabat kita, dalam anggota ASEAN ini supaya kita tumpukan masa, berbincang untuk mengatasi atau memulihkan semula ekonomi yang begitu teruk melanda di rantau kita ini.

Saya mengucapkan tahniah di mana negara kita telah terpilih sebagai ahli bukan tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tempoh dua tahun mulai tahun hadapan. Saya berharap wakil kita dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu akan memainkan peranan yang begitu penting dan menyuarakan pendirian, dasar negara kita kepada semua anggota Bangsa-bangsa Bersatu seperti dahulu dan pada masa akan datang juga diteruskan di mana kita akan dapat dihormati dan mempertahankan maruah negara kita ini. Jadi, dengan demikian saya memberi sokongan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Parit Buntar.

5.23 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah tajuk B.51 ini. Butiran 020100, Butiran 030100 dan kalau ada masa sedikit tentang Butiran 020300 - Penerangan Luar Negari. Butiran 020100 - Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi. Saya ingin khususkan perbincangan saya kepada hubungan dua hala Malaysia dengan Amerika Syarikat. Walaupun sebenarnya kerajaan khususnya Menteri Luar Negeri telah menjelaskan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji hubungan kita dengan Amerika Syarikat berikutan dengan beberapa perkembangan akhir-akhir ini. Saya ingin menyebut serba sedikit tentang senario yang dapat saya rumuskan tentang apa yang sedang dilakukan oleh Amerika Syarikat terhadap kita.

Tujuan utama mereka seperti mana yang mungkin telah dijelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum saya ialah memang tidak syak lagi untuk menggulingkan pemimpin yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Samalah dengan apa yang mereka usahakan terhadap Saddam Hussein dari Iraq, Ghaddafi dari Libya ataupun Fidel Castro dari Cuba dan yang akhir sekali baru-baru ini ialah Presiden Habibie dari Indonesia yang memang sejak awal lagi tidak disenangi oleh Amerika Syarikat. Sebab kenapa mereka ingin pemimpin-pemimpin ini termasuk pemimpin yang kita sayangi digulingkan ialah kerana dasar dan pendirian pemimpin masing-masing yang begitu tegas, sentiasa mendedahkan kepura-puraan Amerika Syarikat dalam berbagai bidang.

Dalam membincangkan soal hubungan Malaysia dengan Amerika ini, saya melihat bahawa perkembangan yang saya sebut tadi tidak seharusnya dilihat sebagai terasing. Kalau kita kaji percubaan Ahli-ahli Kongres Amerika untuk meluluskan satu usul meminta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan jawatan pada tahun lalu kemudian diikuti pula dengan kenyataan Setiausaha Negara Amerika, Madeleine Albright di sini beberapa minggu yang lalu diikuti pula dengan kenyataan Al Gore, dua hari yang lalu oleh spekulator ataupun penyangak mata wang George Soros.

Ini semuanya merupakan satu trend, satu aliran yang jelas pada kita bahawa di sana terdapat satu usaha yang concerted, satu usaha yang berpadu untuk menyerang kita. Kemudian kita ambil pula tentang laporan-laporan negatif yang sering dibuat oleh media-media asing termasuklah media elektronik dan cetak. Kita berasa bersyukur sebab sambutan rakyat terhadap usaha-usaha ini adalah menggalakkan. Pertama kali saya kira dalam sejarah, rakyat Malaysia menunjukkan perpaduan yang begitu menyeluruh terhadap kerajaan berikutan dengan serangan-serangan dari Amerika ini. Yang perlu kita kaji sekarang ialah tentang usaha seterusnya yang akan

dijalankan oleh Washington. Saya yakin mereka tidak berhenti di sini sahaja, seperti mana yang saya sebut dalam membincangkan peruntukan bagi Kementerian Penerangan minggu lalu bahawa mereka tidak akan berhenti setakat ini sahaja seperti mana yang pernah mereka lakukan kepada negara-negara lain.

Saya yakin Amerika Syarikat akan menggunakan strategi yang sama, yang pernah mereka lakukan di mana-mana di dunia. Sasaran utama mereka ialah negara-negara yang baik dengan kita termasuklah pertubuhan-pertubuhan serantau khususnya ASEAN, kalau kita lihat beberapa minggu atau beberapa bulan yang lalu terdapat suara-suara sumbang di kalangan para pemimpin ASEAN terhadap kita. Jadi ini kita harus lihat dari perspektif yang lebih dalam bukan setakat hanya satu suara yang membayangkan ketidakfahaman terhadap dasar kita, tetapi sebenarnya adalah satu rentetan yang saya kira dari satu usaha yang lebih halus yang dijalankan oleh perisik-perisik Amerika Syarikat. Kemudian kita juga jangan lupa tentang pertubuhan-pertubuhan serantau yang lain seperti OIC yang memang setakat ini memberikan sokongan yang begitu kuat terhadap usaha-usaha yang kita jalankan terhadap dasar-dasar kita. Saya yakin OIC juga merupakan sasaran ataupun target yang akan digembur atau digempur oleh para perisik Amerika dalam usaha untuk melemahkan kita.

Begitu juga dengan negara-negara dunia ketiga yang kita tahu terlalu rapat dengan kita termasuk juga dengan G15 ataupun Pertubuhan Negara-Negara Selatan. Jadi inilah sebenarnya tumpuan yang harus kita berikan mulai sekarang. Kita tidak mahu kalau misalnya berlaku sesuatu, walaupun saya kira Amerika tidak akan menyerang kita tetapi kita tidak boleh tolak kemungkinan bahawa sesuatu langkah yang lebih drastik akan dikenakan kepada kita seperti mungkin sekatan ekonomi dan sebagainya. Jadi kita harus bersedia mulai sekarang sekiranya langkah ini diambil kita jangan terperangkap seperti mana kita pernah terperangkap pada satu masa dahulu apabila bekas Presiden Indonesia melancarkan dasar konfrontasi kepada Malaysia pada tahun 60-an, masa itu kita tidak banyak sahabat sebab Indonesia ketika itu terlalu intim dengan Gerakan Negara-negara Afro-Asia Solidarity Movement ataupun Gerakan Solidariti Afro-Asia yang kemudian bertukar menjadi negara None-Aligned Movement ataupun Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Jadi kita tidak dapat sokongan daripada negara-negara berkenaan dan yang ada menyokong kita hanyalah negara-negara Barat seperti Britain, Amerika Syarikat dan dua, tiga negara Barat yang masa itu rapat dengan kita.

Jadi ini tidak memadai dan mencukupi untuk melawan dari segi diplomatik dasar konfrontasi yang dijalankan oleh Indonesia. Jadi kita tidak mahu sekiranya perkara yang begini berlaku mungkin dalam bentuk konfrontasi, tetapi dalam bentuk-bentuk lain misalnya seperti sekatan ekonomikah dan seumpamanya. Kita akan terperangkap .....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta sambung besok Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.